

BAB 1 : PENDAHULUAN

Latar belakang kajian

Wawasan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju yang cemerlang, gemilang dan terbilang merupakan satu cita-cita dinamik yang kejayaannya banyak bergantung kepada kesejahteraan dan kekuatan rakyat dari segi mental, fizikal dan intelektual. Sebuah negara maju hanya dapat ditegakkan melalui sokongan dan dokongan daripada individu-individu yang mempunyai daya juang yang tinggi. Kualiti pembangunan negara itu pula banyak bergantung kepada tahap produktiviti individu yang membentuk negara dari pelbagai sumbangan serta mempunyai personaliti unggul yang berhemah dan berbudi tinggi, berjaya dalam pengajian dan segala bidang yang diceburi. Justeru itu, kejayaan, kemajuan dan kesejahteraan negara lahir daripada kekuatan dalaman yang berteraskan keilmuan yang tinggi, akhlak yang mulia dan diri yang sejahtera. Selaras dengan wawasan tersebut, banyak usaha-usaha telah dipupuk diperingkat akar umbi terutamanya diperingkat persekolahan iaitu pelajar-pelajar dengan pelbagai program, latihan, bengkel, kursus pembinaan insan dan sahsiah. Ini amat penting untuk melahirkan manusia yang lebih proaktif, kolaboratif dan investigatif dalam usaha membina negara yang makmur dan sejahtera. Berasaskan daripada inilah seseorang itu perlu mempunyai satu semangat dan daya juang yang tinggi untuk bangkit kembali daripada kesusahan, tekanan, risiko hidup dan segala permasalahan yang dikenali sebagai resiliensi.

Ini bertepatan dengan saranan mantan Perdana Menteri Malaysia :

*“Negara kita Malaysia pada satu hari nanti harus setanding dan mampu bersaing dengan negara-negara maju lain di dunia. Tetapi kita harus mampu mengekalkan ciri-ciri kebudayaan dan adat serta kesopanan orang-orang timur. Cara hidup kita kaya dengan kesenian dan ketertipan dan seharusnya kita bangga dengannya kerana ia merupakan khazanah turun-temurun yang menentukan identiti kita. Janganlah kita cepat dan mudah sangat meniru dan menuruti tanpa memeriksa terlebih dahulu baik buruknya cara hidup orang-orang asing kerana ia banyak bertentangan dengan kehidupan masyarakat majmuk negara kita. Kita mestilah pandai memilih yang baik sahaja supaya rakyat Malaysia akan menjadi satu masyarakat yang lebih **resilien**. ”*¹

Berdasarkan saranan oleh mantan Perdana Menteri Malaysia ini, jelas menunjukkan bahawa pemupukan masyarakat yang resilien adalah satu usaha untuk membina generasi yang berwawasan. Visi dan misi negara akan tercapai, apabila masyarakat kita mampu bersaing di peringkat antarabangsa tanpa meninggalkan adat budaya sendiri. Membina Negara bangsa yang berjaya dan maju perlu kepada warganya yang ada kekuatan dalaman yang berteraskan keilmuan yang tinggi, akhlak yang mulia dan diri yang sejahtera. Hasrat ini selari dengan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan 2006-2010 (PIPP), yang ada mengariskan dalam teras strategiknya memberi fokus kepada membangunkan modal insan.

¹ Dato Seri Dr. Mahathir bin Mohamad, (06/08/1991), Majlis hari ucapan dan penyampaian hadiah Kolej Sultan Abdul Hamid, Alor Setar Kedah, Darul Aman

Resiliensi bukanlah satu terminologi yang baru, pengamalan dan pengalamannya telah lama berlaku didalam kehidupan manusia dan merupakan satu daripada gagasan dalam bidang psikologi perkembangan. Berasal daripada perkataan latin iaitu '*resilire*' yang bermaksud bingkas atau bangkit kembali. Dalam konteks ini, dikaitkan dengan bagaimana seseorang individu yang mengalami kesulitan dan kesusahan dapat menghadapi segala bentuk risiko, cabaran dan kekangan dengan lebih tabah dan yakin sehingga menjadikannya lebih kompeten dan berdaya juang yang tinggi dalam kehidupannya justeru itu menjadikannya seorang individu yang lebih baik daripada sebelumnya.

Resiliensi boleh berlaku dalam pelbagai bidang dan keadaan, serta dalam pelbagai bentuk dan situasi . Begitu juga dalam bidang pendidikan yang merupakan satu aspek yang paling asas dan dasar dalam sistem kehidupan manusia. Corak dan aliran pendidikan yang begitu dinamik inilah yang menjadi faktor utama merubah kehidupan manusia sejak zaman berzaman lagi dan dapat mendidik dan membangunkan manusia secara yang paling optimum dan seimbang. Jelaslah di sini bahawa pendidikan ialah proses membentuk keperibadian manusia yang sempurna dan seterusnya melahirkan manusia yang dapat berinteraksi lebih baik dengan pencipta alam dan alam itu sendiri. Oleh kerana manusia terdiri dari akal, roh dan anggota jasmani, maka pendidikan menjadikan semua itu sebagai sasaran untuk dipupuk dan dikembangkan potensinya. Resiliensi dalam pendidikan adalah peningkatan kecenderungan untuk berjaya di dalam sekolah dan pelbagai aspek yang lain di dalam kehidupan, walau pun berada dalam kesukaran persekitaran, didorong oleh budaya, keadaan dan pengalaman.

Pernyataan masalah

Bilangan remaja yang berisiko dan menghadapi kegagalan disekolah adalah disebabkan oleh kemiskinan, penyakit, penceraian, penyalahgunaan dadah dan alkohol, kerap berpindah, dan beberapa keadaan sukar lain yang sentiasa meningkat. Para pendidik dan mereka yang bekerja dengan remaja ini menghadapi cabaran baru dan dalam masa yang sama mereka mencuba untuk memenuhi keperluan pelajar dimana memahami cara kehidupan mereka baik dari aspek fizikal, emosi, intelek, budaya dan sebagainya. Walaupun ada sesetengah pendidik merasa semua masalah ini adalah diluar kemampuan mereka, kajian telah menunjukkan bahawa tindakan pendidik boleh mengubah masalah tersebut dengan menggalakkan resilien dalam pendidikan, kemampuan pelajar untuk mendapatkan kejayaan akademik dan sosial di sekolah walaupun terdedah kepada kesukaran peribadi dan persekitaran. Selari dengan keadaan itu, minat kajian mengenai resilien dalam bidang pendidikan dan sains sosial telah meningkat dan berkembang semenjak beberapa abad yang lalu (Glantz & Johnson,1999). Berhubung dengan resilien, Henderson & Milstein, (2003) menyatakan bahawa ;

Resiliensi adalah kemampuan seseorang untuk bangkit kembali dari tekanan hidup, belajar dan mencari elemen positif dari persekitarannya untuk membantu peningkatan dalam membangunkan proses beradaptasi dengan segala keadaan dan mengembangkan seluruh kemampuannya, walau berada dalam keadaan hidup tertekan, baik secara eksternal atau internal.

Peningkatan minat mengenai resilien ini telah menghasilkan trend yang penting. Impak dari perkembangan ini termasuklah:

- (1) Kemunculan pergerakan psikologi yang positif (Ickovics & Park, 1998);
- (2) Kemunculan kaunseling silang budaya dan penyelidikan imperatif yang memberikan penekanan terhadap teori etnik dan berkaitan dengan kebudayaan dimana menyatakan penyelidikan berkaitan membantu mempengaruhi resiliensi diri individu (Pedersen, 1987; Schiele,1996); dan
- (3) Perhatian yang bertambah kepada peranan keagamaan, spritualiti mental dan kesihatan fizikal (Bergin, Stinchfield, Gaskin, Masters & Sullivan,1988). Kesemua trend ini memberikan hala tuju yang baru dan menjanjikan hasil yang bermakna dalam kajian mengenai resilien.

Autoriti di dalam bidang ini telah menunjukkan bahawa kajian perlu diperluas dan diperkembangkan lagi mengenai penyelidikan resilien ini (Barbarin,1993; Garmezy & Masten, 1986; Glantz & Johnson, 1999; Werner, 1995). Keperluan untuk penambahan dalam kajian ini adalah berdasarkan kepada persetujuan bahawa masih terdapat satu ruang yang cukup luas untuk meningkatkan pemahaman kita mengenai fenomena resilien (Barbarin, 1993b; Garmezy, 1993; Garmezy & Masten,1986; Kagan, 1975; Kinard, 1998; Luther & Zigler, 1991; Monaghan-Blout, 1996; Mrazek & Mrazek, 1987; Tarter & Vanyukov, 1999). Menurut model resilien yang terdapat di dalam kertas kerja Barbarin (1993), Flach (1988), Garmezy & Masten (1986), Mrazek & Mrazek (1987), Rutter (1985), Werner (1995), and Wolin (1993), individu yang resilien boleh menghadapi cabaran hidup dengan lebih baik.

Jew, Green dan Kroger (1999), walau bagaimanapun menimbulkan persoalan mengenai hubungan diantara resilien dan daya tindak. Mereka membuat hipotesis bahawa “resilien muncul daripada sistem kepercayaan tertentu yang berinteraksi dengan tekanan persekitaran untuk menentukan kemahiran daya tindak seseorang individu”. Mereka menambah lagi bahawa “ pernyataan ini meletakkan resiliensi sebagai suatu sistem kepercayaan, secara tidak formalnya daya tindak sebagai satu set perlakuan yang berdasarkan kepada sistem kepercayaan ini” . Konseptualisasi perlakuan kognitif resilien ini, mencadangkan bahawa perhubungan linear yang tidak formal diantara resilien dan daya tindak. Namun begitu hubungan yang dicadangkan ini masih belum disokong secara empirikal.

Di dalam kajian yang terdahulu, Jew dan Green (1998) telah menentukan kesan faktor risiko keatas resiliensi remaja dan daya tindak di dalam populasi juvenil berumur diantara 13-18 tahun, yang dilaporkan memberikan tahap berlainan untuk tekanan peribadi dan kesusahan. Tujuan kajian ini adalah untuk menilai perbezaan skala resilien dan daya tindak antara para juvenil pada tahap tinggi, dan risiko rendah . Resilien didefinisikan sebagai satu set kepercayaan yang menentukan perlakuan daya tindak dan diukur menggunakan Skala *Ways of Coping Scale* (Folkman & Lazarus, 1980).

Jew dan Green (1998) mendapati bahawa pelajar yang dilaporkan terdedah kepada kadar faktor risiko yang tinggi mempunyai tahap resilien yang lebih rendah, dan pelajar yang dilaporkan terdedah kepada kadar faktor risiko yang rendah mempunyai tahap resilien yang lebih tinggi. Penemuan ini telah menyokong hipotesis mereka dan penemuan penulisan yang sebelumnya mengenai hubungan diantara resilien dan faktor risiko. Corak keputusan yang sama dijangka terhasil untuk respon daya tindak namun

begitu, Jew dan Green tidak dapat mengesan sebarang perubahan yang signifikan bagi respon daya tindak bagi pelajar yang terdedah kepada faktor risiko sama pada tahap rendah atau tinggi. Oleh itu mereka membuat kesimpulan bahawa adalah perlu untuk membuat kajian yang seterusnya mengenai perhubungan antara resilien dan daya tindak.

Walaupun terdapat keperluan untuk penyelidikan tambahan keatas resilien, bahan penulisannya telah mendapat kritikan kerana kurang mempunyai mekanisma pengesanan yang boleh diharapkan bagi mengukur keesahan. Kritikan ini juga termasuk kebimbangan terhadap ketidak mampuan operasi resilien (Kinard, 1998). Biscoe dan Harris (1994) menawarkan jalan penyelesaian untuk masalah ini. Mereka menghasilkan Skala Sikap Resiliency, *Resiliency Attitude Scale* (RAS). Skala ini mengukur sikap yang menunjukkan resilien, bukan terus mengukur resilien seperti biasa. Daripada maklumat sikap ini, kesimpulan untuk resilien dapat dilakukan secara menyeluruh. Skala ini masih lagi dalam proses perkembangan, tetapi ia nampaknya boleh memberikan kebaikan yang positif dalam kajian empirikal resilien.

Tambahan kepada masalah dalam mengukur resilien dan mendapatkan pemahaman yang jelas tentang hubungan antara resilien dan daya tindak tidak dapat dipisahkan daripada mempunyai kaitan dengan risiko dan faktor protektif (Barbarin, 1993a, 1993b; Fine, 1991; Jew & Green, 1998; Mandelco, 1991; McCubbin, Thompson & McCubbin, 1995; Rutter, 1987; Turner, 1992; Werner, 1995, 1989). Faktor risiko adalah akut atau menghadapi peristiwa kehidupan yang tertekan dan boleh juga mempengaruhi watak individu tersebut termasuk persekitarannya. Faktor seperti ini biasanya adalah hasil daripada peningkatan dalam kelemahan pada individual itu. faktor protektif ialah kemahiran, perlakuan sikap, trait personaliti, atau faktor persekitaran yang

menyumbangkan kearah peningkatan resilien. Sementara itu, kebanyakan penyelidikan mengenai resilien memberi fokus terhadap faktor yang menempatkan kanak-kanak dan remaja berisiko untuk hasil yang positif (cth., lepasan daripada sekolah menengah dan kolej), penyelidikan tambahan adalah perlu untuk memastikan variasi yang boleh menyeimbangkan faktor risiko atau meningkatkan mekanisme protektif (Luthar & Zigler, 1991; Mrazek & Mrazek, 1987). Adalah juga perlu untuk mengaplikasikan konsep ini kepada masyarakat yang pelbagai kaum (Garmezy, 1993).

Sekolah dan guru sering dipersalahkan untuk pencapaian pelajar yang rendah. Para guru difahamkan merasa tertekan dengan rangkaian masalah kompleks yang dihadapi oleh pelajar di kebanyakan sekolah. Dalam usaha untuk membantu para guru menghadapi cabaran seperti ini, penyelidik cuba mengenalpasti beberapa faktor yang menggalakkan perkembangan dan pembelajaran yang sihat dikalangan remaja walaupun berada dalam keadaan yang sukar. Mereka sedang belajar bagaimana keluarga, para guru, sekolah dan komuniti boleh menggalakkan resilien agar remaja boleh menghadapi kesukaran dan seterusnya menjadi lebih baik dan kompeten daripada sebelumnya serta dapat memenuhi impian dan harapan seterusnya memberi faedah kepada seluruh masyarakat dan negara.

Selari dengan Saranan oleh Jew, Green dan Kroger (2006), Beberapa faktor lain perlu juga dikaji untuk melihat bagaimana sikap resilien boleh meningkat melalui satu pembinaan model yang holistik. Impak peningkatan pada sikap resilien membantu untuk melihat faktor kecemerlangan remaja dalam bidang akademik.

Model Kerangka Teori

Model kerangka teori adalah berdasarkan pada kajian teori terdahulu seperti Teori Penilaian Kognitif, Teori Resilien Wolin dan Wolin, Teori Sistem, dan Teori Perkembangan sepanjang hayat serta model model yang berkaitan dengan resilien. Seperti yang sedia maklum, resilien telah dikonsepskan secara meluas dan tidak sekata di sepanjang penulisan (Glantz & Johnson, 1999; Kinard, 1998). Ia kerap dikonsepskan sebagai trait personaliti dengan penekanan lebih keatas faktor risiko yang membantu membentuk trait ini. Penulisan yang terbaru menggambarkan ekologiikal dan kognitif mengkonsepkan perlakuan resilien (Freitas & Downey, 1998). Tambahan lagi, terdapat permintaan untuk perhatian yang lebih keatas mengenalpasti dan mengkaji faktor protektif yang mempengaruhi proses resilien (Barbarin, 1993a, 1993b; Kumpfer, 1999; Luster & McAdoo, 1994; Rosen, 1982; Rutter, 1987, 1985).

Dibawah ini, penyelidik akan membincangkan tentang rangka kerja teori yang berkaitan dengan kajian ini iaitu teori penilaian kognitif bagi resilien dan daya tindak, teori resilien wolin dan wolin, teori sistem, dan teori perkembangan sepanjang hayat.

Teori Penilaian Kognitif bagi Resilien dan daya tindak (*coping*)

Jew, Green dan Kroger (1999) memperkembangkan *Resilient Cognitive Appraisal Theory of Stress and coping* oleh Lazarus dan Folkman (1984). Mereka sebagai peneroka dalam kerja ini boleh menjadi peyumbang yang bermakna kepada kajian resilien dimana menawarkan kepada para pengkaji model yang mudah difahami dan disokong oleh ujian empirikal.

Lazarus dan Folkman (1984) mendefinisikan tekanan sebagai fenomena yang multidimensional dimanifestasikan secara variasi dalam sebarang keadaan. Terdapat tekanan yang baik dan tekanan yang buruk. Tekanan yang baik boleh memotivasikan atau memberikan inspirasi kepada seseorang, ia juga boleh diterima sebagai cabaran. Tekanan yang buruk selalunya muncul dalam bentuk kerisauan, berdebar, dan kebimbangan. Ia juga boleh muncul sebagai penyakit fizikal atau mental. Penilaian terhadap sesuatu situasi yang tertekan bergantung kepada keputusan kita sendiri. Lazarus & Folkman (1984) menawarkan rangka kerja untuk memberi konsep kepada respon kita terhadap tekanan di dalam bentuk teori yang digelar “*The Cognitive Appraisal Theory of Stress and Coping*”.

Rangka kerja diatas dicadangkan dalam kajian kerja Jew, Green, dan Kroger (1999) sebagai rangka kerja yang menerangkan kemunculan resilien. Walaupun Jew, green dan Kroger tidak memberikan maklumat terperinci tentang bagaimana teori ini boleh berkesan dalam kajian terbitan mereka, mereka mendefinisikan resilien sebagai suatu sistem kepercayaan. Menurut teori kognitif dalam psikologi - pemikiran, kognitif dan kepercayaan boleh mempengaruhi atau menyebabkan sesuatu perlakuan. Maka, kepercayaan atau sikap yang menunjukkan resilien boleh membantu menentukan perlakuan yang mencerminkan resilien. Tingkah laku ini dikenal pasti sebagai satu set kemahiran dan kebolehan dalam kerja awal Mrazek and Mrazek’s (1987) keatas resilien dalam kanak-kanak yang telah disalah laku/dera.

Jew, Green & Kroger (1999) menggunakan kognitif Appraisal Theory of Stress and coping (Lazarus & Folkman, 1984) untuk memberitahu konseptualisasi mereka keatas resilien. Teori ini menganggap bahawa (1) seseorang itu menerima atau

mengalami tekanan di dalam persekitarannya, (2) menilai situasi tersebut, (3) membuat keputusan terhadap respon *coping* (atau tidak mengambil tindakan, bergantung kepada set kognitif mereka) berdasarkan kepada penilaian, pengalaman lalu, nilai, kepercayaan, dll., dan (4) menilai semula situasi untuk melihat samada tindakan tambahan perlu untuk menghilangkan atau mengurangkan tekanan.

Rangka kerja ini menyatakan bahawa pengalaman tekanan individual di dalam persekitaran mereka, proses kognitif diuji yang memulakan seseorang itu menilai situasi. Proses penilaian ini berlaku dalam dua langkah: penaksiran primer dan penaksiran sekunder.

Semasa proses penaksiran primer, seseorang itu membuat satu pertiga pilihan mengenai situasi yang tertekan atau sukar: (1) menilai situasi atau pemberi tekanan sebagai tidak berkaitan - menghadapi persekitaran tersebut tidak memberikan implikasi keatas keadaannya, (2) penilaian keatas pemberi tekanan atau situasi yang sukar sebagai permulaan yang positif - ini berlaku apabila hasil daripada menghadapi tekanan atau kesukaran adalah positif, sebagai pertumbuhan individual, dan (3) penilaian sebagai menekan, dimana termasuk kesedaran bahawa (a) menerima kehilangan atau kecederaan yang nyata atau tidak, (b) ancaman atau bakal menerima akibat yang negatif (c) cabaran-situasi dimana seseorang itu boleh menggerakkan usaha coping dan menguruskan stress yang akan meningkatkan pengetahuan dan kemahiran. Respon yang dipilih adalah penting untuk implikasi terhadap adaptasi dan pengubahsuaian.

Apabila seseorang itu telah melakukan penilaian permulaan bagi situasi dan mengenalpasti beberapa hasil yang mungkin terjadi, dan pilihan, seseorang itu boleh pergi ke tahap penilaian yang seterusnya dimana dia mesti memutuskan apa yang akan

atau yang boleh dilakukan terhadap situasi ini. Selalunya seseorang itu menyedari bahawa sesuatu perlu dilakukan untuk menangani situasi dan tekanan yang berkenaan itu. Apa yang dipilih oleh seseorang itu ditentukan oleh beberapa faktor seperti pengetahuan lalu, sumber yang ada, nilai, kepercayaan, emosi, dan sebagainya.

Proses petaksiran atau penilaian primer dan sekunder berinteraksi antara satu sama lain dalam membentuk darjah atau tahap kerisauan yang dialami oleh seseorang itu dan menentukan kualiti reaksi mereka atau respon daya tindak. Secara idealnya, semakin berumur dan matang seseorang terhadap pengalaman hidup, maka mereka harus mempunyai pandangan yang lebih luas terhadap respon daya tindak. Variasi dalam kebolehan berdaya tindak boleh mencadangkan bahawa ia adalah samada kekuatan atau kelemahan. Suatu keadaan yang berada diluar kawalan seseorang atau variasi personaliti individu boleh menyumbangkan kepada respon dalam coping. Apabila sesuatu respon telah dipilih, individual itu boleh menilai semula situasi dan memutuskan samada tindakan seterusnya diperlukan untuk mengelakkan sebarang bahaya keatas diri sendiri.

Teori penilaian Kognitif nampaknya seperti rangka kerja yang ideal untuk mengkonsepkan tekanan, daya tindak dan aspek kognitif bagi proses resilien. Walau bagaimana pun, sekiranya jalan analisis tidak dilakukan untuk menentukan arah perhubungan ini, kita tidak boleh membuat asas kesimpulan tentang perhubungan ini. Menurut Jew (2000) sebarang analisis tidak boleh dilakukan keatas model resilien mereka.

Teori Resilien Wolin dan Wolin

Wolin and Wolin (1993) mewujudkan suatu teori berdasarkan keatas temuduga klinikal dengan dua puluh lima pesakit daripada klinik persendirian. Mengikut teori mereka, resilien berkembang dari semasa ke semasa dan kebolehan atau kapasiti yang muncul dalam individu adalah dalam bentuk kemahiran. Kemahiran ini akan menjadi “kekuatan yang berkekalan” dan menjadi sebahagian daripada diri mereka. Kemahiran ini dipanggil sebagai resilien. Ini termasuk: yang akan berlaku, kemandirian, perhubungan, inisiatif, kreativiti humor dan moraliti.

Kemahiran dan kebolehan ini cenderung menjadi rangkaian atau kelompok personaliti - personaliti yang berlainan mempunyai set resilien yang berbeza. Mereka percaya bahawa mengatasi kelemahan adalah mengenai belajar untuk berfikir dan bersikap berbeza. Menurut teori ini, anda boleh “menyingkap” atau “menemui” resilien dalaman diri hanya dengan membaca mengenai kejayaan resilien orang lain. Wolin dan Wolin melabel ahli psikologi yang “sibuk dengan patologi dan masalah” sebagai penyebab yang membuat orang terdedah kepada stress/tekanan. Wolin dan Wolin percaya bahawa orang ramai mempelajari dan berada dalam keadaan untuk menjadi tidak resilien. Mereka telah membina “Model Kerosakan” untuk membantu menerangkan etiologi bagi kelemahan dan hasil patologinya keatas individual. Patologi ini muncul dalam bentuk pemikiran patologi, perasaan atau perlakuan. “Model Kerosakan” ini hanya secara teori dan tidak disokong secara empirikal.

Lawan kepada “Model Kerosakan” ini ialah “Model Cabaran”. model ini menerangkan bagaimana seseorang bangun semula daripada kesukaran. Ini juga adalah secara teori sahaja, kurang sokongan dari segi empirikal. Model Cabaran adalah

percubaan untuk menerangkan etiologi bagi kelemahan dan resilien. Ia dikatakan bahawa mereka yang lemah mesti mengubah pandangan mereka terhadap kehidupan jika mereka ingin menjadi resilien. Wolin dan Wolin (1993) mengusulkan bahawa, “dengan membaca buku ini, anda akan meluaskan kesedaran terhadap kekuatan diri dan mengingati semula memori dimana anda berjaya bangun semula daripada kesusahan”. Kuncinya ialah untuk mengubah pemikiran seorang mangsa kepada pemikiran seorang survivor. Wolin dan Wolin menyebutkan “laporan kes” sebagai bukti kajian untuk Model Cabaran. Mereka juga menyatakan bahawa bilangan ujikaji keatas resilien telah menambahkan pemahaman mereka tentang bagaimana survivor dapat mengatasi “halangan susah yang menakutkan”

Biscoe dan Harris (1994) mencipta suatu skala dengan tujuan untuk menilai sikap yang menunjukkan tujuh kemahiran dan kebolehan yang dikenalpasti dalam hasil kerja Wolin dan Wolin (1993). Item dalam enam subskala bagi Skala Sikap Resilien (RAS) telah ditulis untuk mewakili tujuh resilien: Celik akal, berdikari, perhubungan, inisiatif, kreativiti dan humor, dan moraliti (dalam RAS, kreativiti dan humor digabungkan dan anggap sebagai satu resilien). Tujuh Subskala telah dicipta oleh Biscoe dan Harris dan dimasukkan di dalam RAS sebagai ukuran resilien am. Subskala “Resilien Am” mewakili kemahiran yang mencerminkan kesungguhan dalam menyelesaikan kesusahan dan didefinisikan sebagai kepercayaan bahawa seseorang boleh hidup dan menjadikan keadaan lebih baik untuk diri sendiri dan orang lain (Biscoe & Harris, 1994). RAS masih lagi dalam perkembangan. Penemuan dalam kajian ini mungkin boleh membantu menyediakan tambahan validiti dan data realibiliti untuk skala ini.

Teori Sistem

Sistem teori (Bowen, 1978; Minuchin, 1974) mewakili satu rangka kerja yang ideal untuk memahami resilien. Sistem teori menegaskan bahawa perlakuan boleh difahami dalam konteks interaksi dinamik antara individu tersebut dan persekitarannya. Perlakuan membawa maksud di dalam konteks sistem yang bertindih, bersatu, dan berpisah. Namun tiada sebarang bahan bertulis yang menyatakan secara spesifik tentang rangka kerja ini patut digunakan untuk mengkonsepkan resilien, ia telah dihubungkan di dalam hasil kerja Kumpfer (1999) dan lain yang membuat hipotesis model ekologi resilien.

Freitas dan Downey (1998) terpenggil untuk mengkonsepkan sistemik yang dinamik untuk resilien yang membantu menjelaskan daya tindak dalam kanak-kanak melalui peringkat yang berbeza dan ruang perkembangan di sepanjang hidup (cth. perhubungan yang bermakna dengan orang lain, akademik, dll). mereka mencadangkan anjakan dalam fokus daripada berusaha untuk mengenal pasti trait resilien di dalam individu untuk sistem mengenal pasti yang menggalakkan hasil resilien. Tempat ibadat, keluarga, sekolah dan tempat tinggal masing-masing mewakili sistem tersebut (Billingsley & Caildwell, 1991; Boyd-Franklin, 1989). Kajian ini boleh memberitahu kita tentang kepentingan tempat ibadat dan agama, sistem memperkenalkan resilien.

Teori Perkembangan sepanjang hayat

Glantz & Johnson (1999) menawarkan pandangan yang kritikal tentang tulisan resilien dan menyimpulkan mungkin model yang terbaik untuk mengkonsepkan resilien ialah proses Model Perkembangan Kitar-Hidup. Model perkembangan sepanjang hayat

bagi resilien menganggap bahawa resilien dimanifestasikan secara berbeza pada peringkat perkembangan yang berlainan. Teori perkembangan sepanjang hayat ini nampak seperti menawarkan rangka kerja yang munasabah dengan memberi pertimbangan bahawa beberapa isu resilien yang dialami oleh pelajar kolej. Isu ini termasuklah seperti isu perhubungan, keyakinan diri, isu perpisahan individu, isu kerbergantungan, isu identiti-jantina, isu bangsa dan etnik, dan pilihan kerjaya. Keagamaan dan perkara yang berkaitan boleh berulang pada mana-mana tahap perkembangan di sepanjang kitar hidup. Cara isu keagamaan dimanifestasikan dan bagaimana ia digunakan dalam coping juga akan bervariasi dengan tahap perkembangan. Penemuan bahawa keagamaan dan teras kepercayaan memperbaiki daya tindak dan resilien di dalam kedua-dua kumpulan bagi pelajar kolej boleh mencadangkan bahawa agama memberikan fungsi yang penting di dalam tahap awal dewasa dan tahap akhir zaman remaja (Oler, 1997; Cooper-Lewter & Mitchell, 1996).

Model Resilien

Sebagai tambahan kepada teori rangka kerja yang telah dinyatakan diatas, beberapa model resilien telah dikenal pasti dan ditunjukkan bahawa percubaan telah dilakukan untuk memperkembangkan pemahaman kita terhadap resilien. Namun begitu, kebanyakan model resilien masih lagi menghubungkan adanya pemilihan secara selektif faktor protektif (Glantz & Johnson, 1999). Beberapa model resilien yang masih wujud mendefinisikan resilien sebagai proses dan kebanyakannya gagal untuk mengenalpasti dan membincangkan kemungkinan implikasi bagi etnik dan budaya semasa manifestasi

proses resilien (Barbarin, 1993b; Kumpfer, 1999). Dengan ini, saya akan membincangkan tiga model yang berkaitan dalam kajian ini-ekologikal, kitar hidup, dan transaksional.

Ekologikal

Suatu artikel konseptual mengenai resilien untuk kanak-kanak mangsa penderaan, Mrazek & Mrazek (1987) membuat hipotesis model ekologi resilien. Resilien dikonsepasikan sebagai hasil daripada interaksi dinamik diantara ciri personaliti, faktor protektif, dan faktor risiko. Mereka mengenal pasti dua belas kualiti personaliti dan kemahiran yang dipercayai menggalakkan resilien. Ini termasuklah:

- Gerakbalas yang cepat kepada bahaya
- Kematangan yang cepat
- Pengasingan kesan
- Pencarian maklumat
- Pembinaan dan penggunaan perhubungan untuk kelangsungan hidup
- Harapan positif yang dijangka
- Kepercayaan untuk disayangi
- Kepastian untuk mengambil risiko
- Optimisme dan harapan
- Tidak mementingkan diri sendiri (*altruisme*)
- Pembinaan semula kognitif dari pengalaman yang pahit
- Idealisasi dari kebolehan bertindakbalas

(Mrazek & Mrazek, 1987)

Sementara ia masih lagi mungkin berlaku, dan munasabah, bahawa karektoristik dan kemahiran ini menggalakkan resilien, model ini gagal untuk menjelaskan bagaimana proses itu berlaku pada individu. Kekuatan yang utama pada model ini ialah ia menawarkan kaunselor satu himpunan kemahiran yang boleh diterjemahkan kepada matlamat untuk dicapai di dalam terapi atau kaunseling. Jew & Green (1998) menggunakan model ini untuk membina satu skala untuk mengukur resilien. Skala mereka ini masih lagi dalam pembinaan.

Kitar Hidup

Flach (1988) membina Model Kitar Hidup, yang memberi persepsi resilien sebagai suatu proses. Mengikut model ini, seseorang itu berkembang melalui lapan tahap dalam kitar hidup manusia. Ia adalah:

- Bayi
- Kanak-kanak
- Remaja
- Bujang dewasa
- Muda dan berkahwin
- Ibu bapa
- Pertengahan umur
- Tua

Setiap tahap di dalam kitar hidup mempunyai cabaran yang tertentu, karektoristik, tanggung jawab, dan peluang yang memerlukan seseorang untuk berubah supaya dapat bertahan dengan efektif. Pergerakan daripada satu tahap ke tahap yang lain berlaku

semasa seseorang itu dalam proses pertumbuhan dan menjadi matang. Pergerakan sebenar daripada satu tahap ke tahap yang lain menyebabkan amaun tekanan yang tertentu membuat seseorang itu bersedia untuk tahap perubahan yang seterusnya.

Diantara setiap kelapan-lapan tahap dalam kehidupan, berlaku "*bifurcation*" (pembahagian) - satu titik dimana kita akan bertindak balas kepada tekanan dan kecederaan pada kehidupan. Semasa dalam tempoh ini (cth, titik pembahagian) dimana kita melawan samada secara mental, fizikal, spiritual atau tindakan kita untuk kelangsungan hidup. Respon kita menunjukkan keperluan untuk berubah, membuang sikap dan corak kelakuan yang ketinggalan zaman, ataupun membahayakan. Ini digantikan dengan cara pemikiran dan perlakuan yang lebih matang dan konsisten dengan pertumbuhan dan perkembangan disepanjang kitar hidup. Walaupun keadaan sebenar pada setiap tahap dalam kehidupan adalah berlainan antara satu sama lain, terdapat isu universal yang spesifik berlaku setiap kali individu melepasi titik *bifurcation*. Ini termasuklah seperti:


- Perlunya untuk mengadaptasi kepada perubahan keadaan luaran
- Mengambil berat imej sendiri, berpendirian dan menyimpan keyakinan diri baru.
- Membina hubungan sesama manusia yang baru dan memperbaharui yang lama
- Redha pada seseorang yang telah pergi kerana meninggal atau berpisah.
- Menyeimbangkan kebolehan untuk menjadi lebih berdikari tanpa bergantung atau memerlukan orang lain yang keterlaluan
- Mengesahkan semula atau menukarkan tujuan kita dalam kehidupan.

Flach (1998) mengenal pasti empat belas trait yang dipercayai menyumbangkan kepada resilien seseorang.. Trait ini termasuklah:

- Keyakinan diri yang kuat dan fleksibel.
- Kebebasan untuk berfikir dan bertindak, tanpa rasa takut atau perlu bergantung kepada orang lain atau keraguan untuk melakukannya.
- Kebolehan untuk memberi dan menerima dalam interaksi dengan orang lain
- Jaringan sahabat handai yang kukuh, termasuk beberapa orang yang rapat
- Disiplin diri yang sangat tinggi
- Rasa tanggungjawab
- Penghargaan dan perkembangan terhadap anugerah dan bakat
- Bersikap terbuka kepada idea baru
- Mempunyai impian
- Minat yang luas
- Toleransi yang tinggi terhadap tekanan
- Celik akal serta dapat merasai perasaan sendiri dan orang lain, serta mampu untuk berkomunikasi dengan cara yang baik
- Humor
- Fokus - komitmen kepada hidup, dan falsafah rangka kerja di dalam pengalaman sendiri boleh di interpertasikan dengan bermakna, walaupun pada masa yang tiada harapan (Flach, 1988).

Transaksi

Glanz & Johnson (1999) membuat hipotesis model transaksi di mana resilien adalah hasil daripada interaksi dinamik diantara (1) prekursor atau petanda persekitaran, biasanya digelar risiko dan faktor protektif, (2) karektoristik seseorang bagi individu resilien, (3) integrasi semula atau hasil yang positif selepas pengalaman hidup yang negatif, dan (4) proses dinamik antara individu dengan persekitaran dan hasilnya (cth. daya tindak yang efektif). Model mereka adalah sama dengan model Flach (1988), setiap satu menawarkan rangka kerja yang munasabah untuk meneroka perhubungan diantara budaya, etnik, identiti, dan resilien. Akhirnya, Kumpfer (1999) menyusun variasi berkaitan dengan resilien ke dalam suatu rangka kerja yang dinamik bagi membolehkan interaksi diantara individu resilien dan persekitaran yang berisiko tinggi seperti ditunjukkan dalam rajah 1. Beliau mencadangkan bahawa resilien mungkin bukan sahaja dalam satu bentuk pembinaan tunggal seperti yang modelkan disepanjang literatur, tetapi mungkin suatu proses yang saling berkait dan kompleks.




Rajah 1:. Adaptasi dari Kerangka Resiliensi oleh Karol Kumpfer

Teori Penilaian Kognitif, Teori Resilien Wolin dan Wolin, Teori Sistem, dan Teori Perkembangan sepanjang hayat boleh digunakan untuk memberi maklumat kepada pendekatan kita terhadap pemahaman resilien. Secara khususnya, teori ini membantu menerangkan tentang kepentingan variasi yang dipilih sebagai moderator dalam kajian ini, dan seterusnya membantu menyediakan rangkakerja untuk pemahaman yang mendalam mengenai perhubungan dan interaksi diantara sikap resilien dan daya tindak. Majoriti model resilien mencadangkan, seperti yang dilihat di dalam analisis, bahawa resilien adalah suatu fenomena yang kompleks muncul daripada interaksi dinamik antara

personaliti, persekitaran, risiko dan faktor protektif. Perbandingan antara faktor protektif dan model-model menyingkap beberapa kesatuan antara model. Setiap model tersebut mengesan kepentingan keluarga, sokongan sosial dan komuniti dan mengekalkan sikap resilien.

Mereka juga mencadangkan kaitan yang penting antara daya tindak, faktor budaya yang boleh menggalakkan resilien. Namun begitu, kita masih lagi memerlukan penyelidikan tambahan bagi mengisi kekosongan dalam pengetahuan yang tidak diterangkan oleh model ini (cth. pengukuran empirikal untuk resilien).

Berasaskan kepada kerangka teori dan model model yang berkaitan disini dikemukakan langkah-langkah pemodelan yang berikut:




Rajah 2 : Langkah pendekatan Model Persamaan Struktural

Tahap-tahap dalam pembinaan model untuk kajian ini adalah berdasarkan

- ▶ Pengembangan model berdasarkan teori
- ▶ Menyusun diagram jalur dan persamaan struktural
- ▶ Memilih jenis input matrik dan estimasi model yang diusulkan
- ▶ Menilai identifikasi model struktural
- ▶ Menilai kriteria *Goodness-of-Fit*
- ▶ Interpretasi dan modifikasi model

Model cadangan hubungan antara konstruk adalah dikemukakan seperti berikut:



Rajah 3 : Kerangka Model Kajian

Rajah 3 di atas menunjukkan model kajian yang menggambarkan hubungan antara variabel laten yang terdiri daripada empat variabel iaitu sikap resiliensi, daya tindak, akulturasi dan faktor protektif.

Penjelasan mengenai setiap konstruk dan indikator yang terlibat dalam kajian ini, merujuk kepada jadual 1 di bawah;

Jadual 1 : konstruk dan indikator model sikap resiliensi pelajar

Konstruk	Indikator	Kod
Sikap Resilien	Celik akal	SR1
	Berdikari/Kemandirian	SR2
	Perhubungan	SR3
	Inisiatif	SR4
	Kreativiti dan humor	SR5
	Moraliti	SR6
	Resiliensi Umum	SR7
Daya tindak	Daya tindak spiritual	DT1
	Daya tindak adaptif	DT2
	Daya tindak bukan adaptif	DT3
	Daya tindak emosi	DT4
	Daya tindak humor	DT5
	Daya tindak kepercayaan	DT6
	Daya tindak ragu dan putus asa	DT7
Akulturasi	Kepercayaan dan amalan agama	AK1
	Keutamaan pada sesuatu benda	AK2
	Sikap hubungan antara kaum	AK3
	Amalan keluarga	AK4
	Amalan dan kepercayaan tentang kesihatan	AK5
	Dogengan masyarakat	AK6
	Pengasingan kaum	AK7
	Nilai keluarga	AK8
Faktor protektif	Teras kepercayaan	PA1
	Keagamaan	PA2
	Spiritualiti	PA3

Objektif Kajian

Secara keseluruhannya objektif umum kajian ini adalah :

1. Memperihalkan tahap sikap resilien dikalangan pelajar-pelajar remaja.
2. Menentukan peranan faktor protektif (keagamaan, teras kepercayaan dan spritualiti) sebagai moderator antara sikap resiliensi dan daya tindak serta dapat menjadi pelindung dalam masa tekanan dan kesusahan.
3. Menentukan hubungan antara sikap resiliensi dengan daya tindak, akulturasi dan faktor protektif.

Objektif-objektif khusus adalah untuk:

- i) Menentukan hubungan antara sikap resilien dan daya tindak dikalangan pelajar remaja
- ii) Mengenalpasti dan memahami hubungan antara sikap resilien dengan faktor protektif (keagamaan, kerohanian dan teras kepercayaan)
- iii) Menentukan hubungan antara akulturasi dengan sikap resiliensi, daya tindak dan faktor protektif (teras kepercayaan, keagamaan dan spritualiti)
- iv) Menentukan sama ada wujud perbezaan hubungan diantara sikap resilien dengan daya tindak, akulturasi dan faktor protektif (teras kepercayaan, keagamaan dan spritualiti) pelajar berdasarkan ciri-ciri demografi (jantina, lokasi sekolah dan tempat tinggal)

Soalan kajian

Walaupun terdapat minat yang kuat dan kajian yang bertambah, resilien masih lagi suatu fenomena yang amat kurang difahami. Kajian ini akan terus memberi input, menambah dan meningkatkan pemahaman dengan meneroka sikap resilien serta faktor-faktor yang ada hubungan dengannya seperti daya tindak, akulturasi dan faktor protektif di kalangan pelajar-pelajar remaja.

Soalan kajian yang akan diberikan tumpuan ialah:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara sikap resilien dan daya tindak dikalangan sampel pelajar yang dikaji?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor protektif (teras kepercayaan, keagamaan dan spiritualiti) dengan sikap resilien dikalangan sampel pelajar yang dikaji?
3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara faktor protektif dan daya tindak dikalangan sampel pelajar yang dikaji?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara akulturasi dan sikap resilien dikalangan sampel pelajar yang dikaji?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara akulturasi dan daya tindak dikalangan sampel pelajar yang dikaji?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara faktor protektif dan akulturasi dikalangan sampel pelajar yang dikaji?

7. Adakah terdapat perhubungan diantara sikap resilien dan daya tindak dengan faktor protektif (teras kepercayaan, keagamaan dan spiritualiti) sebagai moderator?
8. Adakah model yang dicadangkan *fit* dikalangan pelajar lelaki dan perempuan?
9. Adakah model yang dicadangkan *fit* dikalangan pelajar sekolah bandar dan luar bandar?
10. Adakah model yang dicadangkan *fit* dikalangan pelajar yang tinggal di bandar dan luar bandar?
11. Adakah model yang dicadangkan *fit* dikalangan pelajar dari sekolah primer, elit dan SMK Agama?

Kepentingan kajian

Kajian ini penting bagi dua perkara. Pertama, ia adalah usaha untuk menjawab beberapa persoalan yang telah ditimbulkan oleh Jew and Green (1998) dan Jew, Green dan Kroger (1999) mengenai hubungan antara daya tindak dan resilien, dimana mereka yang telah membuat hipotesis mengenai perhubungan kasual yang linear antara resiliensi dan daya tindak.

Kebanyakan bahan literatur mendedahkan bahawa tiada bukti empirikal yang wujud samada boleh menyokong atau menyanggah hipotesis mereka ini.

Kedua, maklumat yang boleh didapati daripada kajian ini boleh digunakan untuk membantu melaksanakan program yang berkaitan dengan pelajar pelajar remaja yang berisiko atau sebaliknya, dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan secara holistik, merangkumi bidang kurikulum dan kokurikulum.

Berdasarkan objektif-objektif yang dikemukakan, kajian ini juga akan memberi manfaat kepada semua ibu bapa atau keluarga, pendidik serta masyarakat tentang betapa pentingnya memberi perhatian kepada pembangunan dan kebangkitan semula anak-anak yang pernah mengalami kesusahan baik dari aspek fizikal dan rohani untuk mengelak daripada timbulnya masalah dalam diri mereka dan pandangan negatif terhadap kehidupan

Dengan mengenalpasti sikap yang menunjukkan resilien, cara berdaya tindak dan faktor protektif, saranan-saranan boleh dibuat kepada pihak-pihak tertentu seperti Kementerian Pelajaran, pentadbir sekolah, pihak universiti, kaunselor dan badan-badan bukan kerajaan (NGO) agar dapat memberi perhatian kepada pelajar yang tidak bernasib baik dan merancang serta menyediakan program-program yang dapat membantu mereka menghadapi masalah dan seterusnya membentuk personaliti yang lebih sempurna selari dengan hasrat Kementerian Pelajaran dalam Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (PIPP).

Seterusnya kajian ini juga dapat memberi manfaat kepada negara kita Malaysia kerana untuk memenuhi impian kearah sebuah negara maju menjelang tahun 2020 perlu ada keseimbangan dari segi pembangunan fizikal dan sumber manusia. Oleh itu Malaysia memerlukan generasi yang berilmu, berwibawa, bertakwa dan berketerampilan untuk menerajui negara dimasa hadapan baik dibidang sains, ekonomi, politik, sosial, pendidikan, teknologi dan sebagainya. Kekuatan dan kesejahteraan diri adalah sumber terpenting untuk melahirkan modal insan kelas pertama yang berilmu dan berkemahiran sebagai pemangkin kepada pembentukan dan pembangunan negara .

Batasan Kajian

Kajian yang dijalankan hanya terbatas kepada pelajar-pelajar remaja di sekolah menengah terkawal di Pantai Timur, Semenanjung Malaysia. Responden di ambil daripada 10 buah sekolah terkawal yang terpilih. Pemilihan responden ini berfokus kepada pelajar-pelajar yang telah menunjukkan kecemerlangan dari aspek kurikulum dan kokurikulum.

Mereka datang dari keluarga yang sosioekonominya rendah, persekitaran yang serba kekurangan dan mengalami pelbagai kesusahan dalam kehidupan. Kebanyakan pelajar ditempatkan di sekolah-sekolah elit, primer dan agama.

Definisi Operasional

Bagi tujuan kajian ini, beberapa istilah akan diberi pengenalan yang sewajarnya:

Sekolah Menengah Kebangsaan Terkawal

Sekolah elit, primer dan agama yang terletak di bawah kawalan Jabatan Pelajaran Negeri (JPN). Semua pelajar adalah di pilih oleh JPN berdasarkan kriteria tertentu dan menunjukkan pencapaian akademik yang cemerlang berasaskan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) dan menunjukkan penglibatan kokurikulum yang aktif. Pelajar-pelajar ini ditempatkan di Kelas Rancangan Khas (KRK) yang senantiasa dipantau oleh jabatan pelajaran dari masa kesemasa.

Sikap resilien

Sikap yang menunjukkan resilien adalah digambarkan sebagai suatu kepercayaan bahawa seseorang itu boleh tahan terhadap cabaran dan mampu memperbaiki diri sendiri serta orang lain (Biscoe & Harris, 1994). sikap ini dimanifestasikan dalam keupayaan untuk menyelesaikan masalah (Bicoe & Harris, 1994). Ia mewakili satu aspek resilien. Ia akan dioperasikan dalam *Adolecent Resiliency Attitude Scale* , ARAS (Biscoe & Harris, 1994). Akronim “SR” akan mewakili sikap yang menunjukkan resilien di dalam kajian ini.

Daya tindak

Ia adalah “perubahan kognitif dan usaha tingkah laku untuk menguruskan tekanan psikologi” (Tennen, Affleck, Armli & Carney, 2000). Daya tindak berlaku sebagai respon kepada tekanan situasi dan personaliti, dan akan dijalankan sebagai skor subskala dalam COPE (Carver, Scheier & Weintraub, 1989). Gerakbalas daya tindak ini akan diwakilkan di dalam kajian ini menggunakan akronim “DT”.

Daya tindak keagamaan

Penggunaan kepercayaan diri, kepercayaan keagamaan, dan amalan untuk memberi tindakbalas kepada situasi tekanan dan personaliti, akan dijalankan sebagai markah subskala di dalam Skala Aktiviti Daya Tindak Keagamaan atau *Religious coping Activities Scale* (RCAS; Pargament, Ensing, Fagout, Olsen, Reily, Van Haitsma & Warren, 1990). Respon Daya Tindak Keagamaan dalam kajian ini akan digabungkan dalam konstruk Daya Tindak (DT)

Keagamaan

Persepsi kepada betapa dalamnya keyakinan agama seseorang individu, dan akan dioperasikan seperti dalam item nombor 10 (“Sejauh manakah anda rasa tahap keagamaan anda?”) bagi skala keagamaan multidimensionalisasi (Levin, Taylor & Chatters, 1995)

Spiritualiti

Persepsi kepada kedalaman keyakinan atau kepercayaan spiritual, dan akan dioperasikan seperti dalam soalan nombor 13 (“Pada masa kini, tahap kerohanian diri saya sudah meningkat”) dan soalan nombor 14 (“sifat kerohanian amat penting dalam kehidupan saya?”) bagi Skala Keagamaan untuk Multidimensionality (Levin, Taylor & Chatters, 1995).

Teras kepercayaan

Set kepada kepercayaan sendiri yang mencerminkan watak atau karakter seseorang terhadap kehidupan, dan akan dioperasikan seperti skala komposit dalam skala yang telah berkembang secara spesifik untuk kajian ini dan berasaskan kepada hasil kerja Cooper-Lewter dan Mitchell (1996).

Tahap pembudayaan atau akulturasi

Sejauh mana orientasi seseorang terhadap budaya yang diterimapakai . Ia akan dioperasikan sebagai skala komposit keatas kepelbagaian silang budaya yang ada dikalangan pelajar-pelajar . “Kajian telah menunjukkan bahawa tahap pembudayaan diantara masyarakat pelbagai kaum adalah berkait rapat dengan kepada jenis strategi *coping* atau daya tindak yang digunakan untuk mengatasi tekanan...” (Klonof & Landerine, 2000,).

Faktor protektif

“Pengaruh yang mengubah suai, memajukan, atau mengubah respon seseorang terhadap bahaya persekitaran yang menyusun semula kepada hasil maladaptif” (Mrazek & Mrazek, 1987). Ketiga-tiga faktor ini teras kepercayaan , spiritualiti dan keagamaan adalah dibawah pertimbangan dalam kajian ini.

Faktor risiko

“Elemen di dalam individual, keluarga, komuniti, atau budaya yang boleh menyebabkan perkembangan kepada tingkah laku maladaptif” (Garmenzy, 1993) atau hasil yang negatif, tidak disukai dan menegangkan. Walaupun faktor risiko adalah elemen yang penting dalam proses resiliensi, kajian ini akan memberikan fokus keatas pengaruh perlindungan keatas perhubungan diantara sikap yang menunjukkan resilien dan gerakbalas daya tindak

Budaya

“Corak kepercayaan, nilai dan komitmen dan juga tingkah laku yang dijangka, sumber, dan sebagainya yang akan membentuk perangai individual”(Aldwin, 1994).

Budaya akan dioperasikan sebagai corak kepercayaan, nilai, komitmen dan tingkah laku pelajar yang terlibat di dalam kajian ini.

Pelajar

Pelajar dalam kajian ini bermaksud pelajar remaja tingkatan 2 yang masih menuntut di Sekolah Menengah Terkawal yang di kawal selia oleh Jabatan Pelajaran Negeri (Elit, Primer dan Agama). Pelajar-pelajar ini dikategorikan sebagai cemerlang baik dari aspek kurikulum maupun kokurikulum dan menunjukkan ciri-ciri resilien.

Status Sosioekonomi

Status sosioekonomi dalam kajian ini bermaksud maklumat mengenai status sosioekonomi ibu bapa atau penjaga pelajar. Klasifikasi status sosioekonomi dibahagikan kepada dua kumpulan iaitu status sosioekonomi rendah dan tinggi. Penentuan kumpulan status sosioekonomi pelajar berdasarkan status pekerjaan dan tahap pendidikan yang diperolehi oleh ibu bapa atau penjaga kerana ia mempunyai hubungan yang tinggi dengan pendapatan (Atan Long, 1984). Oleh yang demikian, dalam kajian ini, keluarga daripada kumpulan status sosioekonomi tinggi ialah keluarga yang berpendidikan kolej, maktab atau universiti iaitu mempunyai sijil, diploma dan ijazah serta mempunyai nilai status pekerjaan dan berpendapatan yang tinggi. Keluarga dari kumpulan status sosioekonomi

rendah ialah keluarga yang berpendidikan rendah dan mempunyai pendapatan yang rendah

Kesimpulan

Secara ringkas, melalui bab ini, pengkaji telah menghuraikan latar belakang kajian, pernyataan masalah, model kerangka teori, objektif dan soalan kajian, kepentingan kajian, batasan kajian serta definisi operasional yang digunakan untuk kajian ini. Bab ini telah dijadikan garis panduan bagi penulisan bab-bab seterusnya.

BAB 2 : SOROTAN KAJIAN

Pengenalan

Bab ini mengandungi pandangan umum yang menyeluruh terhadap bahan literatur resilien dan rangka kerja teori yang akan memberi maklumat kepada kajian ini, tinjauan mengenai model resilien yang terpilih, dan kritikan mengenai bahan bertulis resilien. Tinjauan terhadap penulisan resilien mengenai pelajar remaja di sekolah akan disusuli. Bahagian ini akan diikuti dengan penilaian tentang kebudayaan dan daya tindak. Tinjauan bahan bertulis akan diakhiri dengan kesimpulan tentang penemuan yang mencadangkan keperluan untuk kajian ini dan memberitahu tentang metodologinya.

Tesis utama dalam kajian ini adalah mencari adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara daya tindak dengan sikap yang menunjukkan resilien di dalam populasi pelajar sekolah terkawal, dan ingin mengenalpasti adakah faktor protektif seperti keagamaan, spiritualiti serta teras kepercayaan dapat menjadi moderator perhubungan diantara daya tindak dan sikap yang menunjukkan resilien. Ia juga menunjukkan bahawa tahap akulturasi berkait dengan respon daya tindak, keagamaan, spiritualiti, dan sikap yang menunjukkan resilien. Hasil-hasil kajian dan penulisan lampau yang diberi ulasan dalam bab ini menyentuh aspek- aspek mengenai teori resilien, model-model berkaitan, resilien pelajar dan pendidikan serta perkaitan dengan faktor protektif, daya tindak dan akulturasi.

Tinjauan literatur resilien

Glantz dan Johnson (1999) menyediakan pandangan lengkap yang rasional terhadap bahan literatur resilien. Mereka menunjukkan bahawa kajian keatas resilien adalah cabaran yang sukar untuk diambil. Cabaran yang paling hebat dalam menjalankan kajian resilien ini ialah mungkin semasa menghubungkan dan membuat kesimpulan bahagian bahan literatur yang sangat kontra.

Kajian dalam bidang pencegahan dan perkembangan psikopatologi berusaha untuk memahami bagaimana individu mengatasi dan menguruskan tekanan, impak risiko dan faktor protektif, menahan tekanan, dan perkembangan kekuatan-ego (Fine, 1991; Garmezy & Masten, 1986; Garmezy, 1993; Luthar & Zigler, 1991; Rutter, 1985, 1987; Werner, 1989, 1995). Kajian ini mengarah kepada kemunculan terminologi resilien (Garmezy & Masten, 1986; Rutter, 1987). Psikopatologis perkembangan, Norman Garmezy, mencipta terminologi resilien ini pada awal tahun 70-an (Glatz & Johnson, 1999).

Terminologi resilien pada amnya merujuk kepada keupayaan untuk bangun semula atau kebingkasan daripada sebarang rintangan, tekanan, atau trauma, dan berjaya menghadapi dan mengadaptasikan diri dalam keadaan yang sukar. Ia pada amnya dilihat sebagai fenomena yang multidimensional dan mempunyai latar belakang yang berbeza (Glantz & Johnson, 1999). Bahkan pernah dicadangkan terminologi resilien digantikan dengan perkataan “kebolehan berdaya tindak”, dengan alasan bahawa resilien adalah asas kepada persoalan bagaimana seseorang itu menghadapi sesuatu situasi (Kumpfer, 1999, Kumpfer K L, Bluth B ,2004).

Dalam pendidikan, sains sosial, psikologi, serta perubatan, resilien telah digunakan sinonim dengan terma seperti kekuatan, berdaya tindak, kejayaan, resisten terhadap tekanan, kompeten dan kekuatan-ego (Garmezy, 1993). Dalam penulisan sains sosial secara tepatnya, resilien telah dikaitkan dengan pengurusan tekanan, ubahsuai, adaptasi dan berdaya tindak. Penyelidikan terkini atau kontemporari mencadangkan bahawa resilien mempunyai kepelbagaian dengan beberapa faktor termasuk umur, jantina dan persekitaran sosial (Glantz & Johnson, 1999).

Kajian awal dilakukan untuk melihat tendensi resilien pada individu sebagai trait personaliti, dan memberi fokus kepada respon terhadap risiko, berlawanan dengan respon terhadap pengaruh perlindungan. Para penyelidik baru-baru ini telah mula memberikan tumpuan terhadap idea resilien sebagai proses (Freitas & Downey, 1998), dan keatas peranan pengaruh perlindungan yang tertentu dan faktor-faktornya (Rutter, 1987). Berdasarkan paradigma yang berubah dalam sains sosial kearah psikologi multi-budaya-berinformasi yang positif, perubahan arah keatas kajian pengaruh budaya terhadap resilien telah berlaku.

Secara amnya, penyelidikan berterusan adalah perlu untuk pemahaman yang lebih menyeluruh dan meluas tentang pengaruh perlindungan keatas sikap resilien dan bagaimana aplikasi terbaik konsep ini terhadap pelajar-pelajar remaja kita.

Mengapa minat tentang resilien meningkat

Ickovics & Park (1998) membuat kesimpulan bahawa kebanyakan teori dan penyelidikan dalam psikologi memberikan fokus keatas penyakit mental, patologi, dan faktor negatif yang menyumbangkan kearah proses patologikal. Adalah amat sedikit teori dan penyelidikan yang memberikan fokus keatas kekuatan personaliti, kesihatan mental, dan faktor yang menyumbangkan kearah psikososial dan keseimbangan emosi. Akibat daripada keadaan ini, psikologi telah berkembang lebih berorientasikan kearah patologi, kelemahan manusia, penyakit, dan kekurangan. Model kekurangan ini tidak memberikan kesan negatif terhadap individu dari pelbagai bangsa.

Sepanjang tiga dekad lalu, bidang perubatan , sains sosial dan psikologi telah mengalami anjakan paradigma daripada model penyakit manusia kearah model yang lebih positif yang menekankan tentang kekuatan dan aset (Ickovics & Park, 1998). Anjakan paradigma ini telah menyebabkan perubahan arah dalam kajian dan pengamalan dalam bidang psikologi. Sebagai ganti kepada fokus keatas patologi dan kelemahan manusia, ahli psikologi dalam penyelidikan dan praktikal digalakkan untuk berusaha dalam mengenalpasti, memberi fokus, dan membina kekuatan serta modal insan atau aset manusia. Perubahan kearah psikologi yang lebih positif juga telah digambarkan dalam kajian tentang resilien dan penulisan berkenaan dengan bidang pendidikan yang berfokus kepada pelajar remaja.

Kritikan kritikan utama bagi hasil tulisan resilien.

Sungguhpun selepas tiga puluh tahun penyelidikan keatas fenomena ini, kita masih lagi tidak boleh menerangkan dengan jelas mengenai resilien. Kita tidak pasti samada ia adalah trait personaliti yang kekal ataupun sentiasa berubah . Walaupun kita ada beberapa gambaran tentang faktor penyumbang, atau membantut perkembangan dan manifestasi resilien, kita belum lagi dapat mengenalpasti mekanisme yang memastikan ia berlaku. Suatu pandangan yang kritikal tentang hasil tulisan ini telah menyingkap bahawa resilien yang dibina telah beroperasi dan diukur secara berbeza disepanjang hasil literature (Glantz & Johnson, 1999).

Di dalam hasil literatur resilien yang sedia ada, pengukuran resilien selalunya dilakukan dengan secara mendefinisikan operasi resilien sebagai skor berdasarkan kepada skala yang telah sedia wujud yang direka untuk mengukur walaupun berbeza,tetapi secara konsep atau teorinya ada kaitan dengan konstruk. Contohnya seperti, Chesley-Carter (1998) mengoperasikan resilien sebagai skor pada ukuran kebolehan sosial. Pengurusan dan operasi resilien seperti itu hanya boleh melahirkan salah satu daripada aspek tertentu sahaja, oleh itu ia kurang sesuai untuk mewakili fenomena tersebut. Kajian lain tentang perhubungan antara resilien, kebolehan sosial, kemampuan daya tindak dan jantina, dimana resilien dioperasikan sebagai skor keatas California Child Q-sort (Mandleco, 1991).

Kajian yang menggunakan pengesanan dan kebolehpercayaan empirikal dalam pengukuran resilien yang boleh diharap boleh mewakili sumbangan yang lebih bermakna kepada hasil tulisan literatur.

Beberapa instrumen telah dicipta untuk mengukur resilien telah dikesan (Ahn, 1991; Biscoe & Harris, 1994; Jew, Green & Kroger, 1991; Kelso, 1999). Namun begitu, skala ini masih dalam pembinaan, dan statistik keesahan dan kebolehpercayaan skala ini masih lagi dipersoalkan.

Walaupun terdapat beberapa perkembangan yang baru telah berlaku, terdapat beberapa masalah yang masih lagi menghantui para penyelidik resilien. Kritikan terhadap hasil literatur resilien masih lagi mendapati (1) keraguan definisi terhadap risiko dan faktor perlindungan, (2) kekurangan kesatuan rangkakerja disepanjang litertur, oleh itu menjadikan ianya sukar untuk menggabungkan penemuan semasa kajian, (3) kecenderungan para penyelidik untuk menggunakan model yang linear dan satu arah, bersama variasi statik yang berbeza menggunakan model yang lebih kompleks, dua-arah dan *recursive*, (4) perhatian yang berlebihan kepada masalah tingkahlaku dan keadaan hidup yang negatif sebagai hasil atau ramalan, (5) penggunaan yang tidak sempurna terhadap pendekatan multivariat bagi pengkonseptualan atau mengukur model, (6) lebih banyak bergantung kepada kebetulan dalam pengukuran resilien, dan (7) terdapat juga beberapa percubaan untuk mengenalpasti kepentingan dan pengaruh faktor sosio-budaya yang mungkin menggalakkan resilien di kalangan masyarakat. Perspektif di dalam kajian kaunseling silang budaya mengundang atau menginginkan kepada persoalan samada resilien di dalam satu budaya atau bangsa adalah sama dengan resilien yang berlainan budaya, bangsa atau ras (Genero, 1995; Racklin, 1999). Dibawah ini saya akan memberikan komen kepada setiap kritikan.

Keraguan terhadap definisi risiko dan faktor protektif

Masalah yang utama di dalam penyelidikan resilien ialah definisi bagi risiko dan faktor protektif, begitu juga dengan definisi resiliensi, ia menunjukkan kepelbagaian dan adalah meragukan disepanjang literatur. Kepelbagaian dan keraguan ini menjadikannya sukar untuk digabungkan dalam keputusan kajian. Selalunya, apa yang dianggap sebagai faktor risiko dalam satu kajian boleh didefinisikan sebagai faktor protektif dalam kajian lain.

Tambahan lagi, perhatian yang sedikit diberikan kepada betapa spesifiknya faktor risiko boleh membatalkan kesan faktor protektif yang terpilih. Contohnya, Barbarin (1993b) menunjukkan dengan bersungguh-sungguh bahawa kemiskinan mempunyai kesan untuk membatalkan pengaruh protektif terhadap faktor terpilih di dalam kehidupan populasi yang berisiko. Seringkali, jenis kesan seperti ini tidak diambil kira di dalam kajian resilien pada populasi yang berisiko.

Kekurangan rangkakerja yang berkonsep dan menyeluruh

Adalah sukar untuk menemui dua atau lebih kajian dalam resilien yang merangka satu (kebiasaan) teori psikologi. Beberapa rangka kerja yang teoritikal telah digunakan untuk menggambarkan resilien (Freitas & Downey, 1998; Glantz & Johnson, 1999). Di dalam beberapa rangka kerja ini, resilien telah dimodelkan sebagai trait yang kekal atau pasti (Mrazek & Mrazek, 1987), sebagai satu sistem kepercayaan (Jew, Green

&Kroger, 1999), dan sebagai interaksi dinamik antara faktor risiko, faktor protektif, dan tekanan (Rutter, 1987, 1985).

Kecenderungan untuk menggunakan model yang linear dan satu arah

Mungkin disebabkan oleh keunikan topik ini, dan potensi kompleks bagi menganalisa secara statistik model ini, beberapa kajian di dalam penyelidikan hasil tulisan menawarkan model resilien yang tidak linear dan dua arah. Kelebihannya, kemajuan teknologi analisis data dalam komputer membolehkan perkembangan yang lebih kompleks terhadap model resilien pada masa hadapan. Model tersebut dikaji di dalam penyelidikan ini.

Perhatian yang berlebihan kepada masalah kelakuan dan keadaan hidup yang negatif

Perhatian yang berlebihan kepada masalah kelakuan dan keadaan hidup yang negatif adalah ciri yang merangkumi dalam kebanyakan kajian di bidang psikologi. Sehingga baru-baru ini, hasil tulisan lebih menekankan kepada risiko dan resilien disamping keadaan hidup yang negatif dan masalah perlakuan. Anjakan paradigma di dalam sains sosial ini menuju kepada kesihatan dan kesempurnaan, dan pergerakan kearah pencegahan terhadap pembetulan nampaknya lebih menjanjikan harapan untuk perkembangan penyelidikan yang menekankan kekuatan, pengaruh perlindungan dan resilien.

Penggunaan yang tidak sempurna terhadap pendekatan multivariat dalam pengkonseptualan atau model pengukuran

Kemajuan terbaru dalam teknologi telah menjadikan penggunaan kaedah multivariasi dan analisis data mengurangkan kerumitan yang sedia ada. Pemahaman kita terhadap resilien boleh bertambah dengan banyak sekiranya dengan penggunaan model resilien yang lebih kompleks dan multivariasi. Penggunaan analisis multivariat telah dikenali dalam statistik sebagai analisis yang paling berkesan dan sentiasa ada di dalam penyelidikan. Di sepanjang kita mendapat pemahaman yang lebih dalam resilien, kita menyaksikan penggunaan yang lebih besar dalam kaedah multivariat sebagai alat untuk memperluaskan kajian keatas resilien. Kajian ini menggunakan Model Persamaan Struktur (*Structural Equation Modeling*), Analisis Laluan (*Path Analysis*), dan Analisis Faktor Penjelasan (*Exploratory factor Analysis*).

Pergantungan berlebihan keatas pengukuran inferen (*Excessive reliance on inferred measures*)

Banyak kajian menganggap pengukuran resiliensi dapat diperolehi daripada instrumen yang direka untuk mengukur konstruk yang berbeza. Strategi yang lebih ada kebolehpercayaan, merumuskan bahawa resilien terhasil daripada instrumen yang dibina untuk mengukur aspek resilien secara menyeluruh. Ukuran yang diperlukan di dalam kajian ini adalah ukuran bagi resilien menggunakan suatu instrumen yang direka khas untuk menilai sikap yang menunjukkan resilien.

Perhatian yang kurang kepada faktor sosio budaya yang mempengaruhi dan menggalakkan resilien di kalangan masyarakat

Hanya sedikit kajian resilien memberikan fokus kepada peranan faktor sosial dan budaya yang mempengaruhi resilien (Barbarin, 1993b; Genero, 1995). Pergerakan multibudaya di dalam psikologi sekarang menggesa para penyelidik, kaunselor, dan para perubatan mempertimbangkan pengaruh budaya, etnik, kelas sosial, jantina dan beberapa lagi perbezaan yang penting keatas proses psikologikal dan konstruk (Pedersen, 1987; Asante, 1987).

Hasil literatur resilien telah mengambil perhatian yang sedikit keatas penerokaan budaya , etnik dan kesesuaian alat yang direka untuk mengukur resilien (McCubbin, Thompson, & McCubbin, 1995). Skala sikap resilien (Bicoe & Harris, 1994) telah dibuat kajian rintis keatas satu sampel pelajar-pelajar sekolah kawalan di dalam kajian ini. Hasilnya dapatlah dicadangkan bagi kesesuaian menggunakan skala yang sesuai dengan populasi ini.

Jelas dapat dilihat tentang keperluan untuk memberikan perhatian kepada resilien dalam penyelidikan. Berdasarkan kepada kemajuan dalam pemahaman kita kepada resilien, dan perkembangan dalam metodologi penyelidikan yang boleh didapati sekarang, ia adalah mungkin untuk memulih dan memurnikan segala permasalahan ini.

Resilien dan Faktor Protektif

Seperti yang telah dinyatakan sebelumnya, sejak akhir-akhir ini, banyak kajian memberikan fokus keatas resilien berasaskan risiko. Namun begitu corak kontemporari yang lebih banyak menuju kearah resilien dan pengaruh protektif, Turner, Norman & Stillson (1996) mengenalpasti dua belas faktor perlindungan yang mereka pecayai adalah penyumbang kepada perkembangan resilien. Faktor ini disusun dalam empat kategori. Ini termasuk:

- (A) Sumbangan Individu: (1) karektor yang bersahaja, (2) kebolehan intelektual, terutamanya kemahiran dalam komunikasi dan oral, (3) boleh berdikari, (4) penilaian yang realistik terhadap alam sekitar, (5) kemahiran menyelesaikan masalah sosial, (6) mempunyai hala tuju atau matlamat, (7) kebolehan untuk memahami dan memberi respon kepada perasaan orang lain, (8) humor, (9) adaptif untuk pengasingan;
- (B) Faktor Perlindungan Keluarga: (10) mempunyai perhubungan yang konsisten, hangat, positif dengan seorang dewasa yang penyayang, (11) persekitaran keluarga yang positif dan pertalian erat, (12) harapan orang tua yang tinggi tetapi realistik, (13) tanggung jawab keatas kerja rumah dan keluarga, (14) Contoh orang tua yang positif terhadap kemahiran resilien dan berdaya tindak, (15) sokongan rangkaian yang luas, termasuk keluarga dan kenalan,

(C) Faktor Perlindungan Sekolah: (16) peluang untuk penglibatan dalam membuat keputusan dalam sekolah, (17) harapan pencapaian akademik pelajar yang tinggi tetapi realistik, (18) persekitaran sekolah yang menyokong dan mengambil berat, dan

(D) Faktor Perlindungan Komuniti: (19) norma komuniti yang positif, (20) sumber komuniti

Diantara keempat-empat kategori ini, tiada pernyataan yang spesifik yang dibuat mengenai faktor budaya atau etnik yang boleh menyumbangkan kepada perkembangan resilien. Hasil tulisan mencadangkan bahawa rumah ibadat adalah institusi yang penting dalam komuniti, dan ia juga memainkan peranan yang penting dalam perlakuan daya tindak bagi masyarakat (Longan, 1980; Oler, 1997; Richardson & June, 1997). Rasa kepercayaan yang kuat kepada tuhan dan spiritualiti boleh dipupuk melalui rumah ibadat adalah dipercayai mempunyai pengaruh protektif yang penting semasa kesusahan dan krisis. Kajian ini akan mengkaji peranan kepercayaan keagamaan dan spiritualiti dalam perhubungan diantara daya tindak dan sikap yang menunjukkan resilien dikalangan pelajar-pelajar sekolah terkawal.

Resiliensi Pelajar

Beberapa terbitan bahan penyelidikan yang wujud, memberikan fokus khusus keatas resiliensi di dalam pelajar. Thompson (1998) dan Ford, Kokjie, dan Lewis (1996) mewakili dua kajian seperti yang berikut. Tumpuan yang diberikan dalam setiap kajian ini ialah mengenal pasti faktor yang mungkin memainkan peranan perlindungan di dalam tekanan daya tindak, dan yang boleh menyumbangkan kepada resilien.

Thompson (1998) menjalankan suatu kajian ramalan kuantitatif dan kualitatif untuk resilien di dalam pelajar kolej dan orang dewasa African-American. Separuh daripada kajian kuantitatif tersebut adalah berdasarkan kepada tinjauan data yang diambil dari pelajar kolej African-American dan bahagian kualitatif dalam kajian itu adalah berdasarkan daripada data temuramah yang diambil daripada orang dewasa African-American. Penemuan daripada kajian ini mencadangkan bahawa pelajar kolej yang mengalami kemiskinan semasa kecil, adalah menganggap diri mereka kurang resilien berbanding orang African-American lain yang sebaya dengan mereka. Penemuan ini mengesahkan lagi apa yang kita telah ketahui sebelum ini mengenai impak dan menyeluruhnya pengaruh kemiskinan keatas sikap yang menunjukkan resilien (Barbarin, 1993b). Penyelidikan yang seterusnya diperlukan untuk mengenalpasti pengaruh perlindungan yang penting boleh menyeimbangkan kesan negatif yang hampir sama dengan jenis faktor risiko.

Ford, Kokjie dan Lewis (1996) mencuba untuk mengenal pasti faktor yang dipercayai menyumbangkan kearah resilien akademik diantara pelajar kolej bandar African-American lelaki yang "berisiko". Resilien akademik didefinisikan sebagai "kebolehan untuk memanifestasikan kebolehan akademik yang tinggi, walaupun dalam keadaan tekanan yang tinggi" Para peserta dalam kajian ini adalah lelaki African-American yang telah dilaporkan terdedah kepada tahap tekanan yang tinggi. Variabel psikologikal diperiksa termasuklah peratusan kecerdasan emosional, perlakuan dwi-budaya, pusat kawalan, dan sokongan sosial. Sampel yang terdiri daripada 104 orang pelajar kolej lelaki African-American yang mendaftar di Historically Black College. Sepuluh peratus daripada sampel (lebih kurang sepuluh orang peserta) adalah berasal dari institusi yang kebanyakannya orang kulit putih. Kajian telah mendapati bahawa peratusan kecerdasan atau kebijaksanaan emosional adalah penyumbang yang bermakna kepada resilien dalam akademik.

Tambahan kepada kajian yang mencuba untuk mengenalpasti faktor yang menyumbangkan kepada perkembangan resilien, program latihan telah direka yang bertujuan untuk menggalakkan resilien. Asosiasi daerah TRIO dianggotai oleh ahli daripada daerah Colorado, Montana, Wyoming, Utah, Dakota Utara, dan Dakota Selatan yang membuat satu kumpulan bernama Persatuan Program Khas Lapan Daerah (ASPIRE). ASPIRE menghasilkan satu siri latihan perkembangan profesional yang target programnya ialah TRIO. Kumpulan ini menghasilkan program latihan yang berkait dengan member perhatian khusus kepada pelajar kolej yang berisiko tinggi, ini dilakukan dengan keupayaan pekerja TRIO dengan menggalak dan memupuk sikap

yang menunjukkan resilien. Mereka mengusulkan bahawa resilien berkaitan dengan memberi pengekal (retention) melalui komitmen demonstrasi yang ditunjukkan kepada pelajar. Pada masa itu fokus bagi intervensi pelajar adalah untuk memudahkan perkembangan kepada tujuh jenis resilien yang dinyatakan oleh Wolin dan Wolin (1993). Resiliensi yang kelapan – spiritualiti telah ditambahkan ke dalam senarai sikap yang menunjukkan resilien yang patut digalakkan dikalangan pelajar dan pekerja TRIO. Ukuran yang digunakan di dalam kajian ini untuk menilai sikap resilien (Biscoe & Harris, 1994) adalah diambil daripada model resilien yang dinyatakan oleh Wolin & Wolin (1993). Walaupun ini bukan fokus di dalam kajian ini, data daripada kajian ini boleh lebih menerangkan lagi pelajar dan pekerja TRIO yang selalu dilabel sebagai "berisiko", mengenai resilien ini. Sebagai tambahan, kajian ini boleh menambahkan sokongan kepada pendapat bahawa spiritualiti sebagai resiliensi yang ke lapan.

Daya tindak, Budaya dan Teori daya tindak

Seperti mana yang disebut sebelumnya, tahap akulturasi seseorang individu berkait kuat dengan jenis strategi daya tindak yang digunakan untuk mengatasi tekanan (Klonoff & Landrine, 2000). Ini mencadangkan bahawa kaitan yang penting antara budaya dan daya tindak. Bahagian ini akan memberikan tumpuan kepada daya tindak dan budaya, dan akan menyentuh dalam aspek teori daya tindak dan penyelidikan yang berkaitan dengan kajian ini.

Daya tindak atau *Coping* di kenali sebagai barometer kesihatan mental dan fungsi manusia yang kritikal (Aldwin, 1994). Sebagai aspek dalam fungsi normal, daya

tindak boleh menjadi petunjuk bagi perubahan untuk menghadapi kesusahan. Perlakuan daya tindak adalah petanda penting untuk kesihatan dan keseimbangan. Daya tindak terdiri daripada kategori major penilaian psikiatrik dan psikologikal dalam kebanyakan latar belakang klinikal dan kaunseling, dan ia adalah aspek penilaian yang penting dalam kebanyakan latar belakang pendidikan dan perubatan (Aldwin, 1994). Ini diiktiraf sebagai perantara tekanan dan boleh berfungsi sebagai samada hasil keputusan atau ramalan keputusan . literatur mendokumentasikan dengan baik mengenai fakta bahawa daya tindak bervariasi disepanjang perkembangan dan laluan kronologikal (Aldwin, 1994). Ini bermakna daya tindak mempunyai variasi dengan umur, personaliti, peringkat hidup, mood, keadaan mental, jantina, status ekonomi sosial, dan lain-lain faktor. Bahagian kajian major daya tindak yang belum lagi diselesaikan adalah mengarah kepada pemahaman kepada peranan dan kepentingan budaya dan daya tindak (Aldwin, 1994). Ini menyokong hasil literatur bagi kewujudan variasi budaya dalam daya tindak.

Jenkins (1995) menegaskan bahawa individu African-American mungkin mempunyai cara pendekatan yang berlainan terhadap masalah berbanding dengan kebanyakan budaya. Sebagai tambahan, suatu "psikologi rakyat" nampaknya telah muncul dikalangan para akademik African-American dalam sains sosial yang nampaknya menyokong idea ini. Tujuan psikologi rakyat ini adalah untuk membantu menerangkan perbezaan cara budaya African-American mendekati masalah, belajar, bersosial, menyesuaikan diri, dan beradaptasi. Jenkins (1995) menyatakan:

Seperti ahli psikologi yang lain, saya yakin bahawa ciri-ciri daya tindak adalah mesti dikembangkan jika manusia perlu untuk terus hidup dan berkembang dengan potensi yang sepenuhnya. Namun begitu, secara spesifiknya, trend teoritikal yang menekankan daya tindak dan kemahiran nampaknya diperlukan apabila memilih pendekatan psikologi kepada kajian African-American. Jenkins (1995) menyatakan masyarakat African-American mempunyai "kejayaan teori rakyat" mereka yang tersendiri, yang boleh dikaitkan dengan "teori daya tindak rakyat ". Beliau menyatakan lagi bahawa ; Ogbu (1986) mencadangkan terdapat satu lagi latar belakang sosial yang mempengaruhi kemajuan pendidikan kanak-kanak kulit hitam. Beliau mencadangkan bahawa pencapaian bagi mana-mana kumpulan adalah hingga ke tahap fungsi yang penting kepada persepsi kumpulan itu kepada peluang berasaskan struktur terhadap sejarah pengalaman dengan struktur itu. Pengalaman ini membawa kepada koleksi kepercayaan mengenai "status pergerakan", mengenai apa yang perlu dilakukan oleh seseorang untuk maju ke hadapan. Beliau menggelar kepercayaan komuniti ini sebagai "teori kejayaan rakyat"

Aldwin (1994) mencadangkan bahawa perhatian yang kurang telah diberikan kepada literatur daya tindak kepada cara yang lebih umum dimana budaya boleh mempengaruhi penggunaan strategi dalam berdaya tindak. Beliau seterusnya berpendapat bahawa budaya menyediakan penjelasan mengenai fenomena seperti mati, hidup, kekayaan, kemalangan, dan sakit, dan penjelasan budaya ini untuk panduan kejadian hidup dan gerakbalas daya tindak yang telus. Fenomena ini boleh dilihat di dalam komuniti African-American di dalam penjelasan kita terhadap sejarah.

Aldwin (1994) menyatakan "daya tindak adalah cara yang bukan budaya yang tidak disenaraikan boleh menyebabkan lebih banyak tekanan". dan bahawa "individu yang dwi-budaya boleh mewujudkan dua *repertoire* atau himpunan daya tindak yang berlainan, bergantung kepada konteks budaya "Beliau menggunakan perbezaan di dalam berdaya tindak diantara generasi pertama dan kedua masyarakat internasional sebagai contoh (cth orang Jepun dan Jepun-American). Aldwin menyatakan kajian yang menyokong penemuan "strategi daya tindak adalah dipengaruhi bukan sahaja oleh kepercayaan budaya berkenaan dengan cara yang sesuai untuk mengatasi jenis masalah yang spesifik, tetapi juga oleh institusi sosial dan budaya untuk menyelesaikan masalah dan mengurangkan tekanan.". (Aldwin, 1994).

Mengikut Aldwin (1994), perhubungan antara budaya dan daya tindak individu adalah bukan satu arah, perlakuan individu boleh menyebabkan atau mengubah corak daya tindak yang sedia ada. Aldwin (1994) merumuskan:

- (1) "budaya mempengaruhi perlakuan daya tindak individu, dan perlakuan daya tindak memberi kesan kepada budaya mereka".
- (2) "penyelidikan psikologikal telah mengabaikan pengaruh sosiobudaya keatas proses daya tindak dan tekanan".
- (3) "budaya memang mempengaruhi proses penilaian, samada melalui kepercayaan dan nilai kebiasaanya terangkum dalam latar belakang budaya yang luas atau berkembang melalui proses persetujuan dalam situasi sosial yang lebih spesifik."

Untuk menyokong pemeriksaan keatas peranan keagamaan dan spiritualiti dalam daya tindak serta resilien Aldwin (1994) telah menulis:

Secara kesimpulannya, kumpulan sosiobudaya nampaknya menghasilkan bukan sahaja sistem kepercayaan yang dipersetujui berkenaan dengan asal-usul dan makna tekanan, tetapi juga kepercayaan berkenaan dengan cara yang paling sesuai untuk kedua-dua emosi dan fokus penyelesaian masalah daya tindak. Kepercayaan ini boleh menjadi situasi yang spesifik. Selanjutnya, percubaan untuk menguruskan dalam cara yang berlawanan kepada falsafah budaya umum boleh meningkatkan tekanan, walaupun ada strategi yang sama digunakan oleh ahli daripada budaya berlainan yang mungkin berkesan dalam mengurangkan tekanan emosional. Sungguhpun lebih jarang dikaji, ia adalah institusi yang lebih umum yang disediakan oleh budaya kepada individu dalam usaha untuk membantu mereka menguruskan masalah

Selanjutnya, budaya boleh didefinisikan sebagai perlakuan daya tindak yang tertentu sebagai lebih sesuai berbanding yang lain, dan apa yang dipercayai sesuai adalah tidak seragam di dalam suatu budaya, tetapi mempunyai kepelbagaian sebagai fungsi di dalam kedudukan seseorang individu di dalam rangkaian budaya. Akhirnya, perhubungan diantara individu dan budaya adalah dua-arah. Bukan sahaja cara pengurusan manusia yang akan mempengaruhi individu lain, tetapi juga melalui pengubahsuaian atau perkembangan organisasi baru, struktur dan sikap, seseorang individu atau kumpulan individu boleh memberi kesan kepada perubahan sosial .

Perlakuan daya tindak pada pelajar kolej African-American telah dikaji dalam hasil tulisan sains sosial (Jung & Khalsa, 1988; Nero, 1988; Oler, 1997; Ramboon-Chroniak, 1999; dan Turner, 1992). Bukti daripada hasil penulisan tersebut menunjukkan bahawa peranan agama dan tempat ibadat bagi pelajar yang mengambil bahagian dalam aktiviti keagamaan adalah mempunyai signifikasi yang berkaitan dengan daya tindak dan proses pengubahsuaian.

Jung dan Khalsa (1988) mendapati pelajar Black College dilaporkan mempunyai frekuensi yang tinggi terhadap pengacau berbanding dengan rakan sebaya mereka di White Collage yang dominan dalam White Institution (PWI's). Murphy dan Archer (1996) mengkaji tekanan yang dihadapi oleh pelajar kolej African-American di PWI's dan mendapati bahawa bilangan dan ciri tekanan yang dihadapi oleh pelajar kolej telah berubah dan semakin meningkat. Perubahan ini adalah implikasi daripada hasil kerja pencegahan dan pembetulan. Menurut Murphy dan Archer, jika kita mengenal pasti strategi daya tindak yang digunakan oleh pelajar kolej African-American seawal mungkin, begitu juga dengan trait yang menggalakkan resilien, kita boleh menggalakkan perkara tersebut di dalam diri pelajar sebagai langkah untuk mencegah penyakit mental dan kegagalan.

Di dalam kertas kerja mengenai strategi daya tindak pada para remaja African-American, Turner (1992) membuat hipotesis bahawa remaja African-American berjaya kerana mereka mempunyai nilai intrinsik seperti kecekalan dan kesabaran. Beliau mencadangkan bahawa remaja African-American adalah sosial dan menganggap

kejayaan pendidikan adalah sesuatu yang amat penting. Beliau juga mencadangkan bahawa perlakuan daya tindak pelajar kolej African-American membolehkan mereka mendapat pencapaian akademik yang baik dan kebanyakan strategi mereka adalah spesifik kepada budaya.

Neighbors, Jackson, Bowman, dan Gurin (1983) menjalankan suatu kajian memeriksa peranan agama di dalam daya tindak dan mendapati berdoa adalah respon daya tindak yang sangat penting untuk digunakan oleh African-American, dan khususnya di kalangan mereka yang mempunyai pendapatan kurang daripada sepuluh ribu dollar setahun, dan mereka yang berusia diatas lima puluh lima dan wanita. Mereka juga mendapati bahawa rangkaian sosial yang digunakan adalah agak meluas sebagai cara untuk menguruskan masalah. Masyarakat African-American lebih cenderung untuk menggunakan (1) bilik kecemasan, (2) doktor swasta, dan (3) paderi, sering digunakan bila mencari bantuan profesional.

Neville, Heppner, dan Wang (1997) menyiasat perhubungan diantara sikap identiti bangsa, bayangan pemberi tekanan, dan corak daya tindak pada pelajar kolej African-American yang menghadiri institusi yang di dominasi oleh orang kulit putih. Mereka mendapati bahawa sikap identiti bangsa yang tertentu adalah peramal statistik yang bermakna bagi kedua-dua tekanan budaya dan umum, juga bahawa tarikan-penyerapan status identiti bangsa adalah peramal yang unik bagi menyelesaikan masalah dan bayangan pemberi tekanan. Keputusan ini mencadangkan tentang kepentingan identiti bangsa sebagai faktor yang kritikal dalam meramalkan tekanan dan

respon daya tindak pada pelajar African-American dari institusi yang di dominasi oleh orang kulit putih. Keputusan ini mencadangkan juga mengenai keperluan untuk menilai perhubungan antara tahap akulturasi dan daya tindak bagi pelajar kolej African-American.

Logan (1980) memeriksa peranan tempat ibadat sebagai kuasa adaptif diantara ahli rumah ibadat. African-American yang aktif dan mendapati bahawa agama menyediakan fungsi adaptif diantara individu African-American yang hadir ke rumah ibadat. Kajian Logan juga mendapati bahawa penglibatan di dalam rumah ibadat ini adalah aspek yang penting untuk (1) budaya African-American dan (2) daya tindak diantara mereka yang hadir ke tempat ibadat.

Oler (1997) menyiasat mengenai perhubungan diantara daya tindak keagamaan dan pengubahsuaian psikologikal diantara African-American. Peserta dalam kajian beliau terdiri daripada ahli tempat ibadat dari beberapa buah daerah. Beliau mendapati bahawa daya tindak yang berasaskan spiritual adalah berkaitan secara positif dengan keyakinan diri, kepuasan hidup, penurunan kekerapan tekanan, dan kepuasan dengan respon terhadap kejadian hidup yang negatif. " daya tindak keagamaan menambahkan varian yang signifikan kepada cara-cara umum untuk berdaya tindak dalam meramalkan keyakinan diri yang lebih tinggi dan merendahkan tekanan" " daya tindak yang berasaskan spiritual adalah paling kuat dan kerap berhubung kepada pengubahsuaian positif psikologikal dan kepuasan dengan bagaimana seseorang memberi respon kepada peristiwa yang negatif". Paling penting sekali, Oler menemui bahawa aktiviti daya tindak keagamaan menyediakan pengubahsuaian psikologikal

"lebih jauh daripada sumbangan oleh cara umum untuk daya tindak " .

Giddan (1987) membincangkan daya tindak dan perkembangan identiti dikalangan pelajar kolej secara amnya. Beliau mengumumkan bahawa daya tindak yang efektif adalah sebahagian daripada psikologikal, sosial, dan perkembangan intelektual yang berlaku semasa di akhir zaman remaja dan peringkat awal dewasa. Daya tindak membantu pelajar untuk menyelesaikan masalah yang secara relatifnya sukar dan mencabar, atau pun untuk menerima keadaan kesukaran yang tidak boleh diubah;"...untuk mengatasi juga bermakna dapat hidup dalam keadaan yang kurang selesa atau tertekan yang berkaitan dengan masalah yang tidak boleh diselesaikan". Mekanisme kekunci daya tindak termasuklah akses kepada informasi, kebolehan kerja, humor, kawalan, ramalan, penggunaan masa lampau, memerhatikan diri sendiri, fleksibel, dan stabil. Beberapa daripada kemahiran daya tindak dan kebolehan adalah serupa dengan yang dikenal pasti sebagai peneraju kepada perkembangan resilien.

Kesimpulan dari hasil kajian yang telah dinyatakan,terdapat keperluan untuk meneruskan kajian keatas perlakuan daya tindak pelajar. Salah satu daripada minat adalah berkenaan tentang pengenalan bagi corak sosiobudaya yang penting untuk daya tindak. Ini mesti dilakukan menggunakan instrumen yang sensitif kepada perbezaan yang digunakan oleh populasi ini.

Jew & Green (1998) menjalankan tentang kesan faktor risiko terhadap daya tindak dan resilien menggunakan konsepsualisasi perlakuan-kognitif untuk resilien, dan satu kajian (Jew, Green & Kroger, 1999) keatas perhubungan diantara resilien dan daya tindak diantara remaja. Mereka membuat hipotesis bahawa di dalam setiap kajian

bahawa resilien adalah sistem kepercayaan, dan sebagai suatu sistem kepercayaan, ia selalunya dikaitkan dengan daya tindak (cth. daya tindak muncul daripada resilien). Namun begitu, tiada data yang wujud untuk menyokong atau menyanggah hipotesis mereka. Limitasi utama untuk kajian Jew, Green & Kroger (1999) adalah seperti dalam kajian resilien yang sebelumnya. ia memfokuskan keatas resilien dan risiko. Menentukan peranan pengaruh perlindungan dan resilien sama juga dengan peranan budaya dalam resilien dan daya tindak mungkin tidak terdapat atau berkurangan dalam hasil dapatan kajian mereka.

Jelasnya, penyelidikan tambahan adalah diperlukan untuk samada secara empirikal menyanggah atau mengesahkan perhubungan diantara daya tindak dan resilien telah dihipotesiskan oleh Jew, Green & Kroger (1999).

Selanjutnya, agama, spritualiti, dan tahap akulturasi telah diimplikasikan dalam hasil tulisan sebagai faktor yang penting dalam daya tindak dan pengubahsuaian perlakuan diantara pelajar, dan terdapat bukti empirikal menyokong perhubungan diantara resilien dan spiritualiti (Massey, 1999). Namun, perlu juga kajian tambahan untuk memeriksa perhubungan ini diantara pelajar, samada benar atau sebaliknya.

Menggunakan rekabentuk hubungan, kajian ini akan memeriksa setiap pernyataan diatas dan mencari untuk menyediakan kepastian yang lebih kepada soalan yang tidak dijawab. Fokus dalam suatu bidang penyelidikan yang mempunyai implikasi penting dalam memperbaiki pendidikan bagi pelajar yang mempunyai risiko untuk gagal adalah berkenaan dengan pelajar yang ‘resilien’, ataupun bagi pelajar yang berjaya dalam pendidikan walaupun dalam keadaan yang sukar. Dalam pendidikan,

kerja empirikal dan berasaskan konsep keatas resilien telah mendapat pengiktirafan sebagai satu rangka kerja yang digunakan untuk mengkaji mengapa terdapat beberapa pelajar yang berjaya dalam pelajaran, manakala pelajar yang lain berasal daripada latar belakang yang sama dari segi komuniti secara sosial dan ekonomi yang kurang baik tidak berjaya. Rangka kerja seperti ini boleh menjadi amat berguna untuk membantu para pendidik mencipta intervensi pendidikan yang lebih efektif yang mengambil kira faktor-faktor fleksibel yang membezakan diantara pelajar yang resilien dan pelajar yang bukan resilien. Tujuan kajian ini juga adalah untuk menerangkan bagaimana fokus terhadap resilien dalam pendidikan dapat memandu kearah memperbaiki pendidikan pelajar yang berisiko untuk gagal dalam akademik. Isu-isu yang berkaitan dengan definisi resilien telah dibincangkan, dan beberapa penyelidikan resilien telah membantu untuk memperkembangkan bidang ini telah dianalisa. Penyelidikan terbaru tentang bidang resilien pendidikan telah dikaji, khususnya yang memberikan fokus kepada perbezaan diantara pelajar yang resilien dan bukan resilien, persekitaran keluarga mereka, dan persepsi mereka terhadap persekitaran bilik kelas dan sekolah. Disini juga akan membincangkan implikasi terhadap amalan pendidikan dan penyelidikan.

Penilaian Terhadap Penyelidikan Keatas Resilien Pendidikan.

Pelajar yang berisiko untuk gagal dalam akademik sering berhadapan dengan masalah kompleks yang disebabkan oleh kemiskinan, kesihatan, dan keadaan sosial yang lain dimana menjadikan sukar bagi mereka untuk berjaya di sekolah. Oleh itu, salah satu daripada keperluan yang diutamakan di dalam agenda pendidikan nasional ialah untuk menutup jurang diantara pelajar yang berjaya dalam akademik dan pelajar yang mempunyai risiko untuk gagal. Salah satu bidang pengajian yang memberikan implikasi penting untuk kemajuan pendidikan bagi pelajar berisiko untuk gagal dalam pendidikan adalah difokuskan keatas pelajar yang “resilien”, ataupun pelajar yang berjaya di sekolah walaupun hadir dalam keadaan yang serba kekurangan. Dalam beberapa dekad yang lalu, penyelidikan keatas resilien telah dilakukan secara meluas dalam bahagian perkembangan psikopatologi, psikologi, sosiologi, dan antropologi. Kerja empirikal dan berasaskan konsep keatas resilien telah mendapat pengiktirafan yang sama sebagai rangka kerja untuk pemeriksaan mengapa beberapa pelajar berjaya di sekolah, manakala pelajar lain yang berasal daripada latar belakang komuniti sosial dan ekonomi serba kekurangan yang sama, tidak berjaya di sekolah.

Pembinaan “pendidikan resilien” tidak dilihat sebagai aspek yang kekal tetapi sebagai sesuatu yang boleh digalakkan dengan memberikan fokus kepada faktor “bolehubah” yang memberikan impak kepada kejayaan individual di sekolah. Pendekatan ini tidak memberikan fokus kepada penyumbang seperti kebolehan, kerana kebolehan tidak

semestinya ciri-ciri untuk pelajar yang resilien (Bernard, 1993; Gordon & Song, 1994; Masten, Best, & Garmezy, 1990). Terdapat juga, walau bagaimanapun, beberapa faktor bolehubah yang telah ditemui mempengaruhi resilien keatas kanak-kanak. Benard (1993), contohnya, menemui empat ciri-ciri tersendiri yang ditunjukkan oleh kanak-kanak yang resilien secara amnya:

- Kebolehan sosial,
- Kemahiran menyelesaikan masalah,
- Kemandirian atau berdikari, dan
- Mempunyai matlamat yang tersendiri dan jelas

McMillan dan Reed (1994) menggambarkan empat lagi faktor yang nampaknya seperti berkaitan dengan resiliensi:

- Kualiti individu seperti motivasi dan berwawasan,
- Mengguna dan mengurus masa dengan baik (cth., penyelenggaraan kerja, menyiapkan kerja rumah, penglibatan di dalam kegiatan ekstrakurikulum),
- Kehidupan keluarga (cth., sokongan keluarga dan harapan), dan
- Keadaan pembelajaran persekitaran sekolah dan dalam bilik darjah (cth., kemudahan, pendedahan kepada teknologi, kepimpinan dan iklim keseluruhannya).

Pelajar boleh terdedah kepada pengalaman pendidikan yang tidak sesuai melalui keluarga mereka, sekolah, atau komuniti (Pallas, Natriello, & McDill, 1989). Walaupun para pendidik tidak dapat mengawal demografik komuniti dan keadaan keluarga,

mereka boleh mengubah polisi pendidikan dan amalan kebiasaan untuk menjamin mereka dapat mengenakan keperluan yang tertentu kepada pelajar yang mempunyai risiko untuk gagal dalam akademik (Corner, 1987). Pembuat dasar atau polisi, pentadbiran, pengajar dan ibu bapa, perlu faham kenapa ada sesetengah pelajar yang resilien berjaya di sekolah, sementara pelajar yang lain yang berasal daripada latar belakang sosio-ekonomi dan sekolah dan persekitaran rumah yang serupa tidak mendapat pencapaian yang baik dari segi akademik.

Sorotan kajian terdahulu juga menerangkan bagaimana fokus keatas resilien dapat memperbaiki pendidikan pelajar yang mempunyai risiko dalam kegagalan akademik. Rangka kerja seperti ini dapat membantu para pendidik membina satu intervasi pendidikan yang mengambil kira faktor “bolehubah” yang menggalakkan resilien. Isu-isu yang berkaitan dengan definisi resilien telah dibincangkan, dan beberapa penyelidikan keatas resilien telah membantu perkembangan bidang ini telah dinilai. Penyelidikan yang terbaru dalam bidang resilien pendidikan telah dikenalpasti, khasnya yang memberikan fokus kepada perbezaan diantara karektor pelajar yang resilien dan bukan resilien, latar belakang keluarga, dan persepsi keatas bilik darjah dan persekitaran sekolah. serta membincangkan implikasinya untuk tujuan pangamalan pendidikan dan penyelidikan.

Isu-isu Dalam Mendefinisikan Resiliensi.

Walaupun kebanyakan definisi resiliensi adalah hampir sama, terdapat beberapa penerangan di kalangan definisi yang patut dipertimbangkan. Perkataan yang sinonim telah digunakan bersilih ganti dalam menggambarkan individu yang resilien.

Ketahanan, kekuatan, dan ketabahan, contohnya adalah semua perkataan yang digunakan untuk menerangkan individu yang resilien (Wolin & Wolin, 1993).

Perbezaan diantara kesemua definisi untuk resilien selalunya berdasarkan kepada pendekatan yang spesifik atau konteks dimana resilien dikaji. Kumpulan “berisiko-tinggi” contohnya, didefinisikan berdasarkan kepada label mereka (cth., kemiskinan, latar belakang keluarga, atau penderaan), sementara bagi definisi yang memberi fokus kepada komuniti yang berpendidikan secara lebih meluas adalah selalu berdasarkan kepada pengalaman yang positif yang berkaitan dengan adaptasi individual (cth., perhubungan yang bermakna, persepsi sekolah, dan penglibatan sekolah). Adalah penting untuk mempertimbangkan pendekatan yang berbeza ini semasa mengkaji pembinaan resiliensi. Adalah juga penting untuk mengenal pasti konteks yang spesifik dimana resilien diperiksa sebelum meringkaskan konsep resilien kepada dominasi resilien yang lebih besar. Kesemua pendekatan ini adalah penting untuk pemahaman kepada resilien. Konsep resiliensi hendak difahami secara konteks dengan sepenuhnya sebelum implikasi yang praktikal dapat dikeluarkan mengenai pembinaan resiliensi di dalam sekolah (Liddle, 1994).

Wolin dan Wolin(1993) menerangkan bahawa perkataan “resilien” telah diambil daripada terma yang lebih awal untuk menggambarkan fenomena (seperti kekuatan, katabahan dan ketahanan), kerana pengiktirafan keatas usaha yang terlibat di dalam proses untuk menjadi resilien. Perkataan resiliensi secara amnya merujuk kepada faktor dan proses yang menghadkan perlakuan negatif yang berkaitan dengan tekanan dan hasil daripada adaptasi walaupun di dalam keadaan yang sukar.

Garnezy dan Masten (1991), contohnya, mendefinisikan resilien sebagai “proses bagi, atau keupayaan untuk, atau hasil keputusan daripada adaptasi positif walaupun dalam cabaran dan keadaan yang mengancam”

Salah satu daripada definisi resilien akademik yang sering digunakan ialah “komitmen yang tinggi untuk mendapat keputusan yang baik di sekolah dan kejayaan hidup yang lain walaupun kesukaran keadaan persekitaran yang disebabkan oleh personaliti terdahulu, keadaan, dan pengalaman” (Wang, Haertel, & Walberg, 1994). Jikalau kejayaan adalah variasi pendidikan yang sering dikaji dan diukur oleh para penyelidik (cth., kognitif, efektif, dan hasil perlakuan), kesukaran adalah fenomena yang sering kali tidak didefinisikan dan dikaji secara praktikal oleh para pendidik. Berada di dalam keadaan persekitaran sekolah yang berisiko, contohnya, boleh dianggap sebagai keadaan yang sukar (Waxman, 1992), namun begitu terdapat faktor risiko yang lain (cth., kemiskinan, penyalahgunaan dadah, aktiviti seks, berasal dari keluarga ibubapa tunggal, mempunyai adik-beradik yang berhenti sekolah, atau berada di rumah seorang

diri selepas waktu sekolah selama 3 jam atau lebih dalam sehari) ini juga adalah amat penting untuk diukur. Isu seperti ini meningkatkan persoalan seperti samada patut atau tidak seseorang pelajar yang berjaya yang mempunyai hanya satu atau dua daripada faktor risiko ini boleh dianggap sebagai pelajar yang resilien. Jelasnya seorang pelajar yang resilien dalam pendidikan mempunyai satu atau dua faktor risiko adalah amat berbeza dari pelajar yang sangat cenderung kepada pelbagai perlakuan yang berisiko tinggi (cth., penyalahgunaan bahan, percubaan membunuh diri). Maka bilangan faktor yang berisiko dan magnitud bagi kedua-dua ini adalah isu yang penting dimana patut diambil kira. Seperti kebiasaannya isu-isu patut diambil kira berasaskan kepada pengukuran resiliensi. Contohnya, adakah patut jika mendapat markah yang cemerlang dalam ujian yang telah diseragamkan, mendapat markah 95 peratus dalam ujian yang telah diseragamkan selama 3 tahun berturut-turut, menerima biasiswa cemerlang, atau mendapat ijazah dengan kepujian daripada sekolah yang ternama, diukur secara sama rata atau berbeza dalam menentukan resilien?

Isu yang sama berhubung dengan pengukuran resiliensi yang diaplikasikan kepada prosedur pengenalan untuk membezakan diantara pelajar yang resilien dan pelajar yang bukan resilien. Kebanyakan penyelidikan resiliensi telah menggunakan pencapaian akademik (cth., markah dan ujian yang telah di seragamkan) sebagai ciri-ciri untuk mengenal pasti pelajar yang resilien. Cara pendekatan ini sering dikritik kerana boleh menghadkan potensi mengukur pencapaian akademik, yang melibatkan seperti keesahan atau kebolehpercayaan. Kajian seperti ini selalunya mengenalpasti pelajar

yang resilien berdasarkan kepada keputusan markah ujian, dimana ianya tidak mewakili pencapaian pelajar secara keseluruhan. Kajian resilien yang lain menggunakan pencalonan guru sebagai kriteria untuk menentukan pelajar yang resilien. Tidak menghairankan, jika perbezaan yang dramatik ditemui di dalam kebanyakan kajian ini diantara pelajar yang resilien dan bukan resilien mungkin selaras dengan anggapan guru dan sikap terhadap pelajar. Oleh itu, penggunaan pencalonan guru untuk mengenal pasti pelajar yang resilien boleh dianggap sebagai menghadkan penyelidikan di dalam bidang ini, kerana terdapat tahap bahaya dimana terdapat guru yang mengenal pasti atau mengelaskan pelajar sebagai resilien atau bukan resilien mungkin akan memberikan kesan keatas pencapaian mereka (Storer, Cychosz, & Licklider, 1995). Pada masa yang sama, cara pendekatan pencalonan daripada guru ini adalah mungkin menjadi salah satu prosedur pengenalan yang ada keesahan, kerana keputusan guru adalah secara tipikalnya berdasarkan kepada indikator yang pelbagai yang ditunjukkan di sepanjang tahun persekolahan.

Bahagian yang berikutnya menerangkan beberapa penyelidikan resilien klasik dan perbincangan kajian resilien yang terbaru dalam resiliensi pendidikan.

Penyelidikan Resilien Klasik.

Konsep resilien telah digunakan untuk menggambarkan tiga kategori utama bagi fenomena di dalam bahan penulisan psikologi (Masten, Best, & Garmezy, 1990).

Kategori pertama termasuklah kajian keatas perbezaan individu yang sembuh daripada trauma. Kategori kedua ialah terdiri daripada kumpulan yang berisiko tinggi, mereka yang mendapat pencapaian yang lebih baik daripada jangkaan yang sepatutnya.

Kategori major yang ketiga dalam bahan penulisan resilien merujuk kepada kebolehan untuk mengadaptasi, walaupun dalam pengalaman yang tegang. Kajian yang berikutnya telah dikenal pasti sebagai peneraju dalam kerja untuk mengenal pasti konsep resilien dan mewakili kesemua ketiga-tiga kategori bagi fenomena resilien.

Rutter (1979) menjalankan satu kajian epidemiologikal yang menunjukkan kategori pertama bagi resilien. Dalam masa 10 tahun, beliau mengkaji kanak-kanak di Pulau Wight dan kanak-kanak sebahagian di bandar London, dimana ibubapa mereka telah dikenalpasti menghidap penyakit mental. Selepas temuduga yang intensif, beliau mendapati bahawa mereka ini dapat melepaskan diri secara relatif dengan baik. Kanak-kanak ini sendiri tidak menjadi pesakit mental, mahupun menunjukkan perlakuan yang maladaptif. Rutter mula mempersoalkan mengapa kebanyakan kanak-kanak ini tidak menunjukkan sebarang tanda-tanda kesusahan yang terpaksa mereka hadapi setiap hari. Beliau mendapati bahawa kedua-dua karektoristik individual dan keadaan persekitaran persekolahan kanak-kanak tersebut merupakan faktor perlindungan yang

penting. Rutter mencadangkan bahawa faktor genetik juga ada memainkan peranan dalam penentuan perbezaan individu dalam karektor personaliti dan kebijaksanaan. Beliau juga mendapati bahawa keadaan persekitaran sekolah mempunyai faktor perlindungan yang penting, seperti mewujudkan kemahuan untuk berjaya dalam diri kanak-kanak, menggalakkan perkembangan individu, dan meningkatkan perhubungan sosial mereka.

Werner dan Smith (1977) menjalankan satu kajian yang penting yang menunjukkan kategori yang kedua bagi fenomena resilien. Fokus terhadap kajian longitud ini adalah keatas kumpulan kanak-kanak yang berisiko tinggi yang dilahirkan pada tahun 1955 di Kauai, Hawa'i. Satu pertiga daripada *cohort* ini ($n = 201$) telah dikenalpasti sebagai berisiko tinggi, kerana mereka dilahirkan miskin dan hidup di dalam keadaan keluarga yang bermasalah oleh beberapa faktor termasuk biologikal dan tekanan prenatal, keluarga yang tidak stabil dan tidak aman, psikopatologi ibubapa, atau suasana membesarkan kanak-kanak yang lemah. Satu pertiga daripada kanak-kanak yang berisiko tinggi ini ($n = 72$) membesar menjadi seorang dewasa yang mahir, yakin, dan penyayang. Beberapa perbezaan ditemui apabila kanak-kanak ini dibandingkan dengan kanak-kanak berisiko tinggi yang menimbulkan masalah yang serius. Hasil keputusan ini telah dikelaskan kepada tiga jenis penyumbang perlindungan yang menyokong resilien:

- Sumbangan sifat atau karektor kepada individu,
- Ikatan kasih sayang dengan keluarga tersebut, dan
- Sistem sokongan luaran atau eksternal di dalam persekitaran.

Pada zaman awal kanak-kanak, mereka yang resilien jarang mengalami sakit, demam dan dilihat sebagai aktif, penyayang dan memberi respon secara sosial oleh ibubapa mereka. Kanak-kanak yang resilien menunjukkan trait tambahan seperti kemahiran layan-diri, mempunyai sensorimotor, dan perkembangan kebolehan untuk berbahasa.

Pada awal dewasa, kanak-kanak resilien menunjukkan kemahiran menyelesaikan masalah yang baik, kemahiran berinteraksi, dan perkembangan motor perseptual.

Dalam lewat zaman remaja mereka, individu resilien mempunyai tumpuan lokus dalaman yang tinggi, sikap untuk berjaya, dan keyakinan diri yang positif. Pada masa dewasa, individu resilien mampu untuk menghubungkan beberapa sumber sokongan di dalam persekitaran mereka (Werner & Smith, 1977).

Di dalam kajian lanjutan yang seterusnya, Werner dan Smith (1992) menyediakan bukti bahawa proses resilien adalah berbeza diantara wanita dan lelaki. Apabila sampel mereka berada di dalam umur 31 dan 32 tahun, kemahiran sekolah pada umur 10 tahun adalah lebih kuat dihubungkan kepada kejayaan perubahan tanggungjawab dewasa bagi lelaki berbanding wanita. Faktor-faktor seperti keyakinan diri yang tinggi, keberkesanan dan rasa untuk kawalan diri pada usia 18 tahun, adalah lebih mudah diramalkan untuk adaptasi dewasa yang berjaya lebih baik dikalangan wanita

berbanding lelaki. Terdapat juga perbezaan di dalam kehilangan pemberi perlindungan; pada dekad yang kedua, wanita yang dewasa didapati lebih terdedah kepada keluarga yang kronik dan perhubungan intim yang terganggu berbanding lelaki.

Projek Penyelidikan Kebolehan (Garmezy, Masten, & Tellegen, 1984) memberikan gambaran kategori yang ketiga bagi fenomena resilien, Garmezy dan rakan-rakannya memulakan Projek Kebolehan untuk lebih memahami bagaimana resiliensi mempengaruhi kanak-kanak apabila mereka mengalami situasi yang tegang. Fokus projek ini adalah mengkaji impak kehidupan “tekanan” keatas tahap kebolehan pelajar sekolah rendah. Untuk lebih daripada 10 tahun, lebih kurang 200 kanak-kanak dan keluarga mereka - daripada sampel pelajar darjah tiga hingga enam- menyertai kajian ini. Sampel ini didapati mengalami keadaan hidup yang tertekan. Gred yang diberikan oleh guru, penilaian rakan, dan penilaian kebolehan rekod data sekolah, dan pendedahan kepada tekanan diukur dengan soal-jawab kejadian hidup seharian. Penyelidik menemuduga ibubapa secara intensif selama 6 jam mengenai struktur sosial keluarga mereka dan perspektif mereka terhadap anak mereka. Dalam analisis penjelasan perhubungan pengurangan pelbagai, penyelidik mendapati bahawa kanak-kanak yang kurang upaya yang mempunyai IQ dan status ekonomi yang rendah (SES) dan kurang kualiti keluarga yang positif adalah lebih kurang mampu dan lebih cenderung untuk menjadi bermasalah. Namun begitu, Garmezy dan rakan-rakan, mendapati bahawa ada diantara kanak-kanak yang kurang upaya ini adalah berdikari dan tidak menunjukkan kelakuan yang bermasalah. Oleh kerana penemuan ini, mereka mempersoalkan kenapa

ada diantara kanak-kanak yang tidak tunduk kepada kesusahan yang mereka hadapi dan menimbulkan adaptasi yang negatif.

Hasil keputusan daripada kajian klasik resiliensi ini menyediakan bukti yang menyakinkan bahawa terdapat banyak faktor yang membantu pelajar yang berisiko untuk gagal menjadi resilien walaupun dalam keadaan kesusahan. Hasil keputusan ini juga menyediakan bukti bahawa individu yang resilien menginterpretasikan pengalaman tekanan hidup dan trauma secara berlainan. Satu terma pusat yang menghubungkan kesemua hasil keputusan yang disebut diatas adalah memberi penekanan keatas kedua-dua karektoristik individu dan faktor persekitaran sebagai kemungkinan sumber untuk resilien.

Penyelidikan Keatas Resilien Pendidikan.

Sementara terdapat perbahasan mengenai kemahiran, peluang, dan perhubungan yang menggalakkan resiliensi boleh disediakan di sekolah (Storer, Cychosz, & Licklider, 1995), hanya beberapa kajian yang betul-betul mengkaji resiliensi di sekolah.

Kebanyakan kajian di dalam bidang ini telah memberikan fokus kepada membandingkan pelajar resilien dan bukan resilien berasaskan kepada kepentingan keluarga, ciri-ciri latar belakang individu, dan keatas proses pembelajaran dan pengajaran di kelas dimana telah mencadangkan membantu dalam pemupukan resilien. Terdapat juga penyelidik menemui bahawa terdapat perbezaan yang sangat drastik

diantara pelajar yang resilien dan bukan resilien berdasarkan kepada variasi latar belakang karektor, sumbangan individu, (cth., motivasi dan aspirasi masa depan), dan proses bilik darjah (cth., persekitaran belajar yang diterima dan pemerhatian kelakuan di dalam bilik darjah). Bahagian ini lebih menonjolkan beberapa kajian resilien pendidikan yang terbaru.

Di dalam kajian yang direka khas untuk memahami pelajar sekolah tinggi yang berjaya, Reyes dan Jason (1993) telah menentu faktor yang membezakan kejayaan dan kegagalan bagi pelajar Latin dari sekolah tinggi dalam bandar. Berdasarkan kepada kadar kehadiran dan pencapaian akademik mereka pada gred yang kesembilan, 24 orang dari gred ke sepuluh telah dikenal pasti sebagai berisiko tinggi untuk terkeluar daripada sekolah tinggi, sementara 24 pelajar yang lain telah dipastikan untuk berada pada risiko paling rendah terkeluar dari sekolah tinggi. Pelajar telah ditemu ramah secara berasingan mengenai beberapa topik yang merangkumi empat bidang yang utama; latar belakang keluarga, sokongan keluarga, kepuasan sekolah keseluruhan, dan tekanan kumpulan. Penyelidik mendapati bahawa tiada perbezaan diantara dua kumpulan berkaitan dengan status sosioekonomi, penglibatan ibubapa-pelajar, atau pengawasan ibubapa. Pelajar yang berisiko rendah walau bagaimanapun, dilaporkan lebih berpuas hati dengan sekolah mereka berbanding dengan pelajar berisiko tinggi. Di sebaliknya pelajar yang berisiko tinggi lebih cenderung memberikan respon bahawa mereka diajak untuk menyertai geng atau pun pernah membawa senjata berbahaya ke sekolah.

Dalam kajian lain yang menggunakan markah akademik sebagai kriteria untuk resiliensi, Gonzalez dan Padilla (1997) mengkaji faktor yang menyumbangkan kepada resilien akademik dan pencapaian bagi 133 pelajar resilien dan 81 pelajar bukan resilien sekolah tinggi Mexican American. Daripada populasi pelajar Mexican American lebih daripada 20,000 di tiga sekolah tinggi California, mereka mengenal pasti “pelajar resilien” sebagai pelajar yang melaporkan keputusan mereka di sekolah tinggi adalah “kebanyakannya A”. mereka mengenal pasti “pelajar bukan resilien” sebagai pelajar yang melaporkan keputusan mereka di sekolah tinggi adalah “kebanyakannya D” ataupun “kebanyakannya di bawah D”. Mereka mendapati bahawa pelajar yang resilien mempunyai persepsi sokongan keluarga dan rakan yang lebih tinggi, tindak balas kepada guru, perhubungan yang positif dengan sekolah, mempunyai kedudukan yang dihormati di sekolah, diterima oleh rakan sebaya, dan kekeluargaan berbanding dengan pelajar bukan resilien. Penyelidik juga mendapati bahawa rasa diterima di sekolah oleh pelajar adalah satu - satu nya prediktor yang bermakna keatas resilien akademik.

Alva (1991) menggunakan perkataan “ketahanan akademik” untuk menggambarkan pelajar yang “mampu mengekalkan tahap pencapaian yang tinggi, motivasi dan berprestasi, walaupun menghadapi tekanan dan keadaan situasi yang boleh meletakkan mereka pada risiko untuk tidak berjaya di sekolah dan seterusnya gagal apabila keluar daripada sekolah” Dalam kajian beliau, beliau memeriksa ciri-ciri *cohort* bagi pelajar Mexican American dalam gred yang ke-sepuluh, menemui bahawa pelajar yang resilien atau tahan (cth., pelajar yang mengekalkan purata keputusan markah yang tinggi dalam

gred ke-sepuluh dan berasal daripada latar belakang sosioekonomi yang rendah) dilaporkan mendapat sokongan pendidikan yang tinggi daripada guru-guru dan rakan sebaya dan lebih “berasa cenderung dan bersedia untuk hadir ke sekolah dan terlibat dalam aktiviti sekolah tinggi, kurang mengalami konflik dan kesusahan dalam hubungan berkumpulan dengan pelajar lain, dan kurang mengalami konflik dan kesusahan keluarga”.

Pusat Penyelidikan Pendidikan Pelajar Yang Berada Dalam Risiko (CRESPAR) (*The Center for Research on the Education of Students Placed at Risk*) telah terlibat dalam beberapa penyelidikan keatas resiliensi pendidikan. Di dalam satu isu khas mengenai resilien pelajar di dalam *Education and Urban Society*. Lee, Winfield, and Wilson (1991) menggunakan data bacaan penilaian markah tahun 1983-84 daripada National Assessment of Educational Progress (NAEP) untuk membandingkan pelajar African American pada gred ke-lapan yang mempunyai pencapaian tinggi seramai 661 orang, berbanding dengan pelajar African American mempunyai pencapaian yang rendah, dari gred yang sama, seramai 1,894 orang. Pelajar yang mempunyai pencapaian yang tinggi ialah yang mendapat markah diatas markah purata keseluruhan, manakala pelajar yang berpencapaian rendah ialah yang mendapat markah di bawah markah purata keseluruhan. Dalam konteks keluarga atau latar belakang pewatakan, mereka mendapati bahawa pelajar yang berprestasi tinggi datang dari golongan sosial atasan, lebih muda dan mempunyai ibu yang bekerja berbanding pelajar yang berprestasi rendah. Dalam konteks perbezaan sekolah, pelajar yang berprestasi tinggi lebih banyak masuk ke

sekolah jenis berstatus tinggi dari segi sosioekonomi lebih banyak pendedahan kokurikulum, komitmen pelajar yang lebih tinggi, dan hanya sedikit sahaja yang mengikuti pembetulan bacaan berbanding dari sekolah yang dimasuki oleh pelajar berprestasi rendah. Dalam konteks perlakuan akademik pelajar, pelajar African American yang berprestasi tinggi dilaporkan lebih banyak membaca halaman buku dalam seminggu, melakukan lebih banyak kerja rumah, dan mempunyai markah yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang berprestasi rendah.

Nettles, Munchech, dan Jones (2000) menilai beberapa kajian CRESPAR yang terbaru yang mengkaji pengaruh sumber sosial seperti ibubapa, guru, dan sokongan sekolah dalam resiliensi pelajar. Mereka menemui bahawa hubungan dengan sumber sosial, seperti ibubapa yang prihatin, penyertaan dalam aktiviti kokurikulum, dan guru yang memberikan sokongan, adalah memberi kebaikan kepada pencapaian akademik pelajar. Dalam kajian mereka yang tersendiri dengan 75 orang pelajar darjah lima dan empat, mereka menemui bahawa pelajar yang menerima pendedahan kepada keganasan mendapat impak negatif yang bermakna keatas pencapaian matematik dan bacaan mereka, sementara itu sokongan guru memberikan impak yang positif keatas pencapaian matematik. Namun begitu, persepsi pelajar terhadap tekanan kehidupan, tidak memberikan kesan yang bermakna keatas pencapaian mereka.

Di dalam penyelidikan bersiri yang dijalankan oleh U.S Department of Education National Research Centres; Center of Education in the Inner Cities (CEIC) ; dan Center for Research on Education, Diversity and Excellence (CREDE), Waxman, Padron dan rakan-rakan, menjalankan beberapa penyelidikan yang memeriksa perbezaan diantara elemantari resilien dan bukan resilien dan pelajar sekolah pertengahan daripada beberapa sekolah bahagian bandar yang mengajar pelajar pelbagai budaya dan linguistik yang berasal daripada keadaan sosioekonomi yang rendah. Dalam kajian asal, Waxman dan Huang (1996) membandingkan motivasi dan suasana persekitaran belajar 75 orang resilien berbanding dengan 75 orang pelajar yang bukan resilien, dari darjah enam, tujuh dan lapan, pelajar daripada sekolah pertengahan dalam bandar terletak di dalam bandaraya yang besar, pada bahagian utara United States. Dari segi pendidikan, pelajar yang resilien didefinisikan sebagai pelajar yang mendapat markah daripada 90 peratus dan keatas dalam ujian matematik yang telah diseragamkan dalam tempoh 2 tahun. Pelajar yang bukan resilien didefinisikan sebagai mereka yang mendapat markah 10 peratus atau ke bawah dalam ujian pencapaian dalam tempoh dua tahun. Pelajar yang resilien didapati mempunyai persepsi yang lebih tinggi dalam penglibatan, pelaksanaan tugas, pengesahan peraturan, kepuasan, tindak balas dan jarak berbanding dengan pelajar yang bukan resilien. Pelajar yang resilien juga dilaporkan mempunyai kesedaran konsep sosial yang tinggi, motivasi untuk berjaya, dan konsep sendiri akademik yang baik berbanding dengan pelajar bukan resilien. Sementara itu, tidak ada perbezaan yang signifikan antara kedua-dua kumpulan di dalam variasi seperti penglibatan ibu bapa, kerja rumah dan sokongan guru. Satu penjelasan kenapa tiada perbezaan yang dijumpai

dalam variasi sokongan guru ialah kedua-dua kumpulan pelajar yang resilien dan bukan resilien mempunyai persepsi yang rendah terhadap sokongan guru mereka; terdapat juga respon variasi yang bermakna dalam kumpulan itu. Di sebaliknya, satu penjelasan keatas sebab tidak dijumpai signifikasi perbezaan diantara pelajar resilien dan bukan resilien keatas persepsi penglibatan ibu bapa ialah, respon kedua-dua kumpulan adalah sangat tinggi dan terdapat hanya sedikit variasi di dalam kumpulan.

Waxman, Huang dan Padrón (1997) membandingkan motivasi dan keadaan persekitaran pembelajaran bagi pelajar resilien dan bukan resilien Latino daripada sekolah menengah, multietnik, bertempat di dalam kota metropolitan terletak di bahagian selatan United States. Daripada seluruh populasi pelajar Latino di daerah itu, suatu sampel yang strata terdiri daripada 60 orang pelajar resilien dan 60 orang pelajar bukan resilien berbangsa Latino, dipilih secara rawak untuk dimasukkan ke dalam kajian. Pelajar yang dikenal pasti sebagai “berbakat” atau “dididik secara khas” tidak termasuk di dalam sampel ini. Pelajar akan dikelaskan sebagai resilien jika mereka mendapat markah pada 75 peratus dan keatas dalam ujian pengurusan daerah yang telah diseragamkan “Empat-Langkah Dalam Menyelesaikan Masalah”, dalam tempoh 2 tahun dan dilaporkan mendapat “A” atau “B” dalam matematik dalam tempoh 2 tahun. Pelajar akan dikelaskan sebagai bukan resilien jika mereka mendapat markah pada 25 peratus dan kebawah dalam ujian seragam yang sama dan dalam tempoh 2 tahun juga, dilaporkan mendapat “C” atau “D” atau “F” dalam matematik dalam tempoh setahun, dan mendapat “B” atau “C” atau “D” atau “F” dalam matematik pada tahun yang

berikutnya. Teknik penyampelan yang secara strata telah digunakan untuk mendapatkan bilangan pelajar yang sama rata dalam jantina dan tahap dalam setiap kumpulan pelajar (cth., resilien atau bukan resilien).

Hasil keputusannya mendapati bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan diantara dua kumpulan pelajar samada mereka menggunakan bahasa Inggeris atau tidak sebelum mereka mula bersekolah. Lebih kurang 76% pelajar resilien menunjukkan bahawa mereka menggunakan bahasa selain daripada bahasa Inggeris sebelum mereka mula bersekolah, sementara lebih kurang 67% bagi pelajar yang bukan resilien memberi respon bahawa mereka juga menggunakan bahasa lain selain daripada Inggeris sebelum mereka memulakan sekolah. Namun begitu, terdapat juga perbezaan statistik yang signifikan diantara dua kumpulan pada tahap dimana pelajar ditahan selama satu darjah di dalam sekolah. Lebih kurang 53% pelajar bukan resilien yang menunjukkan bahawa mereka di tahan selama satu darjah di sekolah berbanding dengan hanya 13% bagi pelajar yang resilien.

Terdapat perbezaan yang signifikan diantara dua kumpulan pelajar keatas aspirasi akademik mereka. Kira-kira 78% pelajar resilien menunjukkan bahawa mereka akan menghabiskan pengajian mereka di sekolah tinggi, berbanding dengan hanya 43% bilangan pelajar yang bukan resilien. Oleh itu lebih kurang juga lebih 90% pelajar yang resilien menunjukkan bahawa mereka akan menghabiskan pengajian di peringkat kolej

atau menghadiri sekolah ijazah, berbanding hanya lebih kurang 46% untuk pelajar bukan resilien.

Terdapat perbezaan statistik yang signifikan antara dua kumpulan dalam dua masa yang dikongsi bersama. Pelajar yang resilien dilaporkan bahawa mereka menghabiskan masa yang lebih signifikan membuat kerja rumah matematik setiap minggu berbanding dengan pelajar bukan resilien. Pelajar resilien juga menunjukkan bahawa mereka menghabiskan lebih banyak masa membaca bahan bacaan tambahan berbanding dengan pelajar bukan resilien. Tidak ada perbezaan yang signifikan di antara dua kumpulan keatas masa yang dihabiskan untuk menonton televisyen di hujung minggu atau semasa hari belajar, dan jumlah masa yang dihabiskan untuk mendengar CD, kaset, atau radio. Terdapat juga perbezaan yang signifikan diantara dua kumpulan tentang rekod kehadiran. Pelajar yang resilien dilaporkan amat kurang untuk tidak hadir atau ponteng kelas dan lambat ke sekolah berbanding dengan pelajar bukan resilien.

Analisis yang multivariasi dan ujian *univariate post hoc* menunjukkan bahawa pelajar yang resilien mempunyai signifikasi persepsi yang lebih signifikan keatas penglibatan, kepuasan, konsep sendiri akademik, dan motivasi untuk berjaya berbanding dengan pelajar bukan resilien. Analisis fungsi diskriminasi menunjukkan bahawa variasi Aspirasi Akademik, Penglibatan, Konsep Kendiri Akademik, Jangkaan untuk Graduan Sekolah Tinggi, Tidak Di Tahan Di Sekolah, dan Kepuasan adalah berkaitan dengan fungsi diskriminasi secara keseluruhan.

Dalam kajian yang lain, Waxman, Huang, dan Wang (1997) memberikan fokus keatas pelajar resilien dan pelajar bukan resilien daripada empat buah sekolah elementari daripada sekolah daerah dalam bandar yang besar, terletak di kota metropolitan bahagian selatan United States. Dua kelas darjah empat dan dua kelas darjah lima dipilih secara rawak daripada empat buah sekolah dalam kota ini. Pada pertengahan tahun di sekolah itu, guru disoal untuk mengenal pasti populasi pelajar mereka yang berada dalam risiko (cth., pelajar daripada keluarga yang berstatus sosioekonomi yang rendah, tinggal dengan ibu/bapa tunggal, saudara-mara atau penjaga). Daripada kumpulan pelajar yang berisiko ini, para guru diberitahu untuk memilih sehingga tiga orang “resilien” (cth., pencapaian yang baik dalam ujian seragam dan kerja rumah harian, sangat bermotivasi, dan kehadiran yang cemerlang) dan tiga orang “bukan resilien” (cth., pencapaian yang rendah dalam ujian seragam dan kerja rumah harian, tidak bermotivasi dan kehadiran yang lemah) di dalam kelas mereka. Pelajar yang resilien dan bukan resilien menghabiskan tinjauan motivasi dan persekitaran pembelajaran dan diperhatikan melalui teknik *shadowing observation*. Teknik ini terdiri daripada penerangan naratif seperti berikut:

- Persekitaran fizikal di dalam kelas
- Pendekatan pengajaran guru, perlakuan, dan sikap keatas pelajar, dan
- Permerhatian keatas perlakuan pelajar, tindakan, adab, dan interaksi.

Teknik ini direkodkan di dalam komputer lap-top yang telah diprogramkan untuk menyediakan para pemerhati dengan skala masa yang spesifik yang memberitahu mereka bila masa sepatutnya mereka membuat rekod untuk informasi (cth., komen yang naratif) mengenai setiap pelajar. Satu sampel pelajar yang “sederhana” daripada setiap kelas dimasukkan juga di dalam kajian ini.

Secara keseluruhannya, pelajar resilien mengurus bilik kelas mereka lebih baik berbanding dengan pelajar bukan resilien. Pelajar yang resilien mempunyai konsep akademik sendiri dan aspirasi yang sangat tinggi berbanding dengan pelajar bukan resilien. Mereka juga memandang bahawa guru mereka memberikan harapan yang lebih tinggi kepada mereka dan memberikan tindak balas yang lebih dan sepatutnya berbanding dengan pelajar bukan resilien. Selanjutnya, pelajar resilien dilaporkan mereka lebih banyak terlibat di dalam kelas dan berpuas hati berbanding dengan pelajar bukan resilien. Mereka juga menerima lebih banyak kerja berorientasikan arahan dan organisasi berbanding dengan pelajar bukan resilien. Untuk kebanyakan bahagian, persepsi pelajar yang sederhana secara amnya serupa dengan pelajar yang resilien.

Terdapat beberapa tema biasa yang muncul daripada kes dan data kajian ini. Pertama, beberapa faktor yang penting membezakan diantara pelajar yang resilien dan bukan resilien. Pelajar resilien nampaknya lebih persisten dan memberikan tumpuan, menunjukkan kebolehan menjadi ketua, bekerjasama baik dengan pelajar lain, selalu menjawab soalan secara sukarela, dan sering sibuk membuat kerja sekolah. Pelajar yang

resilien lebih bersemangat, bertenaga, dan tingkah laku yang lebih baik berbanding dengan pelajar yang bukan resilien. Pelajar yang resilien lebih mendapat perhatian guru dan pujian berbanding dengan pelajar bukan resilien. Sebaliknya, pelajar yang bukan resilien lebih pemalu, selalu letih, tidak memberikan tumpuan kepada guru, atau bosan. Di dalam kelas mereka tidak terlibat atau tidak aktif seperti pelajar yang resilien, dan mereka nampaknya memulakan kerja lebih lambat. Kebanyakan pelajar bukan resilien nampak seperti cemas, tidak tenang, senang hilang tumpuan, dan kadang kala enggan membuat kerja mereka. Terdapat beberapa pelajar yang bukan resilien mengganggu di dalam bilik darjah, samada mengacau rakan yang lain dengan berbual atau membuat bising di meja mereka sehingga guru mereka terpaksa memarahi mereka. Adalah penting untuk mengambil perhatian bahawa terdapat lebih banyak variasi perlakuan oleh pelajar yang bukan resilien berbanding dengan pelajar yang resilien.

Sementara itu fokus utama adalah terhadap data *shadowing* keatas pelajar resilien dan bukan resilien, kandungan arahan yang biasa digunakan di dalam bilik darjah juga diperhatikan. Penemuan menunjukkan bahawa, secara keseluruhannya, arahan di dalam sekolah rendah dalam bandar ini adalah arahan untuk seluruh kelas dengan pelajar belajar dalam aktiviti kerja kursus yang diberikan oleh guru, amnya dalam cara yang pasif (cth., mendengar atau melihat). Diperhatikan hanya terdapat sedikit kumpulan kerja yang dibuat di dalam bilik darjah, dan apabila ini berlaku, ia biasanya antara dua orang pelajar sahaja. Guru diperhatikan sentiasa memastikan pelajar membuat sesuatu kerja, memberi tumpuan kepada kerja sahaja, berkomunikasi mengenai prosedur kerja,

dan memeriksa kerja pelajar. Mereka juga menghabiskan lebih banyak masa memberikan penjelasan berbanding bertanyakan soalan, memberikan isyarat, atau menggalakkan pelajar. Guru diperhatikan tidak selalu memberikan galakkan respon yang diberikan oleh pelajar atau menggalakkan pelajar untuk membantu diri mereka sendiri atau sesama mereka sendiri. Umumnya, hanya sedikit sahaja interaksi berlaku di dalam kelas, dan tahap intelektual kurikulum adalah sangat rendah, dengan hanya beberapa aktiviti yang rasmi. Kandungan pengajaran tidak banyak yang berkaitan dengan minat pelajar atau tentang ‘dunia’ di luar sekolah. Budaya dominan yang diperhatikan di dalam kelas tersebut ialah untuk “menyiapkan kerja sahaja”, tidak menekankan untuk belajar menangani situasi yang sering berlaku.

Satu lagi penemuan yang penting dalam kajian ini ialah didalam bilik darjah dimana interaksi signifikan antara pelajar-guru berlaku, adalah lebih sukar untuk menentukan perbezaan antara pelajar yang resilien dan bukan resilien. Cara pendekatan dengan memberi arahan secara langsung yang merangkumi kedua-dua kelas membaca dan matematik nampaknya lebih sesuai untuk pelajar yang resilien, dimana bermotivasi dan lebih menumpukan perhatian, memberi jawapan secara sukarela, dan mendapat perhatian dan pujian yang lebih daripada guru berbanding dengan pelajar bukan resilien, yang nampaknya seperti bosan, enggan menjawab soalan, dan kadang-kala enggan untuk membuat kerja. Secara keseluruhannya penemuan kualitatif menunjukkan bahawa pelajar yang resilien lebih berjaya di dalam bilik darjah yang menggunakan arahan secara langsung berbanding dengan pelajar yang bukan resilien. Walaupun

terdapat banyak perbezaan yang dapat diperhatikan di dalam perlakuan akademik bagi kedua-dua kumpulan ini, tiada penyelesaian, adaptif, atau pengkayaan aktiviti yang diperhatikan di dalam mana-mana bilik darjah. Bagi kebanyakan bahagian, guru tidak melayan setiap individu pelajar dengan berbeza; mereka memberikan fokus kepada seluruh kelas dan memberikan arahan aktiviti kepada semua orang di dalam kelas pada masa yang sama.

Padrón, Waxman, dan Huang (1999) membandingkan arahan dalam kelas dan keadaan pembelajaran pada 250 pelajar yang resilien, sederhana, dan bukan resilien di dalam kelas darjah empat dan lima daripada tiga sekolah rendah yang terletak di kawasan metropolitan bahagian selatan United States. Para pelajar daripada ketiga-tiga sekolah tadi adalah orang Hispanic, dan kebanyakan mereka menerima makanan tengahari percuma atau yang dibayar separuh. Pada pertengahan tahun di sekolah itu, guru disoal untuk mengenal pasti populasi pelajar mereka yang berada dalam risiko (cth., pelajar daripada keluarga yang berstatus sosioekonomi yang rendah, tinggal dengan ibu/bapa tunggal, saudara-mara atau penjaga). Daripada kumpulan pelajar yang berisiko ini, para guru diberitahu untuk memilih sehingga tiga orang “resilien” (cth., pencapaian yang baik dalam ujian seragam dan kerja rumah harian, sangat bermotivasi, dan kehadiran yang cemerlang) dan tiga orang “bukan resilien” (cth., pencapaian yang rendah dalam ujian seragam dan kerja rumah harian, tidak bermotivasi dan kehadiran yang lemah) di dalam kelas mereka. Pada hujung tahun persekolahan, semua pelajar darjah empat dan lima menyiapkan tinjauan “*My Class Learning Environment*”, dan pelatih memerhatikan

secara sistematis pelajar resilien dan bukan resilien yang telah dikenalpasti oleh guru semasa kelas membaca dan seni bahasa yang biasa.

Mereka mendapati bahawa pelajar resilien darjah empat dan lima memberikan keadaan persekitaran belajar yang lebih positif dan lebih berpuas hati dengan kelas membaca dan seni bahasa mereka berbanding dengan pelajar bukan resilien. Sebagai tambahan, pelajar bukan resilien, menunjukkan bahawa mereka mengalami kesukaran melakukan kerja dalam kelas mereka berbanding dengan pelajar yang sederhana dan pelajar resilien. Keputusan pemerhatian menunjukkan bahawa pelajar resilien menghabiskan masa yang signifikan berinteraksi dengan guru untuk tujuan arahan, dimana pelajar bukan resilien lebih banyak menghabiskan masa berinteraksi dengan pelajar lain untuk tujuan sosial atau persendirian. Pelajar yang resilien juga diperhatikan memberikan tumpuan dan mendengar dengan signifikan lebih kerap berbanding dengan pelajar bukan resilien, di mana pelajar bukan resilien diperhatikan selalu tidak menyiapkan kerja sekolah. Peratus masa yang dihabiskan oleh pelajar resilien keatas kerja sekolah adalah lebih banyak berbanding dengan pelajar bukan resilien. Pelajar yang resilien juga jarang hilang tumpuan atau mengganggu pelajar lain berbanding dengan pelajar bukan resilien.

Read (1999) menemuramah beberapa orang guru tahun lima dan empat mengenai konsep pelajar resilien dan bukan resilien. Guru melaporkan bahawa mereka senang mengenalpasti pelajar yang resilien dan bukan resilien di dalam kelas mereka.

Beberapa orang guru berkongsi contoh yang spesifik kenapa pelajar yang tertentu di dalam kelas mereka yang nampak dengan jelas sebagai resilien dengan bukan resilien. Guru-guru tersebut juga menunjukkan bahawa rangka kerja resilien tersebut adalah suatu cara pendekatan yang amat berguna bagi membantu mereka memahami mengapa pelajar yang tertentu boleh berjaya atau tidak berjaya di sekolah. Sebagai tambahan, kajian ini mendedahkan beberapa corak perlakuan yang guru-guru anggap sebagai membezakan pelajar yang resilien daripada pelajar yang bukan resilien. Kebanyakan guru contohnya, menunjukkan bahawa kurang penglibatan daripada ibu bapa, motivasi pelajar yang rendah, dan keyakinan diri yang rendah, adalah faktor major yang menyumbang kepada kurangnya kejayaan dalam pelajar bukan resilien; guru-guru juga melaporkan faktor-faktor yang sama (penglibatan ibubapa, motivasi pelajar, keyakinan diri) menyumbang kepada kejayaan pelajar yang resilien. Namun begitu, para guru tidak menyebut sebarang faktor, program atau pun bilik darjah (cth., kaedah pengajaran) yang menyumbang kepada kejayaan atau kegagalan akademik terhadap pelajar bukan resilien. Mereka ada melaporkan bahawa banyak strategi jenis arahan efektif untuk pelajar yang resilien. Namun begitu, mereka hanya dapat menyatakan beberapa strategi arahan yang efektif untuk pelajar yang bukan resilien.

Kajian diatas memberikan ilustrasi perkembangan penyelidikan keatas resilien pendidikan. Kebanyakan penyelidikan adalah berbentuk gambaran, perbandingan, atau pembetulan. Terdapat beberapa kajian eksperimental dalam bidang ini. Satu pengecualian adalah projek terbaru yang dikendalikan oleh *Center for Research on*

Education, Diversity & Excellence, (CREDE) dimana Padrón, Waxman, Powers dan Brown (2002) mereka, mengimplementasikan dan menguji program perkembangan guru yang direka untuk memperbaiki resiliensi dalam pelajar pengajian bahasa Inggeris yang berprestasi rendah (ELLs). Pedagogy untuk memperbaiki program Resiliensi (PIRP) telah diimplementasikan pada kelas darjah enam, empat dan lima, di sekolah rendah dalam bandar kebanyakannya terdiri daripada pelajar Hispanic ELLs daripada latar belakang yang rendah sosioekonominya. PIRP sepanjang tahun terdiri daripada latihan yang mencantumkan beberapa komponen direka untuk membantu guru kelas memperbaiki arahan mereka dan pembelajaran pelajar yang resilien dan bukan resilien ELLs.

Penemuan daripada penyelidikan ini mendapati layanan daripada pengajaran guru dalam kelas melebihi daripada perbandingan guru bagi beberapa aspek yang penting, seperti menyediakan penjelasan, menggalakkan respon pelajar yang seterusnya, menggalakkan kejayaan pelajar, dan memberikan fokus kepada proses pembelajaran. Pelajar di dalam kelas yang sedang di rawat melaporkan keadaan suasana pembelajaran yang lebih positif berbanding dengan pelajar yang berada di kelas perbandingan (cth., penyatuan yang lebih tinggi, kepuasan, dan sokongan guru, dan juga kurang persaingan), dan mereka mempunyai pencapaian membaca yang lebih tinggi berbanding dengan pelajar yang berada di dalam kelas perbandingan. Hanya satu keputusan yang kurang menggalakkan daripada PIRP berkaitan dengan isu bahawa yang memberikan kesan terhadap pelaksanaan guru keatas program PIRP, seperti penekanan sekolah daerah keatas pengujian risiko-tinggi.

Satu lagi eksperimen-Quasi yang dikaji oleh McClendon, Nettles, dan Wigfield (2000) memeriksa kesan *Promoting Achievement in School Through Sport* (PASS) [Menggalakkan Pencapaian di Sekolah Melalui Sukan], suatu kursus elektif sepanjang tahun di sekolah tinggi, diaplikasikan dengan 900 orang pelajar daripada 16 buah sekolah tinggi di bahagian barat dan tengah-barat. Kelas PASS menawarkan ciri-ciri perlindungan ataupun resiliensi seperti sokongan dan mengambil berat, harapan yang tinggi, dan menggalakkan penglibatan dan penyertaan pelajar. Kurikulum tersebut mempunyai skala yang tersendiri, berdasarkan kepada ketua, dan mengarah kepada projek. Pelajar di dalam PASS didapati mempunyai pencapaian signifikan yang tinggi berbanding dengan kumpulan perbandingan pada penghujung tahun. Pemerhatian di dalam bilik darjah menunjukkan bahawa PASS mempunyai penunjuk arahan ketua (cth., latihan arahan yang menghubungkan pelajar kepada pengalaman hidup yang lebih bermakna) berbanding dengan bilik darjah bukan PASS.

Implikasi Amalan Resiliensi dalam pendidikan

Kebanyakan kajian yang terbaru keatas resilien pendidikan telah memberikan fokus keseluruhannya terhadap pelajar minoriti daripada keluarga yang mempunyai pendapatan rendah. Penemuan ini secara tipikalnya telah menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor, termasuk keadaan persekitaran belajar, pembelajaran dan pengajaran

dalam bilik darjah, dan aspek motivasi, yang berbeza secara signifikan antara pelajar yang resilien dan bukan resilien. Hasil daripada kajian ini secara amnya menunjukkan bahawa pelajar yang resilien menerima keadaan persekitaran belajar yang lebih positif dan lebih berpuas hati dengan bilik darjah mereka. Sebagai tambahan, pelajar yang bukan resilien, selalu menunjukkan bahawa mereka mengalami kesukaran dalam bilik darjah mereka berbanding dengan pelajar yang resilien. Magnitud perbezaan ini adalah signifikan dari kedua-dua segi statistik dan pendidikan. Penemuan ini menyediakan cabaran yang besar kepada guru kelas yang perlu menyediakan persekitaran pembelajaran yang optimum untuk kesemua pelajarnya.

Secara teori dan kerja konsep dalam bidang resiliensi ini telah membuat satu hipotesis bahawa terdapat faktor yang boleh diubah untuk memudahkan resiliensi dikalangan pelajar yang berisiko. Rutter (1987), contohnya, mencadangkan empat cara untuk mempermudah resiliensi: mengurangkan impak risiko dan mengubah pendedahan pelajar kepada risiko, memperbaiki keyakinan atau kendiri pelajar, dan membuka atau mencipta peluang yang baru bagi pelajar. Masten (1994) menerangkan perkara yang hampir sama empat strategi untuk menggalakkan resiliensi, termasuk mengurangkan kelemahan dan risiko, mengurangkan pemberi tekanan, meningkatkan sumber yang sedia ada, dan menggerakkan proses perlindungan. Akhirnya Swanson dan Spencer (1991) juga menyediakan cadangan yang spesifik untuk menggalakkan kebanyakan proses resiliensi ini. Mereka menyatakan bahawa untuk mengurangkan impak risiko,

pendidik perlu meningkatkan akses kepada program akademik yang mencabar bagi pelajar yang cacat; membuat perhubungan persahabatan dengan sekolah lain, pusat ibadat, organisasi, dan perniagaan; dan meningkatkan derma untuk menyara program zaman kanak-kanak awal. Untuk mengurangkan tindak balas berantai yang negatif, Swanson dan Spencer menegaskan bahawa latihan guru, pengambilan guru baru, dan penahanan guru kesemuanya perlu menyatakan bagaimana pendedahan kepada risiko boleh memberikan kesan kepada pelajar, dan mereka mencadangkan bahawa penglibatan ibu bapa di dalam sekolah perlu ditingkatkan. Untuk meningkatkan sendiri pelajar, mereka mencadangkan bahawa pihak sekolah patut mengenal pasti dan menggalakkan pencapaian akademik dan menyusun semula kelas kepada kumpulan berkebolehan heterogenus, berbanding daripada mengesan pelajar melalui tahap kebolehan. Akhirnya, mereka mengekalkan bahawa perlunya peningkatan perbelanjaan untuk pendidikan tambahan, bantuan kewangan pelajar, program rintis dan peralatan berteknologi terkini. Mereka juga memanggil sumber integrasi daripada pihak sekolah, perniagaan dan komuniti untuk membantu pelajar membuat transisi yang licin daripada sekolah kepada persekitaran alam pekerjaan.

Terdapat beberapa strategi tindakan yang positif di mana guru kelas boleh gunakan untuk menggalakkan resiliensi pada pelajar. Bruce (1995), contohnya menyatakan beberapa strategi yang spesifik di mana guru patut menggalakkan resiliensi, seperti menyediakan latihan kemahiran sosial dan mengajar pelajar untuk boleh memantau perkembangan sendiri, menilai diri, dan membuat rancangan atau strategi sendiri. Sekolah daerah seperti sistem Sekolah Umum Minneapolis telah mewujudkan polisi untuk

mengenalkan resiliensi dan telah melatih kebanyakan guru mereka dalam strategi resilien. Mereka memberikan fokus keatas lima strategi resilien diman guru dan sekolah telah digesa untuk mengamalkannya.

Ini termasuklah seperti berikut:

1. menawarkan peluang untuk mewujudkan hubungan yang mesra
2. meningkatkan rasa kemahiran di dalam hidup pelajar,
3. membina kebolehan sosial seiring dengan kebolehan akademik,
4. mengurangkan pemberi tekanan dimana yang tidak perlu dihadapi oleh pelajar,
5. membina sumber sekolah dan komuniti untuk menyokong keperluan pelajar

(North Central Regional Educational Laboratory, 1994).

Terdapat lebih banyak pendekatan yang lebih proaktif seperti yang dibincangkan di bawah yang perlu untuk menggalakkan resiliensi pada pelajar dan mengurangkan jurang pencapaian diantara pelajar yang resilien dan bukan resilien.

Sokongan Guru dan Harapan Pelajar

Pihak sekolah membina resiliensi pelajar menerusi pembinaan suasana mengambil berat dan hubungan peribadi. Dasar perhubungan ini bermula dengan pendidik yang mempunyai sikap membina-resiliensi (Henderson & Milstein, 1996). Guru yang membina model perlakuan resilien yang mereka kehendaki dalam pelajar mereka sering digelar sebagai “*turnaround teachers*” (Benard, 1997). Mereka ini menyediakan dan

model bagi tiga faktor perlindungan yang menimbalkan risiko dan membolehkan perkembangan positif dengan menyediakan keperluan pelajar yang asas seperti keselamatan, kasih sayang dan kepunyaan, hormat, kuasa, dan pencapaian dan pembelajaran (Bernard, 1991). Ketiga-tiga faktor termasuklah hubungan ambil berat, harapan yang tinggi, dan peluang untuk menyertai dan menyumbangkan.

Guru-guru boleh menyalurkan sokongan yang ikhlas dengan mendengar dan prihatin kepada perasaan pelajar dan membuat pengesahan, dan dengan menunjukkan kebaikan, ambil berat, dan hormat (Higgins, 1994; Meier, 1995). Benard (1997) menerangkan bahawa *turnaround teachers* menahan diri daripada mengadili, tidak mudah berasa tersinggung dengan perlakuan pelajar, dan memahami bahawa pelajar cuba melakukan yang terbaik. Mereka juga memberikan impak kepada keluarga yang mudah terpengaruh. Guru-guru boleh mencari rujukan secara proaktif kepada agensi perkhidmatan sosial, menawarkan bantuan melalui kawalan pembekalan, dan mencari keperluan ahli keluarga yang berkaitan dengan keperluan asas.

Harapan tinggi daripada guru boleh membina struktur dan memandu perlakuan pelajar dan mencabar pelajar di luar jangkaan dimana mereka yakin mereka boleh melakukannya (Delpit, 1996). *Turnaround teachers* memberikan fokus kepada kekuatan semua pelajar, dan membantu mana-mana pelajar yang telah dilabel oleh pihak sekolah atau ditekan oleh keluarga mereka atau komuniti. Mereka menggalakkan remaja yang senang terpengaruh untuk menggunakan kebolehan peribadi mereka untuk mengubah

diri mereka daripada status mangsa kepada yang terselamat. *Turnaround teachers* membantu pelajar belajar untuk tidak terpengaruh dengan kesukaran di dalam hidup mereka, melihat kesukaran sebagai sementara, dan melihat kegagalan bukan sebagai menyeluruh, tetapi sebagai sifat yang sementara atau halangan yang boleh dihadapi (Seligman, 1995). Seterusnya, Seligman menyatakan bahawa guru ini juga memberikan keutamaan kepada pelajar, menggunakan kekuatan, minat, matlamat, dan impian pelajar sebagai titik permulaan untuk pembelajaran, oleh itu sentiasa menjalankan motivasi intrinsik pelajar untuk belajar.

Sokongan rakan sebaya, keluarga dan komuniti boleh meningkat esteem sendiri dan ini boleh mewujudkan perhubungan yang positif, merupakan factor penentu kepada peningkatan resiliensi remaja (Rosenbledt, Nancy Sue. (2002).

Resiliensi digalakkan semasa guru-guru menyediakan peluang yang bermakna untuk pelajar yang telah menyumbangkan kemahiran dan tenaga mereka (Henderson & Milstein, 1996). *Turnaround teachers* menyediakan peluang untuk penyertaan dan membuat sumbangan dengan membenarkan pelajar menyatakan pendapat mereka, membuat pilihan, menyelesaikan masalah, bekerjasama dan membantu pelajar lain, dan “memberikan sumbangan” kepada komuniti mereka. Mereka melayan pelajar seperti seorang dewasa yang bertanggung jawab, membenarkan mereka menyertai dalam kesemua majlis sekolah (Kohn, 1993). Kunci penemuan dalam penyelidikan resilien ini ialah perkembangan yang berjaya dan kuasa transformasi yang wujud, tidak semestinya dengan pendekatan programatik tetapi di dalam tahap perhubungan yang lebih

mendalam, kepercayaan, harapan, dan kemahuan untuk berkongsi kuasa. Pihak sekolah perlu mewujudkan perhubungan yang mengambil berat bukan hanya diantara pendidik dan pelajar, tetapi juga sesama pelajar, sesama pendidik, dan ibu bapa (Benard, 1997).

Menggalakkan Resilien di Sekolah

Persekitaran sekolah adalah arena yang kritikal untuk menggalakkan perkembangan faktor perlindungan yang dikaitkan dengan resilien individu. Ia boleh menyumbangkan kepada kedua-dua mekanisma risiko dan perlindungan. Namun begitu, peranan sekolah telah mendapat perhatian yang sedikit dalam kajian proses resilien (Maughan, 1988).

Resilien sekolah didefinisikan sebagai penglibatan guru di dalam kerjaya mereka; kesatuan rakan sekerja (cth., sejauh mana sokongan diantara sesama guru); dan sokongan pegawai atasan, atau sejauh mana sokongan pihak pentadbiran terhadap guru-guru dan galakkan mereka untuk lebih memberikan sokongan sesama sendiri. Dalam perkataan lain, sekolah membina resiliensi menerusi mewujudkan suasana persekitaran yang mengambil berat perhubungan peribadi (Henderson & Meilstein, 1996). Krovetz (1999) membahaskan perkara yang hampir sama bahawa membina sekolah yang resilien, para guru mesti mengambil masa untuk mewujudkan perhubungan profesional dengan sesama ahli sekolah.

Pentadbiran boleh mewujudkan persekitaran sekolah yang menyokong guru-guru untuk resilien juga. Pihak pentadbiran boleh menyediakan persekitaran yang membina melalui

beberapa cara. Mereka boleh menunjukkan kepercayaan yang positif, membuat harapan dan mempercayai para guru, dan menyediakan peluang yang berterusan bagi membolehkan guru membuat refleksi semula, berdialog, dan membuat keputusan bersama (McLaughlin & Talbert, 1993). Menggalakkan resilien guru dan sekolah boleh menyediakan perkembangan resilien pelajar. Pelajar yang resilien adalah hasil produk daripada persekitaran sekolah yang resilien. Kesemua pemegang-risiko boleh menyediakan resiliensi pada pelajar dengan membuat model perlakuan yang diinginkan atau hasilnya sendiri. Mereka boleh menggalakkan perhubungan mengambil berat diantara rakan sekerja, menunjukkan kepercayaan yang positif, menyediakan peluang yang berterusan untuk menilai dan merefleksi semula, dan membuat keputusan bersama (McLaughlin & Talbert, 1993).

Perkembangan Profesional Bagi Guru-guru

Satu lagi pendekatan yang efektif untuk menggalakkan resiliensi ialah dengan penggunaan tindak balas daripada pemerhatian dalam kelas dan pengukuran persekitaran pembelajaran untuk membantu guru-guru memahami kelemahan dan kekuatan pengajaran semasa (Fraser, 1991; Stallings & Mohlman, 1988; Waxman, 1995; Waxman , Huang & Padrón, 1995). Salah satu daripada komponen yang paling berpengaruh dalam Program Resiliensi Memperbaiki Pedagogi (PIRP), sebagai contoh ialah pengawasan keatas profil tindak balas oleh guru yang menunjukkan perbezaan

diantara persepsi pelajar resilien dan bukan resilien tentang suasana pembelajaran dan pemerhatian keatas perlakuan di dalam bilik darjah (Padrón et al., 2002).

Profil ini mengandungi data individual guru daripada bilik darjah mereka dan kesimpulan bagi data yang telah terkumpul disepanjang sekolah rendah. Nilai purata kelas untuk setiap penunjuk dalam kedua-dua pemerhatian dan alatan tinjauan telah disertakan untuk pelajar resilien dan bukan resilien, bersama-sama dengan nilai purata keseluruhan sekolah. Ini membolehkan guru-guru membuat perbandingan nilai purata kelas mereka dengan purata sekolah. Tindak balas daripada profil ini telah digunakan untuk stimulasikan perbincangan dan dialog mengenai kekuatan dan kelemahan arahan di dalam sekolah. Profil ini juga membantu memulakan perbincangan mengenai bidang arahan yang spesifik yang perlu di perbaiki di sekolah.

Profil tindak balas menyediakan beberapa garis asas sebagai amalan; ia bukan percubaan untuk mengarah apa yang perlu di buat oleh guru. Profil ini membekalkan guru dengan konsep dan kriteria yang mereka boleh gunakan untuk mencerminkan kembali pengajaran mereka (Nuthall & Alton-Lee, 1990). Pemerhatian dan tindak balas tinjauan telah dijadikan sebagai panduan oleh guru-guru, bagi memberikan mereka peluang untuk menunjukkan semula amalan mereka sendiri dan dapat mengambil keputusan tentang apa yang perlu dilakukan. Perkembangan kualiti profesional guru adalah salah satu kunci kepada kejayaan pembentukan sekolah dan memperbaiki pendidikan pelajar berisiko, dan dan tindak balas daripada pemerhatian dalam kelas dan data tinjauan boleh menjadi pemangkin untuk proses ini.

Mengubah strategi pembelajaran dalam Kelas.

Malangnya kebanyakan kanak-kanak tinggal dalam keadaan sosial dan ekonomi yang kurang memberangsangkan serta keadaan persekitaran yang kurang baik dimana boleh menambahkan kesukaran pada individu tertentu. Ada diantara kanak-kanak ini berisiko, namun begitu, telah belajar untuk tidak mengendahkan keadaan eksternal mereka dan “mengubah hala tuju perhatian mereka kepada kehidupan dalam diri mereka yang hanya benar pada diri mereka” (Csikszentmihalyi, 1997). Csikszentmihalyi merujuk kanak-kanak seperti berikut sebagai “*autotelics*”, menegaskan bahawa kanak-kanak ini lebih banyak menumpukan perhatian, menghiburkan diri sendiri, keyakinan lebih tinggi, dan melihat apa yang mereka buat sekarang adalah berkaitan dengan matlamat masa depan mereka. Personaliti *autotelic* ini agak sama seperti konsep resiliensi dan , menurut Csikszentmihalyi, kekunci komponen untuk menggalakkan perkembangan personaliti seperti ini adalah kebolehan untuk menumpukan perhatian dan mengawal perhatian. Seperti yang digambarkan sebelumnya, berkenaan dengan penyelidikan yang membandingkan pelajar yang resilien dan bukan resilien telah mendapati bahawa pelajar bukan resilien melibatkan diri mereka dalam kerja sekolah kurang berbanding dengan pelajar resilien. Implikasi kepada penemuan ini ialah mencadangkan bahawa pelajar yang bukan resilien perlukan bantuan dalam melibatkan diri dan mengawal tumpuan mereka dengan lebih baik. Dua komponen yang membantu pelajar mengawal tumpuan mereka ialah belajar untuk mengurus atau memberikan fokus kepada matlamat mereka, dan menyediakan tindak balas yang serta merta keatas aktiviti.

Csikszentmihalyi (1997) merujuk kepada pengalaman yang optimum atau “aliran” sebagai pengajaran atau aktiviti arahan yang membenarkan pelajar menentang cabaran material dengan membekalkan mereka dengan kemahiran yang sesuai, tindak balas yang berkaitan, dan matlamat yang jelas. Menurut kepada perspektif ini, aktiviti dalam kelas sepatutnya secara ideal memberikan fokus keatas aliran pengalaman dimana pelajar terlibat dalam pengajaran yang mencabar di mana membantu mereka membina kemahiran yang baru dan belajar untuk menumpukan perhatian.

Strategi pengajaran dan pembelajaran dalam kelas bagi pelajar yang berada dalam risiko untuk gagal dalam akademik walau bagaimana pun, adalah model arahan terus yang tipikal, dimana para guru mengajar semua pelajar pada masa yang sama dan mengawal perbincangan dan membuat keputusan dalam bilik darjah (Waxman, Padrón, & Arnold, 2001). Model arahan berdasarkan-guru ini menekankan keatas syarahan, latih tubi, penyelesaian, dan kerja pelajar yang terdiri kebanyakannya daripada kertas kerja (Stephen, Varble & Taitt, 1993). Haberman (1991) membincangkan tentang kebergantungan terhadap arahan secara langsung ini di sekolah menjadikan segelintir pelajar sebagai “ kemiskinan pedagogi ”. Beliau menyatakan bahawa corak arahan langsung daripada guru ini membawa kepada cepat berpuas hati di kalangan pelajar, kebencian yang pasif, dan guru-guru tidak diambil peduli . Selanjutnya beliau juga mengkritik orientasi ini kerana para guru sering dianggap bertanggung jawab untuk “membuat” pelajar untuk belajar, sementara para pelajar sering mengambil peranan yang pasif dengan penglibatan yang rendah atau sedikit dalam aktiviti yang umumnya tidak autentik. Dalam perkataan yang lain, pengajaran dalam kelas yang memberikan

fokus keatas pengalaman yang bermakna, dan seperti aliran (*flow-like*) untuk pelajar berisiko adalah kurang.

Memperbaiki pengajaran dan pembelajaran dalam kelas untuk pelajar bukan resilien berpusat kepada mengambil kira pengamalan dan pengalaman guru yang jelas dimana didapati berkesan bagi pelajar yang berisiko. Waxman, Padrón & Arnold (2001), sebagai contoh, menggambarkan lima amalan yang jelas yang telah menunjukkan berkesan memperbaiki pendidikan pelajar yang berisiko:

1. pengajaran dan pembelajaran yang berfokus secara kognitif
2. ajaran yang berespon budaya
3. pengajaran yang berasaskan teknologi
4. pembelajaran komperatif, dan
5. perbincangan yang terarah

penyelidikan yang berdasarkan kajian, amalan arahan semuanya memberikan penekanan model arahan kelas yang berteraskan pelajar yang menekankan kepada pembelajaran pelajar yang lebih aktif, dengan guru bertindak sebagai fasilitator untuk pembelajaran. Selanjutnya amalan pengajaran ini boleh mencipta aktiviti arahan “*flow-type*” yang diperlukan oleh pelajar yang berisiko untuk gagal. (Padrón, Waxman, dan Rivera, 2002).

Implikasi kajian resilien

Pada dekad yang lalu, kajian telah mengenalpasti perbezaan diantara pelajar yang resilien dan bukan resilien yang telah melakukan kedua-dua analisis data secara primer dan sekunder kuantitatif, serentak juga dengan sambungan kualitatif, metod bidang etnografik. Hanya terdapat beberapa kajian naturalistik, dan longitudinal yang telah dijalankan yang memeriksa kejayaan bagi kanak-kanak berisiko tinggi (Pianta, Steinberg, & Rollins, 1995). Serupa juga dengan hanya terdapat bilangan yang kecil kajian ujian yang menyiasat impak treatment resiliensi keatas hasil guru dan pelajar.

Pendekatan metod yang bercampur-campur adalah diperlukan untuk memeriksa resiliensi pendidikan. Data lapor-diri guru, bersama dengan guru, pentadbir, dan data temuramah pelajar, kesemuanya boleh digunakan untuk membantu pembekalan tinjauan data dan data pemerhatian kelas sistematik yang digunakan secara am dalam penyelidikan resiliensi. Data seperti itu boleh membantu kita memahami, daripada perspektif yang berlainan, kompleksiti isu yang menyelubungi membaik pulih pendidikan pelajar yang berisiko untuk gagal. Kajian etnografik yang seterusnya juga diperlukan untuk mendedahkan “*grounded theory*” penerangan faktor yang memberikan impak kepada pelajar yang resilien dan bukan resilien.

Kajian di masa hadapan patut meneroka atau mencari penunjuk yang lain bagi resiliensi untuk melihat apa dia proses yang boleh menggalakkan mekanisme perlindungan di dalam konteks pembelajaran dalam kelas. Nelson-LeGall dan Jones (1991), contohnya, membincangkan bahawa perlakuan mencari pertolongan di dalam kelas adalah strategi yang membolehkan pelajar untuk menghadapi kesukaran akademik; ini menjadi mekanisme perlindungan di dalam konteks pembelajaran di dalam kelas. Clark (1991) memberikan cadangan yang serupa bahawa identiti sosial dan rangkaian sokongan adalah perlakuan resilien yang perlu di galakkan dan dibina oleh pelajar yang berisiko, sementara Barbarin (1993) menyatakan bahawa kita perlu memberikan fokus keatas proses daya tindak di mana digunakan oleh pelajar untuk menghalang faktor risiko. Variasi seperti ini dan lain-lain, seperti sokongan rakan sekelas, kemahiran menyelesaikan masalah, dan strategi pembelajaran kognitif pelajar perlu di teroka dalam kajian yang seterusnya. Kajian yang seterusnya perlu memberikan fokus secara spesifik keatas jenis aspek di dalam kelas atau suasana arahan pembelajaran yang boleh diambil untuk bertindak sebagai mekanisma perlindungan untuk pelajar berisiko. Penyelidikan di masa depan perlu memasukkan kajian eksperimental yang menjelaskan intervensi ujian yang menggalakkan resilien dalam pelajar yang berisiko. Sebagai tambahan, program latihan yang lebih efektif atau bermotivasi perlu di perembangkan dan di jalankan untuk menguji impaknya keatas hasil afektif dan kognitif pelajar. Isu yang sama seperti ini perlu dikenalpasti supaya kita dapat memahami kenapa beberapa pelajar yang berisiko menjadi resilien. penyelidikan seperti ini akan menyediakan

pemahaman yang lebih baik keatas apa yang perlu dilakukan untuk menggalakkan kejayaan dan resiliensi di kalangan pelajar bukan resilien.

Kesimpulan

Kejayaan dan kegagalan pelajar adalah bergantung kepada bilangan penentu yang berpengaruh, adalah jelas bahawa amalan atau strategi pengajaran dan pembelajaran serta iklim persekitaran kelas adalah faktor penyumbang (Travis, 1995; Waxman, 1992; Waxman & Huang, 1997). Penemuan daripada kebanyakan kajian penyelidikan yang dibincangkan adalah tidak menggalakkan, kerana ia menggambarkan imej yang tidak menarik bagi pelajar bukan resilien yang tidak berjaya dalam sekolah. kebanyakan pelajar yang bukan resilien dalam kajian ini nampaknya sudah berputus asa terhadap sekolah, dan ramai yang menunjukkan bahawa mereka tidak bercadang untuk menghabiskan pengajian sekolah tinggi. Selanjutnya, guru di beberapa kajian merasakan mereka boleh membezakan dengan senangnya diantara pelajar yang resilien dan bukan resilien di dalam kelas mereka, ini amat membimbangkan kerana hanya sedikit sahaja penyelesaian atau tindakan pembetulan yang dilakukan untuk menolong pelajar bukan resilien. Walaupun para guru sedar bahawa pelajar bukan resilien tidak mendapat pencapaian yang baik dalam kelas, tidak ada usaha pembetulan untuk membantu mereka atau untuk mengesan keperluan pembelajaran mereka yang spesifik.

Ini telah dibincangkan bahawa individu yang resilien mencari persekitaran yang menyokong dan sesuai untuk perkembangan (Masten, 1994). Pelajar di dalam keadaan persekitaran yang serba kekurangan, selalunya tidak dapat memilih jenis sekolah atau kelas yang mereka hadiri. Para pendidik perlu sedar kepada isu yang dihadapi oleh pelajar ini begitu juga dengan bagaimana sekolah menyumbangkan kepada masalah ini. Sebagai kesimpulannya, adalah jelas dilihat bahawa beberapa risiko dikaitkan dengan kegagalan pelajar di sekolah adalah kerana persekitaran sekolah mereka yang tertentu. Ini adalah situasi yang tidak boleh diterima, dan penyelesaiannya memerlukan perubahan diantara guru, pentadbir, fakulti, universiti, ibu bapa, dan kerajaan (Futrell, 1988). Sebagai tambahan untuk tindakan ini, perubahan terhadap sikap adalah perlu bagi menunjukkan kesedaran kepada teruknya masalah yang dihadapi oleh pelajar yang berisiko dan komitmen yang serius untuk menjanakan semula kitaran kegagalan pendidikan.

BAB 3 : METODOLOGI KAJIAN

Pengenalan

Tujuan kajian ini adalah (1) untuk menentukan hubungan diantara sikap resilien dan daya tindak pelajar-pelajar sekolah terkawal yang resilien, (2) untuk menentukan peranan moderator tiga faktor yang dipercayai memberikan protektif atau perlindungan pada masa tekanan dan kesusahan dan (3) untuk mengenalpasti hubungan diantara akulturasi dengan gerakbalas daya tindak, sikap resilien, dan faktor protektif (teras kepercayaan , keagamaan dan spiritualiti).

Penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk penyelidikan deskriptif. Penyelidikan deskriptif adalah satu bentuk strategi penyelidikan yang digunakan untuk mengkaji apa yang terjadi dan bagaimanakah kedudukan fenomena sekarang. Penentuan perkara-perkara yang mendesak situasi, amalan dan sikap serta penerangan yang tepat tentang aktiviti-aktiviti, objek, proses dan individu adalah menjadi objektif kajian deskriptif (Dalen, 1979).

Bab ini memberi huraian dan membincangkan reka bentuk kajian, populasi, sampel kajian, instrumen yang akan digunakan dan juga prosedur menjalankan kajian akan dibincangkan dalam bab ini. Penyelidik juga akan menyatakan tatacara pengumpulan data dan juga analisis statistik yang digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi.

Reka bentuk kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk penyelidikan deskriptif kuantitatif iaitu tertumpu kepada hubungan korelasi di antara variabel. Menurut Fullan (1991) penyelidikan boleh dianggap sebagai satu proses untuk menyelesaikan sesuatu masalah melalui perancangan, pengumpulan, penganalisan dan pentafsiran data yang sistematik.

Dalam kajian ini pengkaji akan menjalankan kajian berbentuk korelasi yang menggunakan permodelan sebab-akibat (*causal modeling*). Kajian korelasi dikelaskan sebagai salah satu daripada kajian kuantitatif. Kajian korelasi boleh digunakan dalam dua bentuk, iaitu untuk menjelaskan(*explaining*) perkaitan antara dua atau lebih variabel atau membuat telahan (*predicting*) sesuatu hasil. Pengkaji akan menjalankan ujian ke atas sampel bagi mendapatkan data untuk dapatan kajian. Pengumpulan data sangat penting dalam penyelidikan kerana penyelesaian masalah menjadi tidak lengkap tanpa disokong oleh data. Oleh itu pemilihan metodologi kajian yang sesuai adalah penting untuk memastikan dapatan yang dihasilkan mempunyai kesahihan dan boleh dipercayai (Fraenkel dan Wallen 1990).

Kaedah yang digunakan untuk mendapatkan maklumat ialah melalui kaedah tinjauan atau *survey*. Menurut Ary (1979) kaedah ini sangat sesuai digunakan untuk mengukur pendapat, sikap dan tingkahlaku. Apa yang penting sekali ialah penggunaan kaedah ini dapat memenuhi tujuan kajian dan dapat memenuhi kriteria kesahan dan kebolehpercayaan semasa mengendalikan kajian tersebut.

Populasi dan Sampel Kajian

Kaedah Persampelan

Kajian ini menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*). Melalui persampelan ini, setiap individu yang dipilih mempunyai ciri-ciri yang sama dari pelbagai aspek (Mohd Majid 1990). Ini akan mengurangkan ralat persampelan dan seterusnya dapat memastikan sampel yang dipilih benar-benar dapat mewakili populasi dengan tepat (Kerlinger, 2000).

Kajian yang dijalankan ini adalah khusus kepada sekolah - sekolah menengah kebangsaan harian biasa di bawah kawalan Jabatan Pendidikan Negeri bagi seluruh negeri di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di Negeri Terengganu Darul Iman terdapat sejumlah 76 buah sekolah menengah harian biasa. Daripada jumlah tersebut 9 buah sekolah telah dikenalpasti sebagai sekolah di bawah kawalan Jabatan Pendidikan Negeri (JPN). Di Negeri Kelantan Darul Naim pula, daripada 52 buah sekolah menengah, 11 buah sekolah adalah terdiri daripada sekolah di bawah kawalan JPN. Manakala di Negeri Pahang Darul Makmur pula bilangan sekolah menengah kebangsaan harian ialah 111 buah dan daripada sejumlah itu, 9 buah adalah sekolah di bawah kawalan JPN.

Kajian yang dilakukan adalah melalui kaedah persampelan rawak untuk sekolah. Saiz sampel yang digunakan ialah 30% daripada jumlah bilangan sekolah menengah terkawal yang ditakrif sebagai populasi. Oleh itu pemilihan sejumlah sepuluh sampel lokasi sekolah pula dilakukan secara sampel bertujuan (*purposive sampel*) iaitu berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu seperti iklim dan budaya sekolah, pencapaian pelajar dalam akademik, kokurikulum dan latar belakang sekolah. Manakala responden pula diambil 30% sampel daripada bilangan pelajar di setiap sekolah yang telah dipilih. Seramai 510 orang responden telah memberi maklum balas terhadap kajian ini dan memberi kerjasama yang sepenuhnya.

Jadual 2 : Populasi dan Persampelan Sekolah-Sekolah Menengah Di Bawah Kawalan Jabatan Pendidikan Negeri

Sekolah Kawalan JPN	Bil.Sekolah Kawalan	Sampel Sekolah	Responden
Terengganu	9 buah	3 buah	30%
Kelantan	11 buah	4 buah	30%
Pahang	9 buah	3 buah	30%
Jumlah Sekolah Kawalan JPN	29 buah	10 buah	

Tempat kajian

Kajian ini dijalankan di Sekolah Menengah Terkawal di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. iaitu sekolah menengah harian biasa yang dipantau oleh JPN dari segi pengambilan pelajar berasaskan kriteria-kriteria yang tertentu. Pemilihan lokasi sekolah ini dibuat berdasarkan kepada permasalahan kajian yang memfokuskan kepada pelajar-pelajar yang serba kekurangan tetapi telah menunjukkan kejayaan cemerlang dalam pelajaran. Selain itu pemilihan sekolah ini juga dibuat berdasarkan bahawa sekolah tersebut mampu memenuhi segala tuntutan, keperluan dan kehendak kajian.

Populasi kajian

Populasi kajian terdiri daripada pelajar Tingkatan 2 kelas Rancangan Khas di sekolah menengah terkawal diseluruh pantai timur. Populasi yang dipilih ini meliputi pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Sampel kajian

Sampel yang dipilih untuk kajian ini adalah pelajar Tingkatan 2 kelas khas dari 10 buah Sekolah Menengah Terkawal yang telah dipilih.

Instrumen kajian

Untuk melaksanakan kajian ini, penyelidik menggunakan instrumen yang bersesuaian dengan tujuan dan objektif kajian, berikut adalah beberapa instrumen yang digunakan iaitu: Rujuk Jadual

- (1) Skala Sikap Resiliensi Remaja (*Adolescent Resiliency Attitude Scale*, ARAS ; Biscoe & Harris, 1994),
- (2) Skala Daya Tindak ,*COPE* (Carver, Scheier & Weintraub, 1989) dan Skala Aktiviti Daya tindak Keagamaan (RCAS; Pargament, Ensing, Falgout, Olsen, Reilly, Van Haitsma & Warren, 1990),
- (3) Skala Multidimensi Keagamaan (MRS; Levin, Taylor, & Chatters, 1995) dan Skala *Convictions Score* (CCS),
- (4), Skala Akulturasi (Klonof & Landrine, 2000) dan
- (5) Demografik yang direka khas untuk kajian ini.

Instrumen yang digunakan oleh pengkaji ini, telah mendapat kebenaran daripada penulis asal untuk digunakan dalam kajian ilmiah sahaja. Mengenai terjemahan kedalam Bahasa Melayu untuk kegunaan tempatan dan juga mengenai kesahan kandungan dan konstruk instrumen, pengkaji telah merujuk kepada beberapa orang :

- pakar bahasa
- pakar bidang
- pakar teori terjemahan

Jadual 3 : Instrumen dan konstruk kajian

Konstruk	Indikator	Kod	Instrumen
Sikap Resilien (<i>Resiliency attitude</i>)	Celikakal (<i>Insight</i>)	SR1	Adolescent Resiliency Attitude Scale (ARAS)
	berdikari (<i>independence</i>)	SR2	
	Perhubungan	SR3	
	inisiatif	SR4	
	kreativiti dan humor	SR5	
	moraliti	SR6	
	resiliensi umum	SR7	
Daya Tindak	Daya tindak spiritual Daya tindak adaptif Daya tindak Bukan adaptif Daya tindak emosi Daya tindak humor Daya tindak kepercayaan Daya tindak ragu dan putus asa	DT1 DT2 DT3 DT4 DT5 DT6 DT7	Cope dan Religious Coping Activities Scale (RCAS)
Faktor Protektif	Teras kepercayaan Keagamaan spritualiti	PA1 PA2 PA3	Multidimensionality of religiosity Scale (MRC) dan Core Conviction Scale(CCS)
Akulturas	Amalan dan kepercayaan agama Kegemaran pada sesuatu perkara Sikap bangsa Amalan keluarga Kepercayaan dan amalan kesihatan Dogengan budaya Pengasingan bangsa Nilai kekeluargaan	AK1 AK2 AK3 AK4 AK5 AK6 AK7 AK8	Beliefs and Attitudes Survey (BAS)

Semua instrumen (kecuali tinjauan demografik) telah dipilih kerana mempunyai kriteria seperti berikut: (1) jika ia dihasilkan daripada secara empirikal, teoritikal, dan konseptual berserta dengan bukti yang boleh dipercayai dan ada kesahan, (2) Ia mengukur kepercayaan, sikap, atau perlakuan yang boleh membantu menerangkan konsepsualisasi perlakuan kognitif bagi resilien dan daya tindak diantara pelajar sekolah sekolah terkawal, (3) respon boleh diukur dalam skala untuk digunakan bagi analisis korelasi dan model persamaan struktural (SEM); dan arahan adalah mudah untuk diikuti. Setiap skala akan dibincangkan di bawah:

Daya Tindak (COPE)

COPE (Carver, Scheier & Weintraub, 1989) dalam format asalnya, adalah terdiri dari 60 instrumen yang memberi skor lima-point dalam skala *Likert* dimana responnya adalah:

- 1) = Sangat tidak bersetuju
- 2) = Tidak bersetuju
- 3) = Tidak pasti
- 4) = Setuju
- 5) = Sangat setuju

Item di dalam instrumen ini direka untuk menilai bagaimana individu memberi respon secara amnya apabila mereka menghadapi peristiwa yang sukar atau tekanan di dalam kehidupan mereka. daya tindak jenis ini boleh dikira sebagai semulajadi. Peserta menunjukkan mereka amat bersetuju dengan pernyataan seperti “Saya cuba untuk membuat satu strategi mengenai apa yang perlu dilakukan” dan “Saya menahan diri daripada melakukan sesuatu terlalu cepat”. skor yang rendah keatas sebarang subskala menunjukkan cara yang digunakan untuk daya tindak adalah lebih jarang, sementara skor yang tinggi dalam subskala menunjukkan cara penggunaan daya tindak yang lebih kerap. Instrumen ini dicipta untuk mengukur aspek berfokus kepada masalah tertentu secara teoritikal dan konseptual, berfokus kepada emosi, dan respon daya tindak yang kurang berguna (Carver, Scheier & Weintraub, 1989).

COPE (Carver, Scheier & Weintraub, 1989) telah direka sebagai memperbaiki kaedah Skala Kaedah untuk Daya Tindak (Folkman & Lazarus, 1980). Folkman dan Lazarus (1980) telah mereka Skala Kaedah untuk daya tindak bagi mengukur:

1. Daya tindak berfokus kepada masalah - usaha ditujukan kepada sumber yang menerima tekanan.
2. Daya tindak berfokus kepada emosi - usaha untuk meregulasikan emosi seseorang sebagai cara untuk adaptasi apabila menghadapi tekanan.

3. Daya tindak kurang digunakan- strategi daya tindak yang kurang digunakan contohnya seperti pengambilan alkohol, perlakuan dan kerosakan mental.

COPE oleh Carver, Scheier, dan Weintraub (1989) adalah berdasarkan kepada Skala Kaedah untuk daya tindak, tetapi berbeza dari segi tuntutan penyelidik di mana ia membentangkan (1) lima konseptual aspek yang berbeza terhadap daya tindak yang memfokuskan kepada masalah, (2) lima konseptual aspek yang berbeza terhadap daya tindak yang memfokuskan emosi, (3) tiga konseptual yang berbeza, respon daya tindak yang kurang digunakan dan (4) dua subskala di mana ia termasuklah untuk tujuan penyelidikan oleh penulis. Penggunaan COPE boleh mendedahkan akaun daya tindak yang lebih diskriptif diantara pelajar sekolah-sekolah terkawal.

Perkembangan Skala. Skala yang digunakan oleh penyelidik ialah Teori Penilaian kognitif bagi tekanan dan Daya Tindak, *Cognitive Appraisal Theory of Stress and Coping* (Lazarus & Folkman, 1984), dan satu model perlakuan regulasi diri sendiri dimuatkan dalam hasil kerja Carver dan Scheier, (1981) sebagai panduan untuk mewujudkan skala item Teori-teori ini adalah selaras dengan dasar teoritikal bagi kajian ini. Penulis telah memilih dan menganalisa skala faktor item. Penulis menunjukkan bahawa item dan muat turun yang lemah samada diulang, dibuang, ataupun item-item yang baru ditulis. Penulis telah menguruskan edisi terakhir bagi skala tersebut untuk membuat sampel pelajar di beberapa buah sekolah (n=171), dan responnya adalah bergantung kepada faktor analisis komponen prinsipal dengan rotasi pada suatu sudut bagi membenarkan korelasi diantara faktor- faktor. Analisis tersebut telah mendapat dua belas faktor dengan nilai lebih daripada 1.0. Komposisi bagi sebelas faktor berbanding

daripada dua belas faktor adalah selaras dengan sepenuhnya dengan member keutamaan kepada item subskala, dengan pengecualian bagi item perancangan dan daya tindak secara aktif di mana kesemuanya dimasukkan ke dalam satu faktor (Carver, Scheier & Weintraub, 1989). Mencari sokongan sosial untuk sebab-sebab instrumen dan mencari sokongan sosial untuk sebab-sebab emosi juga dimasukkan bersama-sama menjadi satu faktor. Penggunaan alkohol dan dadah, dan subskala humor adalah termasuk sebagai skala penerokaan sahaja, dan ia tidak termasuk di dalam versi penerbitan COPE. Oleh itu, tidak terdapat pergantungan konsistensi dalaman ataupun pergantungan data ujian-ujian semula yang dilaporkan di dalam dua subskala ini. Walau bagaimanapun, ia termasuk dalam instrumen yang digunakan di dalam kajian ini untuk tujuan penjelasan. Penulis menyatakan bahawa versi yang terakhir bagi skala ini mengandungi tiga belas skala konseptual yang berbeza, beserta dengan dua skala penerokaan bagi jumlah keseluruhannya adalah lima belas. Skala ini dan konsistensi dalaman yang boleh dipercayai dilaporkan seperti berikut.

Daya tindak yang aktif	(.62)
Perancangan	(.80)
Menahan aktiviti persaingan	(.68)
Menghalang daya tindak	(.72)
Mencari sokongan sosial- sebab instrumental	(.75)
Mencari sokongan sosial- sebab emosi	(.85)

Penterjemahan semula yang positif dan pertumbuhan	(.68)
Penerimaan	(.65)
Berubah kepada keagamaan	(.92)
Memberikan fokus dan meluahkan emosi	(.77)
Penafian	(.71)
Kerosakan perlakuan	(.63)
Kerosakan mental	(.45)
Penggunaan alkohol- dadah	(tidak dilaporkan)
Humor	(tidak dilaporkan)

Lima subskala yang pertama (cth: Daya tindak yang aktif, Perancangan, Menahan aktiviti persaingan, Menghalang coping dan Mencari sokongan sosial- sebab instrumental) ia mewakili lima aspek konseptual yang berbeza tentang *coping* yang berfokus terhadap masalah (Carver, Scheier & Weintraub, 1989). Lima skala yang seterusnya (cth: Mencari sokongan sosial- sebab emosi, Penterjemahan semula yang positif dan pertumbuhan, Penerimaan, Berubah kepada keagamaan dan Memberikan fokus dan meluahkan emosi) ia mewakili lima aspek konseptual yang berbeza mengenai coping berfokuskan kepada emosi (Carver, et al., 1989) penafian, kerosakan kelakuan, kerosakan mental mewakili aspek konseptual yang berbeza mengenai coping yang

kurang digunakan (Carver, et al., 1989). Penggunaan dadah-alkohol dan humor mewakili dua penerokaan subskala (Carver, et al., 1989).

Secara amnya, nilai yang boleh dipercayai didapati oleh penulis dalam pembangunan skala ini adalah penerimaan yang sangat tinggi, dengan hanya satu subskala (kerosakan mental) jatuh di bawah 0.6. Data yang boleh dipercayai ke atas ujian-ujian semula COPE mencadangkan bahawa laporan sendiri bagi strategi coping diukur oleh COPE adalah secara relatifnya stabil: .62, coping secara aktif: .80, perancangan: .68, halangan aktiviti persaingan: .72, penahanan: .75, mencari sokongan sosial – instrumental: .85, mencari sokongan sosial – emosi: .68, penterjemahan semula secara positif dan pertumbuhan: .65, penerimaan: .92, berubah kepada keagamaan: .77, member fokus dan meluahkan emosi: .71, penafian: .63, kerosakan perlakuan: .45, kerosakan mental: dan penggunaan alkohol – dadah: tiada laporan. Subskala bagi COPE adalah tidak berkaitan (julat sampel korelasi adalah antara -.28 hingga .69, dengan nilai media adalah .13. Ini mencadangkan bahawa kebanyakan subskala memperoleh kaedah yang berlainan dalam coping. Walaupun tidak berkaitan secara empirikal, subskala tersebut cenderung untuk dikaitkan secara konseptual (Carver, et al., 1989). COPE juga berkebolehan untuk mendedahkan perbezaan jantina dalam coping. Penulis mengaitkan COPE dengan beberapa sukatan personaliti (cth menyanjung diri sendiri, kerisauan, ketahanan, pusat kawalan) dan juga menemui bukti empirikal bagi kedua-dua kesan diskriminasi dan penumpuan terhadap COPE. Akhir sekali, penulis membuat kesimpulan bahawa COPE boleh digunakan untuk menilai kedua-dua jenis *coping* samada situasi atau kecenderungan.

Skala Aktiviti Daya Tindak Keagamaan (*Religious Coping Activities Scale, RCAS*)

Skala Aktiviti Daya Tindak Keagamaan (RCAS: Pargament, Ensing, Falgout, Olsen, Reilly, Van Haitma & Warren, 1990) dalam format asalnya ia adalah 29 item instrumen mempunyai 5 markah dalam skala Likert:

1) = Sangat tidak bersetuju

2) = Tidak bersetuju

3) = Tidak pasti

4) = Setuju

5) = Sangat setuju

Pelajar-pelajar diminta untuk mengenal pasti situasi yang tertekan ataupun dilema dan memberi respon kepada item-item di dalam tinjauan berdasarkan kepada cara pengendalian mereka terhadap situasi atau dilema tersebut. Skala ini mengukur situasi coping. Calon-calon menunjukkan bagaimana mereka sangat bersetuju dengan pernyataan seperti “tanya tuhan kenapa ia berlaku” dan “kepercayaan saya menunjukkan saya cara lain untuk menangani masalah. Skor yang rendah ke atas sebarang subskala menunjukkan ia jarang digunakan, atau bentuk coping keagamaan yang kurang digemari. Markah yang tinggi ke atas sebarang subskala menunjukkan bentuk coping keagamaan yang sering digunakan ataupun lebih digemari.

Instrumen ini telah direka untuk kegunaan dalam percanggahan dengan sukatan daya tindak tidak berbentuk keagamaan, meningkatkan pemahaman terhadap coping. Instrumen ini telah digunakan di dalam kajian ini kerana coping keagamaan atau spiritual telah dikenalpasti sebagai kaedah coping yang digemari dikalangan orang-orang amerika yang selalu pergi ke pusat-pusat ibadat (Oler 1987).

Penggunaan skala ini boleh menyebabkan pemahaman tentang daya tindak lebih lengkap dan tepat. Sebagai tambahan, hasil penulisan teoritikal dalam daya tindak (belum lagi disahkan secara empirikal) mencadangkan bahawa daya tindak keagamaan boleh memberi kesan kepada hasil yang terbaik dalam peristiwa yang negatif (Pargament, Ensing, Falgout, Olsen, Reilly, Van Haitsma & Warren, 1990).

Perkembangan Skala. Sampel di mana skala yang telah dihasilkan adalah bertujuan menjadi perwakilan bagi individu yang pergi ke pusat ibadat dengan kepercayaan agama masing-masing . Walau bagaimanapun, sampel tersebut terdiri daripada 96% orang Inggeris, 66% wanita, 38% pelajar kolej dan 64% orang yang berkahwin. RCAS digunakan untuk mengukur situasi daya tindak keagamaan. Jumlah bagi 31 item telah dihasilkan daripada hasil penulisan empirikal, jumlah penulisan peribadi mereka yang berubah kepada keagamaan pada masa tekanan , dan temuramah dengan orang dewasa dan golongan ahli agama yang melaporkan menggunakan agama dalam daya tindak. Penulis mengutamakan item-item ini kepada komponen prinsipal bagi faktor analisis dengan rotasi Varimax. Dengan menggunakan plot scree, mereka memilih lima faktor penyelesaian yang menjelaskan hampir 100 peratus bagi varians umum di dalam sampel. Namun

begitu, peraturan *thumb* digunakan oleh penulis untuk menentukan bilangan faktor yang tidak dinyatakan. Faktor yang ke-enam (mengelak keagamaan) adalah dibentuk daripada dua item yang berasal daripada 31 jenis item yang asal dimana ia tidak memuat turun daripada sebarang lima faktor yang terdahulu, dengan penambahan item *salient* teoritikal.

Hasil keputusan enam faktor dan pergantungan konsistensi dalaman yang mereka laporkan adalah seperti berikut:

(1) Asas spiritual	(.92)
(2) Perlakuan yang baik	(.82)
(3) Ketidakpuasan	(.68)
(4) Sokongan agama	(.78)
(5) Rayuan	(.61)
(6) Pengelakkan keagamaan	(.61)

Penemuan daripada kajian validiti dan realibiliti keatas skala ini mencadangkan bahawa satu peranan yang penting keatas kepercayaan keagamaan, amalan, dan motivasi dikalangan orang yang terlibat secara keagamaan atau yang dikenal pasti sebagai spiritual. Seperti daya tindak yang umum, kajian menunjukkan bahawa daya tindak keagamaan adalah multidimensional (Pargament, Ensing, Falgout, Olsen, Reilly, Van Haitsma & Warren, 1990).

Skala Sikap Resilien Remaja (*Adolescent Resiliency Attitude Scale, ARAS*)

Skala Sikap Resilien (ARAS), (Biscoe & Harris, 1994) adalah dalam pembangunan dan sedang dipandu oleh populasi pelajar sekolah terkawal melalui kajian ini. Format asalnya, ialah instrumen dengan 67 item memberi skor lima point skala Likert dengan respon daripada julat “sangat tidak bersetuju” dan “sangat bersetuju”.. ARAS terdapat tujuh subskala: (1) Celik akal, (2) berdikari, (3) perhubungan, (4) inisiatif, (5) kreativiti dan humor, (6) moraliti, (7) resilien umum. Contoh bagi item-item daripada resilien umum subskala bagi ARAS termasuklah “walau apapun yang berlaku, jika saya tetap berusaha saya akan berjaya menempuhinya” dan “walaupun perkara tidak baik berlaku, saya boleh menguruskannya”. Peserta menunjukkan mereka amat bersetuju dengan item-item di dalam subskala. Markah yang rendah dalam subskala menunjukkan tahap yang rendah dalam resiliensi, dan markah yang tinggi dalam subskala menunjukkan tahap yang tinggi dalam resiliensi. RAS juga memberikan markah resilien yang komposit (cth., Markah Keseluruhan Resiliensi adalah jumlah item 1-67).

Perkembangan Skala. Enam subskala yang pertama mengenalpasti ARAS telah diwujudkan berdasarkan konseptualisasi reasilien yang diletakkan di dalam kerja Wolin & Wolin (1993). Biscoe & Harris (1994) menambah subskala resilien umum, dan mendefinisikannya sebagai kepercayaan bahawa seseorang itu boleh hidup dan memperbaiki keadaan lebih baik (Biscoe & Harris, 1994,). Kepercayaan ini membangkitkan kecekalan dalam bekerja untuk menempuhi kesukaran. Tidak terdapat sebarang konsistensi dalaman atau kajian reabiliti ujian-ujian semula yang

melaporkan untuk subskala individu, semenjak instrumen ini masih lagi dalam pembinaan. Namun begitu, reabiliti konsistensi dalaman bagi semua item yang diambil adalah .87 (Kelso, 1999). Kelso juga mendapati bahawa subskala adalah berhubungkait sesama sendiri secara sederhana ($r = .49$ hingga $.69$). mengikut tarikh, item-item belum lagi dikaitkan dengan sebarang skala yang tepat. Kelso membekalkan beberapa bukti validiti yang berlawanan bahawa ARAS adalah dikaitkan secara negatif dengan Beck Depression Inventory (BDI). Sungguh pun Kelso mendakwa bahawa ARAS adalah “dipandu oleh teori, menggunakan konseptualisasi resilien Wolin dan Wolin” suatu pandangan bagi hasil kerja itu oleh Wolin dan Wolin (1993) ia tidak membuka sebarang teori perkembangan yang berpatutan. Konseptualisasi mereka terhadap resiliensi adalah nampaknya seperti diambil daripada bukti yang tidak boleh diharap, dikumpul melalui temuramah dengan klien mereka. Tiada bukti kaedah pengumpulan data yang tepat yang ditemui dalam kerja mereka.

Instrumen ARAS telah digunakan dalam kajian ini bagi empat sebab: (1) ia berusaha untuk menentukan sikap yang menunjukkan resiliensi, (2) ia memberikan ukuran bagi sikap resiliensi umum, (3) membantu menjawab soalan – adakah terdapat perhubungan diantara sikap yang menunjukkan resiliensi dan daya tindak, dan adakah perhubungan diantara sikap yang menunjukkan resilien dan daya tindak adalah perhubungan kasual yang linear?

Skala Keagamaan Multidimensional (*Multidimensionality of Religiosity Scale, MRS*).

Skala Keagamaan Multidimensional (MRS; Levin, Taylor & Chatters, 1995) dalam format asalnya adalah instrument 12 item yang direka untuk menilai aspek yang berlainan dari segi keagamaan. Peserta menunjukkan bahawa kekerapan di mana mereka sering terlibat dengan perlakuan keagamaan yang spesifik, kepentingan agama di dalam kehidupan mereka, begitu juga dengan sejauh mana keagamaan mereka. Item-item termasuk pernyataan seperti “berapa kerap anda sembahyang”, dan “anda rasa sejauh mana keagamaan anda”. Reabiliti konsistensi dalaman untuk skala ini tidak dilaporkan di dalam versi terbitan instrumen. Namun begitu, penulis menunjukkan bahawa skala adalah boleh dipercayai dan ukuran keagamaan multidimensional yang valid.

Sebagai tambahan empat item yang ditambah keatas skala ini adalah sebagai langkah untuk spiritualiti. Contoh bagi butir-butir ini termasuklah “Sejauh mana spiritual anda rasa diri anda sendiri”, dan “Bagaimana pentingnya spiritualiti kepada anda”. Skala yang diulang semula telah dipandu oleh populasi African American yang pergi ke tempat ibadat di dalam kajian oleh Martin (2001) dan dijumpai bahawa suatu ukuran yang boleh diharap dan valid secara keagamaan dan spiritualiti.

Hanya tiga item yang dipilih daripada instrumen ini untuk digunakan dalam analisis sebenar bagi data, kerana ia adalah sangat berkaitan dengan soalan kajian. Item-item ini telah digabungkan dengan item-item daripada Skala Teras

Kepercayaan dan reliabilitinya dan validitinya diperiksa. Item-item dipilih untuk membuat konseptual yang bermakna bagi digunakan di dalam kajian ini. Tiga item tersebut termasuklah “(10.) sejauh mana anda rasa keagamaan anda”, “(13.) sejauh mana anda rasa spiritual anda”, dan “(14.) bagaimana kepentingan spiritual bagi anda”. Tiga item ini telah dipilih kerana ia mewakili ukuran umum bagi spiritual dan keagamaan.

Skala Teras Kepercayaan (*Core Conviction Scale, CCS*).

Skala teras kepercayaan dalam kajian ini berdasarkan kepada hasil kerja Cooper-Lewter dan Mitchell (1996). Ia adalah instrumen sepuluh item yang mengandungi pernyataan direka untuk mewakili kepercayaan yang dipegang oleh pelajar. Peserta menunjukkan sejauh mana mereka bersetuju atau tidak bersetuju dengan kepercayaan skala Likert-style lima point markah bagi setiap pernyataan. Instrumen tersebut dijangka akan mendapat markah tunggal. Markah yang tinggi mencadangkan ketetapan yang kuat kepada kepastian set ini. Markah yang rendah mencadangkan bahawa ketetapan yang kurang kuat atau kepercayaan di dalam kepastian set ini. Item-item yang termasuk ialah pernyataan seperti “Tuhan menentukan segalanya untuk kebaikan diri saya” dan “walaupun terdapat perbezaan, kita semua berkaitan atau berhubungan dalam cara yang tertentu – kita semua adalah bersaudara”.

Kajian ini adalah pemandu bagi instrumen ini, dan keputusannya dibincangkan di dalam bahagian dapatan.

Skala Akulturasi

Skala akulturasi ini berasaskan hasil kerja (Klonof & Landrine, 2000) dalam format asalnya adalah inventori item sebanyak 47 direka untuk mengukur sejauh mana orientasi seseorang terhadap lapan teoritikal yang diambil daripada dimensi budaya. Dimensi ini termasuklah (1) Amalan dan Kepercayaan Keagamaan, (2) Kegemaran kepada sesuatu, (3) Sikap bangsa, (4) Amalan Keluarga, (5) Kepercayaan dan Amalan Kesihatan, (6) Dongengan Budaya, (7) Perpisahan Bangsa, dan (8) Nilai Kekeluargaan.

Instrumen ini telah mendapat markah lapan subskala dan satu markah komposit. Perkembangan instrumen ini adalah berdasarkan kepada penemuan daripada kajian yang menunjukkan tahap penyesuaian dalam masyarakat bertumpu kepada majoriti, ia adalah bahagian yang major bagi fenomena yang kita gelar sebagai akulturasi. Skor yang tinggi keatas instrumen menunjukkan persetujuan yang tinggi dengan item skala, dan sebagai mencerminkan pengenalan yang boleh diambil kira dekat kepada masyarakat yang unik (cth., orientasi budaya tradisional). skor yang rendah menunjukkan bahawa tidak bersetuju dengan item, dan mencerminkan pengenalan yang rendah terhadap perkara yang dianggap sebagai tradisional. Peserta menunjukkan bahawa tahap yang mana mereka bersetuju dan tidak bersetuju dengan setiap item berdasarkan skala lima point Likert-style.. Konsistensi dalaman yang boleh diharap dalam keseluruhan skala ini dilaporkan ialah sebagai .97 (Klonof dan Landrine, 2000), tetapi tidak ada data reabiliti atau validiti yang dilaporkan untuk subskala individu.

Soalan Demografik.

Soalan Demografik yang dibentuk untuk kajian ini, meliputi data tentang jantina, umur, gred pencapaian dalam peperiksaan, keturunan, lokasi sekolah dan tempat tinggal pendidikan ibubapa, pendapatan ibu bapa (SES), dan kategori sekolah. Maklumat yang terkandung dalam bahagian ini adalah diperlukan dalam kajian.

Kajian Rintis

Satu kajian rintis telah dijalankan terhadap 171 orang pelajar yang belajar di empat buah Sekolah Menengah Terkawal di sekitar Daerah Kuala Terengganu. Penyelidik telah mendapat kerjasama yang baik daripada pentadbir dan pelajar di sekolah berkenaan untuk menjawab soal selidik yang disediakan dalam jangka masa 40 minit. Tujuan kajian rintis adalah untuk memastikan instrumen mempunyai tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi serta dapat menyelesaikan masalah-masalah yang mungkin berlaku semasa kajian sebenar dijalankan. Kajian ini dilakukan ke atas sekumpulan responden yang setara dengan kajian sebenar, iaitu dari segi lokasi, seting dan profil responden (contohnya, umur, jantina dan sebagainya). Selepas ujian rintis dijalankan, soal selidik perlu dimurnikan mengikut maklum balas yang diperoleh.

Menurut Cohen, Manion dan Marrison (2000), fungsi kajian rintis ke atas soal selidik adalah seperti berikut:

- Menyemak kejelasan item-item, arahan dan susun atur (*layout*) soal selidik
- Mendapatkan maklum balas tentang kesahan item-item soal selidik
- Mendapatkan maklum balas tentang kesesuaian item-item dan format jawapan
- Mendapatkan maklum balas tentang kategori jawapan bagi item-item tertutup
- Mendapatkan maklum balas tentang daya tarikan soal selidik
- Menyemak masa yang diperlukan untuk menjawab soal selidik
- Mengenalpasti item-item yang tidak berkaitan dalam soal selidik
- Menyediakan kod untuk kemasukan data dalam fail data komputer

Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian

Kesahan dan kebolehpercayaan sesuatu instrumen adalah amat penting untuk memastikan dapatan yang diperolehi boleh dipercayai dan tidak dipersoalkan (Kerlinger & Lee, 2000), oleh hal yang demikian untuk memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen adalah tinggi, langkah pertama untuk memastikan instrumen berkualiti ialah menentukan kesahan dan diikuti pula dengan kebolehpercayaan.

Kesahan

Aspek kandungan adalah perkara yang penting untuk memastikan item ujian itu betul-betul sah, Kesahan sesuatu instrumen merujuk kepada sejauh mana mengukur apa perkara yang diperlukan atau sepatutnya diukur. (Mohd Majid Konting, 2000). Pelbagai pendekatan boleh digunakan untuk menyokong kesahan konstruk dalam sesuatu instrumen kajian, dalam konteks kajian ini menunjukkan bahawa item-item dalam konstruk yang menjadi pengukur adalah saling berkaitan, oleh hal yang demikian item-item tersebut merupakan ukuran satu konstruk sahaja (Kline, 1998). Instrumen yang digunakan ialah soal selidik, bagi memastikan kesahan kandungan, soal selidik tersebut telah disemak oleh beberapa orang pakar bidang di beberapa buah universiti.

Kebolehpercayaan

Selepas kajian rintis dijalankan, kebolehpercayaan bagi setiap instrumen diuji dengan menggunakan kaedah statistik. Dapatan kajian menunjukkan kesemua instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan *cronbach alpha* 0.70 ke atas. Ini

menunjukkan instrumen kajian mempunyai tahap kebolehpercayaan yang tinggi dan sesuai digunakan untuk kajian ini

Konstruk	Bilangan Item	Nilai Alpha
Faktor Protektif	29	0.7233
Akulturasi	47	0.7293
Daya Tindak	90	0.7108
Sikap Resilien	67	0.7203

Rajah 4 : Ringkasan Analisis Kebolehpercayaan Instrumen

Secara umumnya, instrumen sikap resilien yang digunakan mempunyai nilai alpha yang tinggi. Nilai yang melebihi 0.70 adalah tekal bagi setiap dimensi yang digunakan. Ini menunjukkan bahawa kebolehpercayaan item ini boleh diterimapakai kerana melebihi 0.70.

Analisis Comfirmatory Factor (CFA)

Model persamaan struktural (SEM) mempunyai dua aspek utama, iaitu model pengukuran dan model struktural. Kedua-dua model berkenaan menentukan sebuah model yang lengkap. Dua proses yang dicadangkan dalam SEM ialah mengangar model pengukuran terlebih dahulu sebelum menguji model sebenar yang fit (Hair et al., 1998) melalui pendekatan CFA, penyelidik menguji secara statistik sama ada sampel data mengesahkan model yang dicadangkan.

Berbeza dengan analisis faktor yang bertujuan mendapatkan jumlah faktor yang terdapat dalam sesuatu pembolehubah, mengenalpasti korelasi antara faktor berkenaan

serta menentukan item yang digunakan bagi mengukur apa yang ditentukan. Dalam CFA, penyelidik telah menentukan secara khusus model teori berasaskan keutamaan.

Konstruk eksogen Sikap Resilien

Jadual 4 menunjukkan hanya satu model faktor yang diterima dalam kajian ini. Dengan itu, dapat dirumuskan bahawa terdapat hubungan antara *Observed variables* dengan setiap konstruk berdasarkan skala ujian yang telah dijalankan.

Jadual 4: Model CFA bagi Konstruk Sikap Resilien

Jalur	B	beta	SE	C.R
Sikap Resilien →SR1	.348	1.000	.617	3.185
Sikap Resilien →SR2	.445	1.966	.696	3.257
Sikap Resilien →SR3	.471	2.265	.617	3.440
Sikap Resilien →SR4	.552	2.121	.743	3.511
Sikap Resilien →SR5	.595	2.610	.662	3.426
Sikap Resilien →SR6	.545	2.269	.642	3.351
Sikap Resilien →SR7	.509	2.150	.617	3.185
χ^2	16.756			
df	14			
P	0.269			
χ^2/df	1.197			
GFI	0.973			
TLI	0.969			
CFI	0.980			
RMSEA	0.034			

Nota : β = standardized regression weight

Jadual 4 diatas menunjukkan nilai χ^2 bagi model CFA bagi konstruk sikap resilien.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa model berkenaan adalah fit dengan data, $\chi^2 = 16.756$ dengan nilai $df=14$ dan nilai $p = 0.269$. ukuran lain dalam menentukan model

ini fit juga menunjukkan nilai GFI = 0.973, TLI= 0.969, nilai CFI= 0.980 dan nilai RMSEA = 0.034 yang menunjukkan dibawah 0.05 (schumacker & Lomax, 2004) Nilai loading (Beta) yang ditunjukkan pada item yang dikekalkan adalah melebihi nilai 0.70 dengan C.R melebihi paras signifikan.

Rajah 5 menunjukkan item yang dikekalkan bagi analisis selanjutnya dalam kajian ini

Model Pengukuran CFA Sikap Resilien

Chi squares=16.756

pvalue=.269

pclose=.637

GFI=.973


CFI=.980

AGFI=.946

TLI=.969

RMSEA=.034

CMIN/DF=1.197



Rajah 5 : Model pengukuran konstruk Sikap Resilien bagi ujian rintis

Model pengukuran (CFA) bagi konstruk Sikap Resilien telah diuji semula mengikut jantina dan lokasi sekolah bagi memastikan model berkenaan benar-benar berpadanan dengan data berkenaan. Jadual 5 dibawah menunjukkan hasil ujian berkenaan.

Jadual 5: *Goodness of fit* Konstruk Sikap Resilien

	Jantina (L, P)	Lokasi (LB,B)
χ^2	41.791	40.686
df	42	28
P	0.480	0.057
χ^2/df	0.995	1.453
GFI	0.966	0.942
TLI	1.00	0.865
CFI	1.00	0.910
L : Lelaki P: Perempuan LB: Luar Bandar B: Bandar		

Berdasarkan jadual 5 diatas jelas menunjukkan bahawa model CFA bagi konstruk sikap resilien adalah fit bagi kumpulan Jantina dan Lokasi. Jadual 6 menunjukkan perbezaan χ^2 daripada model asal

Jadual 6 : Perbezaan Goodness of fit model Konstruk Sikap Resilien

	χ^2	df	$\Delta\chi^2$	Δdf
Model asal	16.756	14		
Model Jantina (lelaki, Perempuan)	41.791	42	25.035	32
Model Lokasi Tempat Tinggal (Bandar, Luar Bandar)	40.686	28	23.93	14

Konstruk Eksogen Faktor Protektif

Model Pengukuran CFA Faktor Protektif

Chi squares=2.411

pvalue=.300

pclose=.440

GFI=.991


CFI=.973

AGFI=.972

TLI=.960

RMSEA=.035

CMIN/DF=1.205



Rajah 6 : Model pengukuran bagi konstruk faktor protektif

Hasil ujian Chi-squares seperti yang ditunjukkan dalam rajah ...menjelaskan bahawa model CFA faktor protektif menghampiri fit dengan dengan nilai $\chi^2 = 2.4$ iaitu rendah dan $p = 0.3$. begitu juga dengan kriteria fit lain nilanya telah mencapai tahap yang dicadangkan. Kriteria indek fit seperti GFI,AGFI,TLI,CFI dan RMSEA semuanya menunjukkan nilai fit yang sesuai dimana diatas 0.90 dan RMSEA di bawah 0.05, Cuma faktor loading rendah sedikit memandangkan jumlah sampel untuk ujian rintis hanya seramai 171 orang sahaja.

Jadual 7 : Model CFA bagi Konstruk Faktor Protektif

Jalur	B	beta	SE	C.R
Faktor Protektif → PA1	.240	1.225	.728	1.682
Faktor Protektif → PA2	.386	.401	.269	1.494
Faktor Protektif → PA3	.849	1.000		
χ^2	2.411			
df	2			
P	0.300			
χ^2/df	1.205			
GFI	0.991			
TLI	0.960			
CFI	0.973			
RMSEA	0.035			

Nota : β = standardized regression weight

Jadual 7 diatas menunjukkan nilai χ^2 bagi model CFA bagi konstruk faktor protektif.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa model berkenaan adalah fit dengan data, χ^2 = 2.411 dengan nilai df=2 dan nilai p = 0.3 ukuran lain dalam menentukan model ini fit juga menunjukkan nilai GFI = 0.991, TLI= 0.960, nilai CFI= 0.973 nilai RMSEA = 0.035 yang menunjukkan dibawah 0.05 (schumacker & Lomax, 2004) Nilai loading (Beta) yang ditunjukkan pada item yang dikekalkan adalah melebihi nilai 0.70 dengan C.R melebihi paras signifikan.

Model pengukuran (CFA) bagi konstruk faktor protektif telah diuji semula mengikut jantina dan lokasi sekolah bagi memastikan model berkenaan benar-benar berpadanan dengan data berkenaan. Jadua 8 dibawah menunjukkan hasil ujian berkenaan.

Jadual 8 : *Goodness of fit* Konstruk faktor Protektif

	Jantina (L, P)	Lokasi (LB,B)
χ^2	5.557	3.183
df	4	4
P	0.235	0.528
χ^2/df	1.389	0.796
GFI	0.980	0.988
TLI	0.862	1.00
CFI	0.908	1.00
L : Lelaki P: Perempuan LB: Luar Bandar B: Bandar		

Berdasarkan jadual 8 diatas, jelas menunjukkan bahawa model CFA bagi konstruk faktor protektif adalah fit bagi kumpulan tersebut dan jadual 9 menunjukkan perbezaan χ^2 daripada model asal

Jadual 9 : perbezaan Goodness of fit model Konstruk Faktor protektif

	χ^2	df	$\Delta\chi^2$	Δdf
Model asal	2.411	2		
Model Jantina (lelaki, Perempuan)	5.557	4	3.146	2
Model Lokasi Tempat Tinggal (Bandar, Luar Bandar)	3.183	4	0.772	2

Konstruk eksogen Daya tindak

Model Pengukuran CFA Daya Tindak

Chi squares=68.927

pvalue=.000

pclose=.000

GFI=.895


CFI=.727

AGFI=.789

TLI=.591

RMSEA=.152

CMIN/DF=4.923



Rajah7 : Model pengukuran bagi konstruk Daya Tindak

Hasil ujian Chi-squares seperti yang ditunjukkan dalam rajah 7 menjelaskan bahawa model CFA Daya Tindak kurang fit dengan dengan nilai $\chi^2 = 68.97$ dan $p = 0.00$. begitu juga dengan kriteria fit lain nilanya tidak mencapai tahap yang dicadangkan. Kriteria indek fit seperti GFI,AGFI,TLI,CFI dan RMSEA semuanya menunjukkan kurang dari 0.90 dan RMSEA di atas 0.05, untuk membaiki model fit maka faktor loading yang

rendah boleh diketepikan, seperti DT3 (bukan adaptif) = -0.24, dan DT7 (Ragu dan putusasa) = -0.21. Semua indikator ini adalah sebagai penerokaan dimana sebagai faktor daya tindak yang negatif. Setelah dijalankan estimasi ujian CFA sekali lagi, hasilnya seperti dalam rajah 8 model menunjukkan fit dengan nilai-nilai indek melebihi 0.9 keatas.

Model pengukuran CFA daya tindak

Chi squares=11.426

pvalue=.044

pclose=.150

GFI=.975


CFI=.955

AGFI=.924

TLI=.909

RMSEA=.087

CMIN/DF=2.285



Rajah 8 : Model pengukuran bagi konstruk Daya Tindak ubahsuai

Jadual 10 : Model CFA bagi Konstruk Daya Tindak

Jalur	B	beta	SE	C.R
Daya Tindak →DT1	.701	.847	.124	6.829
Daya Tindak →DT2	.867	1.000		
Daya Tindak →DT4	.171	.161	.080	2.013
Daya Tindak →DT5	.047	.017	.031	.550
Daya Tindak →DT6	.599	.266	.042	6.376
χ^2	11.426			
Df	5			
P	0.044			
χ^2/df	2.285			
GFI	0.975			
TLI	0.909			
CFI	0.955			
RMSEA	0.087			

Nota : β = standardized regression weight

Jadual 10 diatas menunjukkan nilai χ^2 bagi model CFA bagi konstruk Daya Tindak.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa model berkenaan adalah fit dengan data, $\chi^2 = 11.426$ dengan nilai $df=5$ dan nilai $p = 0.044$ ukuran lain dalam menentukan model ini fit juga menunjukkan nilai $GFI = 0.975$, $TLI = 0.909$, nilai $CFI = 0.955$ (schumacker & Lomax, 2004) .

Model pengukuran (CFA) bagi kontruk Daya Tindak telah diuji semula mengikut jantina dan lokasi sekolah bagi memastikan model berkenaan benar-benar berpadanan dengan data berkenaan. Jadual 11 dibawah menunjukkan hasil ujian berkenaan.

Jadual 11 : *Goodness of fit* Konstruk Daya Tindak

	Jantina (L, P)	Lokasi (LB,B)
χ^2	21.760	12.990
Df	10	10
P	0.016	0.224
χ^2/df	2.176	1.299
GFI	0.954	0.971
TLI	0.843	0.961
CFI	0.922	0.980
L : Lelaki P: Perempuan LB: Luar Bandar B: Bandar		

Berdasarkan jadual 11 diatas, jelas menunjukkan bahawa model CFA bagi konstruk Daya Tindak adalah fit bagi kumpulan tersebut jadual 12 menunjukkan perbezaan χ^2 daripada model asal

Jadual 12 : Perbezaan Goodness of fit model Konstruk Daya tindak

	χ^2	df	$\Delta\chi^2$	Δdf
Model asal	11.426	5		
Model Jantina (lelaki, Perempuan)	21.760	10	10.4	5
Model Lokasi Tempat Tinggal (Bandar, Luar Bandar)	12.990	10	1.6	5

Konstruk Akulturasi

Model Pengukuran CFA Konstruk Akulturasi

Chi squares=62.037

pvalue=.000

pclose=.001

GFI=.913


CFI=.612

AGFI=.843

TLI=.457

RMSEA=.111

CMIN/DF=3.102



Rajah 9 : Model pengukuran bagi konstruk Akulturasi

Hasil ujian Chi-squares seperti yang ditunjukkan dalam rajah 9 menjelaskan bahawa model CFA akulturasi menghampiri fit dengan dengan nilai $\chi^2 = 62.037$, begitu juga dengan kriteria fit lain nilainya telah mencapai tahap yang dicadangkan. Kriteria indeks fit seperti GFI, menunjukkan nilai fit yang sesuai dimana diatas 0.90 dan indeks yang

lainnya adalah marginal, Cuma ada beberapa faktor loading rendah sedikit memandangkan jumlah sampel untuk ujian rintis hanya seramai 171 orang sahaja.

Jadual 13 : Model CFA bagi Konstruk Akulturasi

Jalur	B	beta	SE	C.R
Akulturasi →AK1	.507	2.246	.990	2.270
Akulturasi →AK2	.271	.770	.409	1.882
Akulturasi →AK3	.237	1.000		
Akulturasi →AK4	.157	.312	.228	1.370
Akulturasi →AK5	.632	1.151	.497	2.317
Akulturasi →AK6	.547	1.245	.543	2.294
Akulturasi →AK7				
χ^2	62.037			
df	20			
P	0.00			
χ^2/df	3.102			
GFI	0.913			
TLI	0.457			
CFI	0.612			
RMSEA	0.111			

Nota : β = standardized regression weight

Jadual 13 diatas menunjukkan nilai χ^2 bagi model CFA bagi konstruk Akulturasi.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa model berkenaan adalah fit dengan data, $\chi^2 = 62.037$ dengan nilai $df=20$ dan nilai $p = 0.000$ ukuran lain dalam menentukan model ini fit juga menunjukkan nilai $GFI = 0.913$, (schumacker & Lomax, 2004) .

Model pengukuran (CFA) bagi kontruk Akulturasi telah diuji semula mengikut jantina dan lokasi sekolah bagi memastikan model berkenaan benar-benar berpadanan dengan data berkenaan. Jadual 14 dibawah menunjukkan hasil ujian berkenaan.

Jadual 14 : *Goodness of fit* Konstruk Akulturasi

	Jantina (L, P)	Lokasi (LB,B)
χ^2	90.174	80.248
df	40	40
P	0.00	0.000
χ^2/df	2.254	2.006
GFI	0.880	0.894
TLI	0.391	0.505
CFI	0.565	0.647
L : Lelaki P: Perempuan LB: Luar Bandar B: Bandar		

Berdasarkan jadual 14 diatas, jelas menunjukkan bahawa model CFA bagi konstruk Akulturasi adalah sederhana fit bagi kumpulan tersebut, ini akan dijalankan semula dalam data sebenar model kajian. Jadual 15, menunjukkan perbezaan χ^2 daripada model asal

Jadual 15 : Perbezaan Goodness of fit model Konstruk Daya Tindak

	χ^2	df	$\Delta\chi^2$	Δdf
Model asal	62.037	20		
Model Jantina (lelaki, Perempuan)	90.174	40	28.14	20
Model Lokasi Tempat Tinggal (Bandar, Luar Bandar)	80.248	40	18.21	20

Tujuan CFA adalah untuk mengesahkan struktur dalam model pengukuran. Semua model pengukuran dalam kajian ini adalah merupakan konstruk satu dimensi seperti yang ditunjukkan dalam rajah 5 hingga 9, CFA merupakan satu ujian yang berkemampuan untuk menguji struktur model seperti yang ditetapkan dalam kajian (Kline, 1994)

Prosedur kajian

Untuk melaksanakan kajian ini terdapat beberapa prosedur yang perlu dilakukan.

Antaranya ialah meminta kebenaran daripada pihak yang berkenaan seperti pihak Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan paling utama adalah kebenaran daripada pihak sekolah yang akan dijalankan kajian itu sendiri. Selepas pengkaji mendapat kebenaran daripada semua pihak, barulah kajian boleh dimulakan.

Analisis data

Dapatan kajian dikumpulkan dalam bentuk data. Data ini diperolehi daripada responden dengan menggunakan instrumen yang berbeza dalam kesemua ujian yang ditadbirkan. Kaedah statistik yang digunakan untuk mengskala data daripada setiap instrumen adalah Analisis Penerokaan Faktor Komponen principal (*Principal Components Exploratory Factor Analysis*), dan Analisis Faktor Pengesahan (*Confirmatory Factor Analysis, CFA* (Bryant & Yarnold, 1995); dan ujian teori analisis reliabiliti yang klasikal (Crocker & Algina, 1986). AMOS versi 17 digunakan untuk Analisis Faktor Pengesahan (CFA) dan SPSS Versi 15, (SPSS Inc) telah digunakan untuk Analisis Faktor Penerokaan dan analisis reliabiliti.

Kaedah statistik digunakan untuk membuat model bagi keputusan data skala adalah Path Analisis (Klem, 1995) dan Model Persamaan Struktural (Kline, 1998). Kedua-dua Analisis Path dan Model Persamaan Struktural telah dijalankan dengan menggunakan program SPSS dan AMOS.

Berdasarkan kepada persoalan kajian, objektif kajian dan hipotesis kajian, terdapat lima fokus utama analisis kajian ialah :

- i. Sikap yang menunjukkan resiliensi bagi pelajar-pelajar di sekolah-sekolah menengah terkawal di Pantai Timur.
- ii. Gerakbalas daya tindak dan faktor protektif bagi pelajar di sekolah-sekolah menengah terkawal di Pantai Timur.
- iii. Hubungan antara sikap resilien pelajar dengan daya tindak dan faktor protektif.
- iv. Hubungan antara sikap resilien dengan akulturasi pelajar
- v. Jumlah keseluruhan pengaruh gerakbalas daya tindak, faktor protektif, akulturasi dan peramal terhadap sikap resilien pelajar

Fokus pertama kajian ialah untuk melihat sikap resiliensi pelajar di sekolah menengah terkawal di Pantai Timur. Status dan pola yang dimaksudkan ialah taburan skor bagi inventori sikap resilien daripada tujuh subskala yang diuji. Purata skor bagi inventori sikap yang menunjukkan resilien dapat menggambarkan status dan pola sikap resilien pelajar di sekolah menengah terkawal berdasarkan faktor demografi seperti jantina, lokasi, dan SES.

Fokus kedua ialah untuk melihat tahap gerakbalas daya tindak dan faktor protektif bagi pelajar di sekolah-sekolah menengah terkawal. Bagi mengukur status semasa tahap gerakbalas daya tindak dan faktor protektif bagi pelajar di sekolah-sekolah menengah terkawal, soal selidik berbentuk skala likert telah digunakan bagi mendapat data-data dengan tujuan untuk dimanipulasikan menjadi sumber maklumat. Status dan pola ini di perolehi dengan melihat perbezaan purata skor bagi kedua-dua variabel bebas iaitu gerakbalas daya tindak dan faktor protektif.

Fokus ketiga ialah untuk mengetahui sejauhmana faktor protektif mempengaruhi gerakbalas daya tindak dan sikap resilien pelajar. Bagi faktor protektif terdapat tiga variabel bebas yang digunakan iaitu teras kepercayaan, keagamaan dan spritualiti. Sikap resilien adalah variabel bersandar manakala faktor protektif dan gerakbalas daya tindak adalah variabel bebas. Tujuan

korelasi dibuat adalah untuk mendapatkan gambaran mengenai sebab akibat antara variabel yang dikaji (Kerlinger, 1973).

Fokus keempat ialah sejauhmana akulturasi mempengaruhi sikap resilien pelajar. Kaedah korelasi juga digunakan untuk menunjukkan darjah kekuatan hubungan antara kedua-dua variabel tersebut. Korelasi *partial* adalah suatu teknik pengiraan yang digunakan untuk mengukur kekuatan hubungan dengan mengawal variabel luaran yang berkemungkinan mempengaruhi perkaitan tersebut. Menurut Kerlinger dan Pedhazur (1973), korelasi *partial* adalah suatu teknik yang sangat sesuai untuk mengawal pengaruh variabel luaran terhadap kajian hubungan yang dijalankan. Menurut Campbell dan Stanley (1963), kawalan ke atas variabel luaran dapat menguatkan lagi kesahan dalaman suatu kajian korelasi.

Fokus kelima ialah untuk mengukur jumlah kesemua pengaruh variabel terhadap Sikap resiliensi pelajar. *SEM* digunakan untuk menghuraikan pengaruh variabel bebas terhadap resiliensi pelajar kerana ia dapat menggambarkan hubungan langsung dan tidak langsung antara variabel tersebut. Darjah perbezaan dalam variabel bersandar adalah diterangkan oleh variabel bebas melalui arah anak panah yang menunjukkan nilai pekali beta piawai. Menurut Asher (1976), penggunaan pekali piawai dalam *path analysis* dalam suatu populasi akan dapat menyelaraskan skala-skala berbeza yang digunakan.

Model Persamaan Struktural (*Structural Equation Modeling*)

Hair et. al (1998) mengemukakan peringkat pemodelan dan analisis persamaan struktural menjadi 7 (tujuh) langkah iaitu : (1) pengembangan model secara teori; (2) menyusun diagram jalur (*path diagram*), (3) mengubah diagram jalur menjadi persamaan struktural, (4) memilih matrik input untuk analisis data, (5) menilai identifikasi model, (6) menilai estimasi model, dan (7) interpretasi terhadap model. Berikut ini akan dijelaskan secara terperinci setiap peringkat yang berkenaan

Langkah 1: Pengembangan Model Berdasarkan Teori

Model persamaan struktural berasaskan pada hubungan sebab akibat (kausaliti), dimana perubahan satu variabel diandaikan akan memberi impak kepada perubahan variabel lainnya. Hubungan kausaliti ini dapat diertikan sebagai hubungan yang ketat seperti ditemukan dalam proses fizik seperti reaksi kimia atau dapat juga hubungan yang kurang ketat seperti dalam riset perilaku iaitu alasan seseorang membeli produk tertentu. Kuatnya hubungan kausaliti antara dua variabel yang diasumsikan oleh penyelidik bukan terletak pada metode analisis yang dia pilih, tetapi terletak pada justifikasi (pembenaran) secara teori untuk mendukung analisis. Jadi jelas bahwa hubungan antara variabel dalam model merupakan deduksi dari teori.

Kesalahan paling kritis di dalam pengembangan model berdasar teori adalah dihilangkannya satu atau lebih variabel prediktif dan masalah ini dikenal dengan *specification error*. Implikasi dari menghilangkan variabel signifikan adalah memberikan bias pada penilaian pentingnya variabel lainnya. Sebagai contoh, ada dua variabel (A dan B) yang keduanya merupakan variabel predictor C. Jika kita memasukkan kedua variabel A dan B kedalam analisis, maka akan didapat penilaian yang benar relatif pentingnya variabel tersebut seperti ditunjukkan oleh koefisien estimasinya. Namun demikian jika variabel B dikeluarkan dari analisis, maka koefisien variabel A akan berbeza. Perbezaan ini sebagai akibat dari koefisien A yang mencerminkan tidak hanya pengaruhnya terhadap C tetapi pengaruh yang di kongsi dengan B. *Share effect* inilah yang dikendalikan ketika dua variabel A dan B dimasukkan dalam analisis.

Keinginan untuk memasukkan semua variabel kedalam model harus diimbangi dengan keterbatasan praktis dalam SEM. Seringkali berlaku bahawa interpretasi hasil menjadi rumit apabila jumlah konsep melebihi 20. Jadi yang penting adalah model harus *parsimony* (sederhana) dengan *concise theoretical model*.

Langkah 2 dan 3 : Menyusun Diagram Jalur dan Persamaan Struktural

Langkah berikutnya adalah menyusun hubungan kausaliti dengan diagram jalur dan menyusun persamaan strukturalnya. Lihat rajah 2 cara menyusun diagram jalur dan persamaan strukturalnya. Ada dua perkara yang perlu dilakukan iaitu menyusun model struktural iaitu menghubungkan antara konstruk laten baik endogen maupun eksogen dan menyusun model pengukuran iaitu menghubungkan konstruk laten endogen atau eksogen dengan variabel indikator atau manifest.

Ketika model pengukuran telah terspesifikasi, maka penyelidik harus menentukan reliabiliti dari indikator. Reliabiliti indikator dapat dilakukan dengan dua cara, (1) diestimasi secara empiris atau (2) dispesifikasi

Disamping menyusun model spesifikasi oleh penyelidik (memberi nilai *fixed* atau tetap) baik model struktural dan pengukuran, penyelidik dapat juga menspesifikasi korelasi antara konstruks eksogen atau antara konstruk endogen, dengan mengkorelasikan konstruk eksogen beberapa kali maka hal ini menggambarkan "share" pengaruh terhadap konstruk endogen. Mengkorelasikan antara konstruk endogen tidak banyak berguna dan tidak direkomendasikan untuk tujuan tertentu oleh kerana menggambarkan korelasi antara persamaan struktural sehingga menimbulkan kesukaran dalam membuat interpretasi.

Variabel indikator atau manifest dalam model pengukuran juga dapat dibuat perhubungan dari korelasi konstruk. Hal ini sebaiknya dihindari kecuali dalam masalah khusus. Misalkan dalam kajian dimana diketahui dengan pasti pengaruh dari pengukuran atau proses pengumpulan data dari dua atau lebih indikator atau *longitudinal study* dimana indikator yang sama di kumpulkan tetapi dalam jangka waktu yang berbeza.

Langkah 4 : Memilih Jenis Input Matrik dan Estimasi Model yang Diusulkan

Model persamaan struktural berbeza dari teknik analisis multivariat lainnya, SEM hanya menggunakan data input berupa matrik varian/kovarian atau matrik korelasi. Data mentah observasi individu dapat dimasukkan dalam program AMOS, tetapi program AMOS akan merubah dahulu data mentah menjadi matrik kovarian atau matrik korelasi. Analisis terhadap data outlier harus dilakukan sebelum matrik kovarian atau korelasi dikira.

Pada awalnya model persamaan struktural diformulasikan dengan menggunakan input matrik varian/kovarian (sehingga juga dikenal dengan *covariance structural analysis*). Matrik kovarian memiliki kelebihan daripada matrik korelasi dalam memberikan validitas perbandingan antara populasi yang berbeza atau sampel yang berbeza. Namun demikian interpretasi hasil lebih sukar jika menggunakan matrik kovarian oleh kerana nilai koefisien perlu

diinterpretasikan atas dasar unit pengukuran konstruk. Matrik korelasi memiliki *range* umum yang mungkin membandingkan secara langsung koefisien dalam model.

Walaupun begitu matrik korelasi sekarang mendapatkan populariti dari pelbagai penggunaan. Matrik korelasi dalam model persamaan struktural tidak lain adalah *standardized varian /kovarian*. Penggunaan korelasi sepadan jika tujuan kajiannya hanya untuk memahami pola hubungan antara konstruk, tetapi tidak menjelaskan jumlah varian dari konstruk. Penggunaan lain adalah untuk membandingkan berbagai variabel yang berbeza, oleh kerana dengan matrik kovarian dipengaruhi oleh skala pengukuran. Koefisien yang diperoleh dari matrik korelasi selalu dalam bentuk *standardized* unit sama dengan koefisien beta pada persamaan regresi dan nilainya berkisar antara - 1.0 dan + 1.0.

Jadi dapat disimpulkandisini bahawa penyelidik perlu menggunakan input matrik varian atau kovarian untuk menguji teori. Namun demikian jika penyelidik hanya ingin melihat pola hubungan dan tidak melihat total penjelasan yang diperlukan dalam uji teori, maka penggunaan matrik korelasi dapat diterima.

Ukuran Sampel

Besarnya ukuran sampel memiliki peranan penting dalam interpretasi hasil SEM. Ukuran sampel memberikan asas untuk mengestimasi *sampling error*. Pertanyaan kritis yang dapat diajukan dalam SEM, berapa besar jumlah sampel yang diperlukan? Dengan model estimasi menggunakan *Maximum Likelihood* (ML) minimum diperlukan sampel 100. Ketika sampel dinaikkan di atas nilai 100, metod ML meningkatkan sensitivitinya untuk mengesan perbezaan antara data. begitu sampel menjadi besar (di atas 400 sampai 500), maka metode ML menjadi sangat sensitive dan selalu menghasilkan perbezaan secara signifikan sehingga ukuran *Goodness of fit* menjadi kurang baik. Jadi dapat dicadangkan bahawa ukuran sampel antara 100 sampai 200 harus digunakan untuk metode estimasi ML.

Estimasi Model

Teknik estimasi model persamaan struktural pada awalnya dilakukan - dengan *ordinary least square* (OLS) regression, tetapi teknik ini telah digantikan oleh *Maximum Likelihood Estimation* (ML) yang lebih efisien dan unbiased jika asumsi normaliti multivariate dipenuhi. Teknik ML sekarang digunakan oleh banyak program komputer. Namun demikian teknik ML sangat sensitif terhadap non-normaliti data sehingga diciptakan teknik estimasi lain seperti *weighted*

least squares (WLS), *generalized least squares* (GLS) dan *asymptotically distribution free* (ADF). Teknik estimasi ADF masakini banyak digunakan kerana tidak sensitive terhadap data yang tidak normal, hanya saja untuk menggunakan teknik estimasi diperlukan jumlah sampel yang besar

Jika model struktural dan model pengukuran telah dispesifikasikan dan input matrik telah dipilih, langkah berikutnya adalah memilih program komputer untuk mengestimasi. Ada beberapa program komputer yang telah dibuat untuk mengestimasi model antara lain program LISREL (Linear Struktural RELations), program EQS, COSAM, PLS dan AMOS Versi 17 . Kajian ini akan menggunakan program AMOS versi. 17 untuk mengestimasi SEM.

Langkah 5 : Menilai Identifikasi Model Struktural

Selama proses estimasi berlangsung dengan program computer, sering didapat hasil estimasi yang tidak logik atau *meaningless* dan hal ini berkaitan - dengan masalah identifikasi model struktural. Problem identifikasi adalah ketidak mampuan model cadangan untuk menghasilkan *unique estimate*. Cara melihat ada tidaknya masalah identifikasi adalah dengan melihat hasil estimasi yang meliputi: (1) adanya nilai *standard error* yang besar untuk satu atau lebih koefisien, (2) ketidak mampuan program untuk *invert information*

matrix, (3) nilai estimasi yang tidak mungkin misalkan *error variance* yang negative, (4) adanya nilai korelasi yang tinggi (> 0.90) antara koefisien estimasi.

Jika diketahui ada masalah identifikasi maka ada tiga perkara yang harus dilihat : (1) besarnya jumlah koefisien yang diestimasi relatif terhadap jumlah kovarian atau korelasi, yang identifikasikan dengan nilai derajat kebebasan yang kecil, (2) digunakannya pengaruh timbal-balik atau resiprokal antara konstruk (*model non-recursive*) atau (3) kegagalan dalam menetapkan nilai tetap (*fix*) pada skala konstruk.

Apa yang dapat dilakukan untuk mengatasi problem identifikasi adalah menetapkan lebih banyak konstrain dalam model. Penyelidik menambah lebih banyak konstrain (menghapus path dari diagram path) sampai masalah yang ada hilang.

Langkah 6 : Menilai Kriteria Goodness-of-Fit

Langkah yang harus dilakukan sebelum menilai kelayakan dari model struktural adalah menilai apakah data yang akan diolah memenuhi asumsi model persamaan struktural. Ada tiga asumsi asas seperti halnya pada teknik multivariat yang lain yang harus dipenuhi untuk dapat menggunakan model persamaan struktural iaitu : (1) pemerhatian data independen, (2) responden diambil secara random (*random sampling respondent*), dan (3) memiliki hubungan linear. Disamping itu, SEM sangat sensitif terhadap ciri taburan data khususnya taburan yang melanggar normaliti multivariat atau

adanya kurtosis yang tinggi (kepengungan taburan) dalam data . Untuk itu sebelum data diolah harus diuji dahulu ada tidaknya data *outlier* dan distribusi data harus normal secara multivariat.

Setelah asumsi SEM dipenuhi langkah berikutnya adalah melihat ada tidaknya *offending estimate* yaitu estimasi koefisien baik dalam model struktural maupun model pengukuran yang nilainya diatas batas yang dapat diterima. Contoh yang sering terjadi *offending estimate* adalah: (1) ralat varian yang negatif atau *non-significant error variance* untuk suatu konstruk, (2) koefisien standard yang mendekati 1.0 , (3) adanya ralat standard yang tinggi. Jika terjadi *offending estimate*, maka penyelidik perlu menghilangkan hal ini lebih dahulu sebelum melakukan penilaian kelayakan model

Setelah yakin tidak ada lagi *offending estimate* dalam model, maka penyelidik bolehlah melakukan penilaian secara keseluruhan model fit dengan berbagai kriteria penilaian model fit. *Goodness-of-Fit* mengukur kesesuaian input observasi atau sesungguhnya (matrik kovarian atau korelasi) dengan prediksi dari model yang diajukan (*proposed model*). Ada tiga jenis ukuran *goodness-of-fit* yaitu (1) *absolute fit measure*, (2) *incremental fit measures* dan (3) *parsimonious fit measures*. Absolut fit measures mengukur model fit secara keseluruhan (baik model struktural maupun model pengukuran secara bersama); sedangkan *incremental fit measures* ukuran untuk membandingkan *proposed model* dengan model lain yang dispesifikasi oleh penyelidik dan *parsimonious*

fit measures melakukan adjustment terhadap pengukuran fit untuk dapat diperbandingkan antara model dengan jumlah koefisien yang berbeza.

Pengukuran *fit* mutlak (*Absolut Fit measures*)

Statistik dengan nisbah khi-square likelihood (*Likelihood-Ratio Chi-Square Statistic*)

Ukuran fundamental dari keseluruhan fit adalah *likelihood-ratio chi-square* (χ^2). Nilai chi-square yang tinggi relatif terhadap darjah kebebasan menunjukkan bahwa matrik kovarian atau korelasi yang diobservasi dengan yang diprediksi berbeza secara nyata dan ini menghasilkan probabiliti (p) lebih kecil dari nilai signifikan (α). Sebaliknya nilai chi-square yang kecil akan menghasilkan nilai probabiliti (p) yang lebih besar dari nilai signifikan (α) dan ini menunjukkan bahwa input matrik kovarian antara prediksi dengan observasi sesungguhnya tidak berbeza secara signifikan. Dalam hal ini penyelidik perlu mencari nilai chi-square yang tidak signifikan kerana mengharapkan bahwa model yang diusulkan sepadan atau fit dengan data observasi. Program AMOS akan memberikan nilai chi-square dengan perintah \cmin dan nilai probabiliti dengan perintah \p., serta besarnya *degree of freedom* dengan perintah \df

CMIN

Adalah menggambarkan perbezaan antara *unrestricted sample covariance matrix* (S) dan *restricted covariance matrix* Σ (θ) atau secara ringkasnya, menggambarkan *likelihood ratio test statistic* yang umumnya dinyatakan dalam Chi-square (χ^2) statistics. Nilai statistik ini sama dengan $(N-1)F_{min}$ (ukuran besar sampel dikurangi 1 dan dikalikan dengan minimum fit function). Jadi nilai Chi-square sangat sensitif terhadap besarnya sampel. Ada kecenderungan nilai Chi-square akan selalu signifikan. Oleh kerana itu, jika nilai Chi-square signifikan, maka dicadangkan untuk mengabaikannya dan melihat ukuran goodness fit lainnya.

CMIN/DF

Adalah nilai chi-square dibagi dengan degree of freedom. Beberapa pakar menganjurkan menggunakan ratio ukuran ini untuk mengukur fit. Menurut Wheaton et. al (1977) nilai ratio 5 (lima) atau kurang dari lima merupakan ukuran yang munasabah dan diterima. Penyelidik lainnya seperti Byrne (1988) mengusulkan nilai ratio ini < 2 merupakan ukuran fit. Program AMOS akan memberikan nilai CMIN/DF dengan perintah `\cmindf`

GFI

GFI (goodness of fit index) dikembangkan oleh Joreskog dan Sorbom (1984) yaitu ukuran non-statistik yang nilainya berkisar dari nilai 0 (poor fit) sampai 1.0 (perfect fit). Nilai GFI tinggi menunjukkan fit yang lebih baik dan berapa nilai GFI yang dapat diterima sebagai nilai yang layak belum ada standardnya, tetapi banyak penyelidik menganjurkan nilai di atas 90% sebagai ukuran good fit. Program AMOS akan memberikan nilai GFI dengan perintah `\gfi`

RMSEA

Root mean square error of approximation (RMSEA) merupakan ukuran yang mencoba memperbaiki kecenderungan statistik chi-square menolak model dengan jumlah sampel yang besar. Nilai RMSEA antara 0.05 sampai 0.08 merupakan ukuran yang dapat diterima. Hasil ujian empiris RMSEA sesuai untuk menguji model konfirmatori atau *competing model strategy* dengan jumlah sampel besar. Program Amos akan memberikan nilai RMSEA dengan perintah `\rmsea`

Pengukuran dengan penambahan *fit* (*Incremental Fit Measures*)

Incremental fit measures membandingkan proposed model dengan baseline model sering disebut dengan null model. Null model merupakan model realistik dimana model-model yang lain harus diatasnya .

AGFI

Adjusted goodness-of-fit merupakan pengembangan dari GFI yang disesuaikan dengan ratio degree of freedom untuk proposed model dengan degree of freedom untuk null model. Nilai yang dicadangkan adalah sama atau > 0.90 . Program Amos akan memberikan nilai AGFI dengan perintah \agfi.

TLI

Tucker-Lewis Index atau dikenal dengan nonnormed fit index (NNFI). Pertama kali diusulkan sebagai alat untuk menilai analisis faktor, tetapi sekarang dikembangkan untuk SEM. Ukuran ini menggabungkan ukuran parsimoni kedalam indek perbandingan antara *proposed* model dan null model dan nilai TLI berkisar dari 0 hingga 1.0. Nilai TLI yang dicadangkan adalah sama atau > 0.90 . Program Amos akan memnberikan nilai TLI dengan perintah \tli

NFI

Normed Fit Index merupakan ukuran perbandingan antara *proposed* model dan *null* model. Nilai NFI akan bervariasi dari 0 (no fit at all) hingga 1.0 (*perfect fit*). Seperti halnya TLI tidak ada nilai mutlak yang dapat digunakan sebagai patokan yang standar, tetapi umumnya dicadangkan sama atau > 0.90 . Program Amos akan memberikan nilai NFI dengan perintah \nfi

Pengukuran *fit* Parsimoni (*Parsimonious Fit Measures*)

Ukuran ini menghubungkan *goodness-of-fit* model dengan sejumlah koefisien estimasi yang diperlukan untuk mencapai peringkat fit. Tujuan dasarnya adalah untuk mendiagnosis apakah model fit telah tercapai dengan "overfitting" data yang memiliki banyak koefisien. Prosedur ini seakan-akan dengan "adjustment" terhadap nilai R^2 dalam multiple regression. Namun demikian karena tidak ada uji statistik yang tersedia maka penggunaannya hanya terbatas untuk membandingkan model

PNFI

Parsimonious normal fit index (PNFI) merupakan modifikasi dari NFI. PNFI memasukkan jumlah derajat kebebasan yang digunakan untuk mencapai tahap fit. Semakin tinggi nilai PNFI semakin baik. Kegunaan utama dari PNFI

adalah untuk membandingkan model dengan derajat kebebasan yang berbeda. Digunakan untuk membandingkan model alternatif sehingga tidak ada nilai yang dicadangkan sebagai nilai fit yang diterima. Namun demikian jika membandingkan dua model maka perbedaan PNFI 0.60 sampai 0.90 menunjukkan adanya perbedaan model yang signifikan. Program Amos akan menghasilkan nilai PNFI dengan perintah \pnfi

PGFI

Parsimonious goodness-of-fit index (PGFI) memodifikasi GFI atas dasar parsimony estimated model. Nilai PGFI berkisar antara 0 hingga 1.0 dengan nilai semakin tinggi menunjukkan model lebih parsimoni. Program Amos akan memberikan nilai PGFI dengan perintah \pgfi

Model Pengukuran *Fit* (*Measurement Model Fit*)

Setelah keseluruhan model fit dibuat penilaian, maka langkah berikutnya adalah pengukuran setiap konstruk untuk menilai unidimensionalitas dan reliabilitas dari konstruk. Unidimensionalitas adalah asumsi yang meliputi perkiraan reliabilitas dan ditunjukkan ketika indikator suatu konstruk memiliki *acceptable fit one single factor* (one dimensional) model. Penggunaan ukuran Cronbach Alpha tidak menjamin unidimensionalitas tetapi mengasumsikan

adanya unidimensionaliti. Penyelidik harus melakukan uji unidimensionaliti untuk semua multiple indikator construct sebelum menilai reliabilitinya.

Pendekatan untuk menilai measurement model adalah mengukur *composite reliability* dan *variance extracted* untuk setiap konstruk. Reliabiliti adalah ukuran internal consistency indikator suatu konstruk. Hasil reliabiliti yang tinggi memberikan keyakinan bahwa indikator individu semua konsisten dengan pengukurannya. Tahap reliabiliti yang diterima secara umum adalah > 0.70 sedangkan reliabiliti < 0.70 dapat diterima untuk penyelidik yang masih bersifat eksploratori.

Perlu diketahui bahwa reliabiliti tidak menjamin adanya validiti. Validiti adalah ukuran sampai sejauh mana suatu indikator secara tepat (*akurat*) mengukur apa yang hendak diukur. Ukuran reliabiliti yang lain adalah *variance extracted* sebagai pelengkap ukuran construct reliability. Angka yang direkomendasi untuk nilai *variance extracted* > 0.50 . Berikut ini rumus untuk mengira construct reliability dan *variance extracted*.

$$\text{Construct Reliability} = \frac{(\sum \text{std loading})^2}{(\sum \text{std loading})^2 + \sum \epsilon_j}$$

$$\text{Variance Extracted} = \frac{\sum \text{std loading}^2}{\sum \text{std loading}^2 + \sum \epsilon_j}$$

$\sum \epsilon_j$ = Jumlah ralat pengukuran

Model Struktural *Fit*

Untuk menilai struktural model *fit* melibatkan signifikan dari koefisien. SEM memberikan hasil nilai estimasi koefisien, standard error dan nilai critical value (cr) untuk setiap koefisien. Dengan nilai signifikan tertentu (0.05) maka kita dapat menilai signifikan masing-masing koefisien secara statistik. Pemilihan nilai signifikan dipengaruhi oleh justifikasi teori untuk hubungan kausaliti yang diusulkan. Jika dihipotesiskan hubungannya negatif atau positif, maka digunakan uji signifikan satu arah atau sisi. Namun demikian jika penyelidik tidak dapat memperkirakan arah hubungan maka harus digunakan uji dua sisi atau arah.

Membandingkan *Competing* atau *Nested Model*

Competing model atau strategi pengembangan model dilakukan dengan membandingkan hasil suatu model untuk menentukan model terbaik dari berbagai alternatif model yang ada. Langkah yang dilakukan penyelidik adalah mulai dengan model awal dan dilanjutkan dengan spesifikasi beberapa model untuk meningkatkan model *fit*.

Untuk membandingkan model telah dikembangkan beberapa pengukuran. Satu pengukuran untuk keseluruhan model *fit*, ada juga ukuran model parsimoni. Perbezaan antara model dapat dilihat dari perbezaan nilai chi-square (χ^2). Perbezaan nilai χ^2 dapat diuji secara statistik dengan darjah

kebebasan tertentu. Syarat yang diperlukan adalah bahwa jumlah konstruk dan indikator harus masih sama sehingga null model sama dengan model lainnya (*nested model*). Jika model menjadi non-nested yaitu memiliki jumlah indikator dan konstruk yang berbeza, maka penyelidik harus menggunakan ukuran parsimoni fit.

Langkah 7 : Interpretasi dan Modifikasi Model

Ketika model telah dinyatakan diterima, maka penyelidik dapat mempertimbangkan dilakukannya modifikasi model untuk memperbaiki penjelasan secara teori atau goodness-of-fit. Modifikasi dari model awal harus dilakukan setelah dikaji banyak pertimbangan. Jika model dimodifikasi, maka model tersebut harus di *cross-validated* (diestimasi dengan data terpisah) sebelum model modifikasi diterima.

Pengukuran model dapat dilakukan dengan modification indices. Nilai modification indices sama dengan terjadinya penurunan Chi-squares jika koefisien diestimasi. Nilai sama dengan atau > 3.84 menunjukkan telah terjadi penurunan chi-squares secara signifikan.

Asumsi SEM

Estimasi parameter dalam SEM umumnya berdasarkan pada kaedah maximum likelihood (ML). Perlu diketahui bahwa estimasi dengan metode (ML) menghendaki adanya asumsi yang harus dipenuhi iaitu:

1. Jumlah sampel harus besar (asymptotic)
2. Taburan dari *observed variabel* normal secara multivariat
3. Model yang dihipotesiskan perlu ada kesahan
4. Skala pengukuran variabel sela (interval)

Jumlah sampel perlu besar

Analisis struktur kovarian atau SEM berdasar pada large sample size theory. Sehingga jumlah sampel yang besar sangat kritis untuk mendapatkan estimasi parameter yang tepat, begitu juga tercapainya asymptotic distributional approximation.

Taburan dari *observed variabel* normal secara multivariat

Analisis SEM juga menghendaki taburan variabel harus multivariat normal sebagai konsekuensi atau akibat dari asumsi sample besar (*asymptotic*) dan penggunaan kaedah estimasi ML. Berdasarkan hasil kajian empiris non-normaliti dalam SEM, West et al. (1995) menemukan empat hal penting.

Pertama, jika data meningkat menjadi semakin tidak normal, maka nilai χ^2 yang diperoleh dari estimasi ML dan GLS menjadi sangat besar. Situasi seperti ini mendorong penyelidik melakukan modifikasi terhadap model yang dihipotesiskan supaya diperoleh model fit. Namun demikian dengan tingginya nilai χ^2 yang diperoleh akan mengakibatkan model tidak sesuai lagi secara teori.

Kedua, ketika jumlah sampel kecil (bahkan dalam keadaan normal multivariat), kedua metode estimasi ML dan GLS menghasilkan nilai χ^2 yang besar atau *inflated*. Lebih jauh lagi jika jumlah sampel kecil dan tidak normal, maka penyelidik akan menghadapi hasil analisis yang tidak converge atau hasilnya tidak berapa elok, *improper solution* (Anderson dan Gerbing, 1984; Boomsma, 1982). Ketiga, jika data tidak normal, maka fit index seperti Tucker Lewis Index (TLI) dan Comparative Fit Index (CPI) menghasilkan nilai yang *under estimate*. Keempat, data yang tidak normal dapat menghasilkan standard errors yang rendah, dengan darjah kebebasan berkisar dari moderat ke kuat. Oleh kerana standard error under estimate, maka koefisien regresi dan error covariance akan signifikan secara statistik, walaupun hal ini tidak terjadi pada populasinya.

Skala Pengukuran Variabel perlu data sela (Interval)

Skala pengukuran variabel dalam analisis SEM merupakan yang paling kontroversi dan banyak diperdebatkan. Kontroversi ini timbul kerana perlakuan variabel ordinal yang dianggap sebagai variabel sela. Umumnya pengukuran indikator suatu variabel laten menggunakan skala Likert dengan 5 kategori iaitu Sangat Tidak Setuju, Tidak Setuju, Tidak Pasti, Setuju dan Sangat Setuju yang sesungguhnya berbentuk skala ordinal (peringkat).

Dibidang psikologi perdebatan ini telah selesai sekitar tahun 1950an. Sebelum adanya Skala Likert, penyelidik di bidang psikologi umumnya menggunakan soal selidik yang disusun dengan menggunakan skala Gutman dan Thurstone. Kedua skala ini adalah skala sela atau interval, hanya untuk mengolah data kita harus meminta bantuan pakar atau ahli dalam sesuatu disiplin ilmu untuk menguruskan soal selidik dan memberikan skor. Likert muncul dengan menawarkan cara mengukur variabel atau konstruk berdasarkan pada subjek untuk menyatakan persetujuannya terhadap suatu konsep psikologis misalnya Sikap resilien. Metod ini dikenal dengan *summated scale* (skala yang dijumlahkan).

Cara kerja skala Likert, misalnya Variabel Laten Sikap Resilien diukur oleh tiga indikator. Berdasarkan ketiga indikator ini responden diminta persetujuannya terhadap konsep laten Sikap Resilien :

1. Saya boleh belajar daripada kesalahan dan pengalaman yang lalu untuk membina masa depan yang lebih baik

STS TS TP S SS

2. Saya berjaya dalam mengurus diri dan mendapat apa yang diperlukan

STS TS TP S SS

3. Tidak kira apa terjadi jika saya terus mencuba ,saya akan dapat mengatasinya

STS TS TP S SS

Skor yang dihasilkan oleh skala Likert ini ternyata berkorelasi sebesar 92% jika dibandingkan dengan seandainya pertanyaan ini diukur dengan skala Thurstone (Edward dan Kenney (1946). Jadi dapat disimpulkan bahwa skala Likert dapat dianggap sela atau interval.

Banyak juga penyelidik yang merubah dahulu skala Likert yang ordinal ini menjadi skala sela dengan *metode successive interval* (MSI). Skor hasil perkiraan sela ternyata mempunyai urutan yang sama dengan skor Likert. Oleh kerana tidak ada perbezaan urutan, maka skala Likert dapat dianggap berskala interval. Walaupun data sudah menjadi interval tetapi kita tetap tidak dapat menginterpretasikan kerana data asalnya adalah data kualitatif.

Penting bagi kita mengetahui bahwa jika data ordinal dianggap sebagai data interval berdasarkan kajian Monte Carlo, West et al (1995) menemukan berapa hal penting. Pertama, koefisien korelasi Pearson antara variabel interval nilainya lebih besar dibandingkan jika korelasi itu antara variabel kategori atau

ordinal. Kedua, jika variabel kategorikal atau ordinal tersebut memiliki distribusi mendekati normal, maka

- a. Jumlah kategori mempunyai pengaruh yang kecil terhadap χ^2 Iikelihood ratio test of model fit.
- b .Loading faktor dan factor correlation hanya sedikit underestimate.
- c. Estimasi *error variance* dibandingkan parameter lainnya lebih sensitif terhadap data kategorikal seperti dijelaskan pada b
- d. Estimasi standard error untuk semua parameter cenderung rendah

BAB 4 : DAPATAN KAJIAN

Pengenalan

Bab ini akan membincangkan dapatan kajian berdasarkan analisis data yang telah ditentukan. Data yang diperolehi telah dianalisis dengan menggunakan tiga perisian, iaitu perisian SPSS Version 16, AMOS version 17 dan SmartPLS. Pada bahagian pertama huraian adalah berdasarkan statistik dekriptif yang akan menyentuh aspek latar belakang responden. Kemudian, bahagian yang berikutnya menerangkan secara inferensi tentang keputusan kajian berdasarkan analisis *SEM (Structural Equation Modeling)*. SEM diaplikasikan untuk menghuraikan fenomena yang berlaku dalam hubungan antara pemboleh ubah yang dikaji berdasarkan model cadangan yang dibentuk.

Secara umumnya huraian dalam bab ini akan menjawab soalan kajian yang telah dikemukakan seperti berikut:

1. Adakah terdapat hubungan yang signifikan sikap resilien dan daya tindak dikalangan sampel pelajar yang dikaji?
2. Adakah terdapat hubungan yang signifikan bagi faktor protektif (teras kepercayaan, keagamaan, dan spiritualiti) dengan sikap resilien dikalangan sampel pelajar yang dikaji?

3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara faktor protektif dan daya tindak dikalangan sampel pelajar yang dikaji?
4. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara akulturasi dan sikap resilien dikalangan sampel pelajar yang dikaji?
5. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara akulturasi dan daya tindak dikalangan sampel pelajar yang dikaji?
6. Adakah terdapat hubungan yang signifikan diantara akulturasi dan faktor protektif dikalangan sampel pelajar yang dikaji ?
7. Adakah terdapat perhubungan diantara sikap resilien dan daya tindak dengan faktor protektif (teras keyakinan, keagamaan dan spiritualiti) sebagai moderator?
8. Adakah model yang dicadangkan *fit* dikalangan pelajar lelaki dan perempuan?
9. Adakah model yang dicadangkan *fit* dikalangan pelajar sekolah bandar dan luar bandar?
10. Adakah model yang dicadangkan *fit* dikalangan pelajar yang berasal dari luar Bandar dan Bandar?
11. Adakah model yang dicadangkan *fit* dikalangan pelajar dari sekolah elit, premier dan SMK Agama?

Latar belakang Sampel

Seramai 510 orang pelajar tingkatan dua telah terlibat dengan kajian ini. Ringkasan maklumat latar belakang responden ditunjukkan dalam Jadual 16 di bawah. Hasil daripada pentadbiran soal selidik, seramai 217 (42.5%) responden adalah lelaki dan 293 (57.5%) perempuan.

Dari segi pola tempat tinggal responden pula, kebanyakan responden berasal atau tempat tinggal mereka adalah dari luar bandar (N=276, 54.1%). Seramai 234 (45.9%) orang responden tinggal di bandar. Bagi lokasi sekolah, bilangan responden mengikut kategori sekolah luar bandar (N=205, 40.2%). dan sekolah bandar (N=305, 59.8%).

Jadual 16 : Profil Pelajar Mengikut Jantina, Tempat Tinggal, Lokasi Sekolah dan Jenis sekolah

	Perbezaan Individu	Kekerapan (%)
Jantina	Lelaki	217 (42.5)
	Perempuan	293 (57.5)
	Jumlah	510 (100)
Tempat Tinggal	Luar Bandar	276 (54.1)
	Bandar	234 (45.9)
	Jumlah	510 (100)
Lokasi Sekolah	Luar Bandar	305 (59.8)
	Bandar	205 (45.1)
	Jumlah	510(100)
Jenis Sekolah	Elit	170 (33.3)
	Primier	170 33.3)
	Agama	170 (33.3)
	Jumlah	510 (100)

Dapatan Analisis Deskriptif

Analisis secara deskriptif dilaporkan dalam bentuk min dan sisihan piawai untuk mendapatkan gambaran status sikap resiliensi, daya tindak, akulturasi dan faktor protektif bagi pelajar-pelajar sekolah terkawal.

Sikap resiliensi pelajar

Sikap resiliensi pelajar akan dijelaskan dari segi celikakal (*insight*), berdikari, perhubungan, inisiatif, kreativiti, moraliti dan resiliensi umum.

Jadual 17: Sikap resiliensi pelajar di sekolah primier, elit dan agama

Item Resiliensi	Jenis sekolah kawalan								
	Elit			Primier			Agama		
	Bil	Min	SD	Bil	Min	SD	Bil	Min	SD
1. Celikakal	3660	21.53	2.44	3482	20.48	2.168	3618	21.28	2.138
2. Berdikari	4945	29.09	3.45	4705	27.68	3.268	4812	28.31	3.527
3. Perhubungan	5949	34.99	3.61	5988	35.22	3.374	5816	34.21	3.809
4. Inisiatif	5797	34.10	3.61	5726	33.68	3.221	5668	33.34	3.778
5. Kreativiti/humor	5347	31.45	4.39	5179	30.46	3.845	5217	30.69	4.305
6. moraliti	6942	40.84	4.13	6732	39.60	3.931	6817	40.10	4.092
7. Umum	5556	32.68	3.54	5435	31.97	3.114	5427	31.92	3.183

Jadual 17 mengambarkan maklumat tentang tahap sikap resiliensi dikalangan pelajar sekolah terkawal, dimana sekolah elit mempunyai celiakal, inisiatif, kreatif atau humor, moraliti dan resiliensi umum yang tinggi berbanding dengan sekolah primier dan agama. Sekolah agama hanya tinggi dari aspek berdikari manakala sekolah primier adalah tinggi dari aspek perhubungan.

Daya tindak (*Coping*)

Jadual 18 : Tahap daya tindak (*coping*) pelajar di sekolah premier, elit dan agama

Item Daya Tindak	Jenis sekolah								
	Elit			Premier			Agama		
	Bil	Min	SD	Bil	Min	SD	Bil	Min	SD
1. Spritual	15746	92.62	8.93	15692	92.31	8.42	15423	90.72	7.82
2. Adaptif	15815	93.03	8.27	16293	95.84	7.65	15615	91.85	9.10
3. Bukan adaptif	3186	18.74	4.97	3518	20.69	4.60	3095	18.21	4.43
4. Emosi	6218	36.58	5.70	6000	35.29	6.09	5796	34.09	6.65
5. Humor	1971	11.59	5.36	2072	12.19	3.58	1781	10.48	3.54
6. Kepercayaan	3913	23.02	3.23	3784	22.26	3.03	3658	21.52	3.28
7. Ragu dan putus asa	3660	21.53	4.17	3867	22.75	3.56	3650	21.47	4.24

Jadual 18 memaparkan data berhubung dengan daya tindak pelajar dalam menyelesaikan sesuatu peristiwa yang dialami, untuk sekolah elit pelajar-pelajarnya mempunyai tahap yang tinggi dalam daya tindak berbentuk spritual, emosi dan kepercayaan. Manakala pelajar sekolah premier mempunyai tahap yang tinggi dalam daya tindak berbentuk adaptif, humor, bukan adaptif serta ragu atau putus asa. Bagi sekolah agama pula agak seimbang tahap daya tindak jika dibandingkan dengan sekolah elit dan premier.

Akulturas

Jadual 19: Tahap akulturas pelajar di sekolah premier,elit dan agama

Item Akulturas	Jenis sekolah								
	Elit			Premier			Agama		
	Bil	Min	SD	Bil	Min	SD	Bil	Min	SD
1. Amalan dan kepercayaan agama	6220	36.59	4.41	6421	37.78	6.51	6156	36.21	5.18
2. Keutamaan pada sesuatu perkara	3308	19.46	2.90	3363	19.78	3.21	3083	18.14	3.07
3 Sikap hubungan kaum	7320	43.06	6.23	7288	42.87	6.00	7102	41.78	5.28
4. Amalan keluarga	2063	12.14	3.90	2008	11.81	3.82	2000	11.76	3.86
5. Amalan dan kepercayaan tentang kesihatan	3175	18.68	2.42	3296	19.39	2.74	3106	18.27	2.10
6 Pengasingan kaum	2180	12.82	3.07	2273	13.37	3.20	2037	11.98	2.54
7 Dogengan masyarakat	3154	18.55	2.65	3175	18.68	2.14	3153	18.55	2.28
8 Nilai keluarga	2721	16.01	2.44	2812	16.54	2.40	2665	15.68	2.60

Jadual 19 menunjukkan tahap akulturas pelajar, sekolah premier mempunyai tahap akulturas yang tinggi dalam aspek amalan dan kepercayaan agama,keutamaan pada sesuatu perkara,amalan dan kepercayaan tentang kesihatan, pengasingan kaum, dogengan masyarakat dan nilai agama. Bagi sekolah elit pula adalah tinggi dalam aspek sikap hubungan kaum dan amalan keluarga.

Faktor protektif


Jadual 20: Tahap faktor protektif pelajar di sekolah premier, elit dan agama

Item Faktor Protektif	Jenis sekolah								
	Elit			Premier			Agama		
	Bil	Min	SD	Bil	Min	SD	Bil	Min	SD
1. Teras Kepercayaan	8151	47.95	3.85	8035	47.27	3.06	8110	47.71	3.04
2. Keagamaan	7461	43.89	6.51	7024	41.32	4.94	7257	42.69	5.38
3. spritualiti	1960	11.53	1.88	1996	11.74	1.92	1891	11.12	1.90

Faktor protektif keagamaan terdiri daripada tiga indikator utama iaitu teras kepercayaan, keagamaan dan spritualiti, merujuk kepada jadual 20, pelajar-pelajar daripada sekolah elit menunjukkan tahap teras kepercayaan dan keagamaan yang tinggi. Manakala untuk spritualiti, sekolah premier menunjukkan tahap yang tinggi.

Analisis Model Persamaan Struktural (SEM)

Berdasarkan konseptual dan model cadangan, sikap resilien dijadikan pemboleh ubah bersandar bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi Sikap resiliensi responden dalam kajian ini. Rajah 4 di bawah menunjukkan model cadangan yang akan diuji menggunakan Analisis Model Persamaan Struktural (SEM) dengan perisian AMOS.



Rajah 10: Model Cadangan Sikap resiliensi pelajar

Berdasarkan rajah di atas persamaan struktural boleh dinyatakan seperti berikut:

$$AK = \beta_1 PA + Z_3$$

$$DT = \beta_1 AK + \beta_2 PA + Z_2$$

$$SR = \beta_1 PA + \beta_2 AK + \beta_3 DT + Z_1$$

Analisis Model Cadangan

Beberapa prosedur telah dijalankan bagi analisis awal terhadap model yang dicadangkan. Pertama, spesifikasi model telah diteliti bagi mengenal pasti ciri-ciri pemboleh ubah sebelum proses estimasi dijalankan. Jadual 21 menunjukkan penerangan ringkas tentang pemboleh ubah dalam model cadangan.

Dari aspek spesifikasi model ini adalah seperti berikut:

Konstruk Eksogenous Sikap Resiliensi

$$SR1 = \lambda_1 SR + e_1$$

$$SR2 = \lambda_2 SR + e_2$$

$$SR3 = \lambda_3 SR + e_3$$

$$SR4 = \lambda_4 SR + e_4$$

$$SR5 = \lambda_5 SR + e_5$$

$$SR6 = \lambda_6 SR + e_6$$

$$SR7 = \lambda_7 SR + e_7$$

Konstruk Eksogenous Faktor protektif

$$PA1 = \lambda_1 PA + e_{23}$$

$$PA2 = \lambda_2 PA + e_{24}$$

$$PA3 = \lambda_3 PA + e_{25}$$

Jadual 21: Pemboleh ubah-Pemboleh ubah Model Cadangan

KONSTRUK	INDIKATOR	DEFINISI
SIKAP RESILIENSI	SR1	Celikakal (<i>insight</i>)
	SR2	Berdikari atau mandiri
	SR3	Perhubungan
	SR4	Inisiatif
	SR5	Kreativiti dan humor
	SR6	Moraliti
	SR7	Resiliensi umum
DAYA TINDAK (<i>coping</i>)	DT1	Spiritual
	DT2	Adaptif
	DT3	Bukan adaptif
	DT4	Emosional
	DT5	Humor
	DT6	Amalan atau keyakinan
	DT7	Ragu dan putus asa
AKULTURASI	AK1	Kepercayaan dan amalan agama
	AK2	Keutamaan pada sesuatu perkara
	AK3	Sikap hubungan kaum
	AK4	Amalan keluarga
	AK5	Amalan dan kepercayaan tentang kesihatan
	AK6	Dogengan masyarakat
	AK7	Pengasingan kaum
	AK8	Nilai keluarga
FAKTOR PROTEKTIF	PA1	Teras kepercayaan
	PA2	Keagamaan
	PA3	Spiritualiti

Konstruk Eksogenous Daya Tindak

$$DT1 = \lambda_1 DT + e_{16}$$

$$DT2 = \lambda_2 DT + e_{17}$$

$$DT3 = \lambda_3 DT + e_{18}$$

$$DT4 = \lambda_4 DT + e_{19}$$

$$DT5 = \lambda_5 DT + e_{20}$$

$$DT6 = \lambda_6 DT + e_{21}$$

$$DT7 = \lambda_7 DT + e_{22}$$

Konstruk Endogenous Akulturasi

$$AK1 = \lambda AK1 + e_8$$

$$AK2 = \lambda AK2 + e_9$$

$$AK3 = \lambda AK3 + e_{10}$$

$$AK4 = \lambda AK4 + e_{11}$$

$$AK5 = \lambda AK5 + e_{12}$$

$$AK6 = \lambda AK6 + e_{13}$$

$$AK7 = \lambda AK7 + e_{14}$$

$$AK8 = \lambda AK8 + e_{15}$$


Model *recursive* ini diuji dengan sampel responden seramai 510 orang. Model ini mengandungi 19 parameter yang jelas untuk dianggarkan dengan 3 darjah kebebasan (df). Lineariti sampel data telah disemak menerusi taburan plot bivariat semua pasangan pemboleh ubah yang terlibat dan menunjukkan normal.

Sebarang data yang *outliers* telah dikenal pasti dan diketepikan bagi mengelakkan daripada menjejaskan nilai statistik. Taburan normaliti sampel data turut dijalankan bagi memenuhi keperluan aplikasi SEM.

Uji kofirmatori antara konstruk Endogen Akulturasi, Daya Tindak dan Sikap Resiliensi

Ketiga variabel endogen ini saling kita kovariankan dan berikut ini (rajah 11) ditunjukkan hasil pengolahan uji kofirmatori antara konstruk Akulturasi, Daya Tindak dan Sikap Resiliensi.

Uji Kofirmatori Antara Konstruk Endogen
 Chi squares=1448.524
 Probability=.000
 GFI=.763
 AGFI=.709
 TLI=.553
 RMSEA=.109
 CMIN/DF=7.032



Rajah 11 : Model asal ujian kofirmatori antara konstruk endogen

Jadual 22 : Regression Weights untuk CFA bagi sikap resilien

			Estimate	S.E.	C.R.	P
SR1	<---	Sikap_Resilien	1.000			
SR2	<---	Sikap_Resilien	1.280	.188	6.816	***
SR3	<---	Sikap_Resilien	1.005	.183	5.487	***
SR4	<---	Sikap_Resilien	2.230	.243	9.175	***
SR5	<---	Sikap_Resilien	1.459	.224	6.517	***
SR6	<---	Sikap_Resilien	2.602	.282	9.233	***
SR7	<---	Sikap_Resilien	2.071	.226	9.175	***
AK1	<---	akulturasi	1.000			
AK2	<---	akulturasi	.565	.058	9.807	***
AK3	<---	akulturasi	1.078	.108	9.941	***
AK4	<---	akulturasi	.403	.064	6.347	***
AK5	<---	akulturasi	.443	.045	9.782	***
AK6	<---	akulturasi	.388	.051	7.608	***
AK7	<---	akulturasi	.272	.039	6.908	***
AK8	<---	akulturasi	.395	.044	8.916	***
DT7	<---	Daya_Tindak	.001	.028	.034	.973
DT6	<---	Daya_Tindak	.341	.021	15.864	***
DT5	<---	Daya_Tindak	.063	.030	2.084	.037
DT4	<---	Daya_Tindak	.305	.043	7.118	***
DT3	<---	Daya_Tindak	.047	.033	1.415	.157
DT2	<---	Daya_Tindak	.863	.056	15.300	***
DT1	<---	Daya_Tindak	1.000			

*** signifikan pada 0.01

Jadual 23 : Estimasi Standardized Regression Weights untuk CFA

			Estimate
SR1	<---	Sikap_Resilien	.478
SR2	<---	Sikap_Resilien	.405
SR3	<---	Sikap_Resilien	.304
SR4	<---	Sikap_Resilien	.688
SR5	<---	Sikap_Resilien	.381
SR6	<---	Sikap_Resilien	.700
SR7	<---	Sikap_Resilien	.688
AK1	<---	akulturasi	.592
AK2	<---	akulturasi	.583

	Estimate
AK3 <--- akulturasi	.595
AK4 <--- akulturasi	.338
AK5 <--- akulturasi	.581
AK6 <--- akulturasi	.418
AK7 <--- akulturasi	.373
AK8 <--- akulturasi	.511
DT7 <--- Daya_Tindak	.002
DT6 <--- Daya_Tindak	.729
DT5 <--- Daya_Tindak	.101
DT4 <--- Daya_Tindak	.339
DT3 <--- Daya_Tindak	.068
DT2 <--- Daya_Tindak	.702
DT1 <--- Daya_Tindak	.822

Hasil uji Chi-square menunjukkan nilai 1448.524 dengan probabiliti $p = 0.000$ hal ini dapat diertikan bahawa model kurang fit. Kriteria fit lainnya seperti GFI, AGFI, TLI, dan RMSEA juga memberikan nilai yang tidak fit. Untuk itu perlu dilihat nilai *convergent validity* dari indikator-indikator pembentuk konstruk laten. Pertama yang perlu dilihat adalah nilai signifikan dari *loading factor* ternyata ada dua indikator yang tidak signifikan iaitu Daya Tidak bukan adaptif dan ragu serta putus asa, iaitu indicator DT 3 dan DT 7 dengan nilai probabilitinya .157 dan .973 jauh di atas 0.05, maka indikator DT3 dan DT7 harus di buang dari model (rujuk jadual 22). Kedua melihat nilai standardized loading factor apakah ada nilainya di bawah 0.50, jika terdapat perlu di buang dari analisis kerana dianggap tidak valid mengukur konstruk latennya (rujuk jadual 23). Dalam hal ini yang harus di buang adalah SR1, SR2, SR3, SR5, AK4, AK6, AK7, DT3, DT4, DT5 dan DT7. Model perlu di estimasi semula dengan hasilnya dipaparkan dalam rajah 12 :

Uji Konfirmatori Antara Konstruk Endogen

Chi squares=77.965

Probability=.000


GFI=.969

AGFI=.947

TLI=.953

RMSEA=.053

CMIN/DF=2.436



Rajah 12 : Model ubahsuai ujian konfirmatori antara konstruk endogen

Jadual 24 : Estimasi Regression Weights untuk CFA

		Estimate	S.E.	C.R.	P
SR4	<--- Sikap_Resilien	1.000			
SR6	<--- Sikap_Resilien	1.137	.100	11.337	***
SR7	<--- Sikap_Resilien	.962	.083	11.536	***
AK1	<--- akulturasi	1.000			
AK2	<--- akulturasi	.530	.052	10.144	***
AK3	<--- akulturasi	.909	.095	9.578	***
AK5	<--- akulturasi	.346	.039	8.876	***
DT6	<--- Daya_Tindak	.327	.020	15.979	***
DT2	<--- Daya_Tindak	.822	.054	15.301	***
DT1	<--- Daya_Tindak	1.000			

*** signifikan pada aras 0.01

Jadual 25 :Estimasi Standardized Regression Weights untuk CFA

	Estimate
SR4 <--- Sikap_Resilien	.682
SR6 <--- Sikap_Resilien	.676
SR7 <--- Sikap_Resilien	.707
AK1 <--- akulturasi	.665
AK2 <--- akulturasi	.615
AK3 <--- akulturasi	.564
AK5 <--- akulturasi	.509
DT6 <--- Daya_Tindak	.721
DT2 <--- Daya_Tindak	.691
DT1 <--- Daya_Tindak	.848

Hasil nilai Chi-square 77.965 dengan $p = 0.00$ menunjukkan bahawa model telah fit. Begitu juga dengan kriteria fit lainnya GFI, AGFI, TLI nilainya di atas 0.90 sesuai dengan yang dicadangkan dan nilai RMSEA 0.053 dibawah 0.08. nilai loading factor semuanya sudah signifikan dan semua memiliki nilai loading di atas 0.5 (rujuk jadual 24 dan 25)

Estimasi Persamaan Full Model

Setelah dilakukan analisis konfirmatori langkah selanjutnya adalah melakukan estimasi model full structural yang hanya memasukkan indikator yang telah diuji dengan konfirmatori. Berikut ini adalah hasilnya (rajah13) :

FULL MODEL STRUKTURAL : SIKAP RESILIENSI REMAJA SEKOLAH

Chi squares=177.778

Probability=.000

GFI=.944


AGFI=.909

TLI=.895

CFI=.923

RMSEA=.073

CMIN/DF=3.704



Rajah 13 : Full model struktural

Model persamaan struktural ini ternyata telah memenuhi kriteria model fit iaitu ditunjukkan dengan nilai chi-square= 177.778 dengan probabilitinya $p= 0.000$. begitu juga dengan nilai criteria yang lainnya seperti GFI= 0.902, AGFI=0.909, TLI = 0.895, CFI = 0.923 yang kebanyakan nilainya di atas 0.90 dan juga nilai RMSEA = 0.073 di bawah kriteria yang disyaratkan kurang dari 0.08. maka dapatlah di buat kesimpulan bahawa model persamaan struktural adalah fit

Normaliti

Andaian asas dalam SEM dan ujian statistik melibatkan taburan data yang normal. Dengan itu normaliti multivariat bagi pemboleh ubah yang terdapat dalam model ini ditentukan terlebih dahulu. Normaliti multivariat mengandaikan bahawa semua pemboleh ubah dan kombinasi semua pemboleh ubah dalam taburan normal. Taburan yang normal analisis multi variat setiap pemboleh ubah dikira normal apabila nilai *skewness* dan *kurtosis* adalah sifar (Anderson & Gerbing, 1988).

Sebelum analisis normaliti menggunakan perisian Amos, hasil ujian normaliti menggunakan perisian SPSS didapati semua item yang dikaji memenuhi taburan normal. Taburan normaliti bagi setiap pemboleh ubah berkenaan dianalisis menggunakan perisian Amos bagi menentukan nilai *skewness* dan *kurtosis* bagi setiap pemboleh ubah terlibat. Jadual 26 di bawah memaparkan ringkasan nilai *skewness* dan *kurtosis* serta multivariat.

Jadual 26 : Normaliti Pemboleh ubah

Variable	skew	c.r.	kurtosis	c.r.
adaptif	-.127	-1.173	.718	3.309
Sikap hubungan bangsa	-.068	-.623	.122	.563
Amalan kepercayaan kesihatan	.065	.600	-.075	-.347
keagamaan	-.193	-1.781	.937	4.321
spritualiti	-.072	-.666	-.714	-3.292
spritual	-1.039	-9.578	4.114	18.966
Amalan dan keyakinan	-.192	-1.774	.230	1.061
Keutamaan sesuatu perkara	-.394	-3.635	.028	.128
Kepercayaan amalan agama	3.035	27.980	26.591	122.580
umum	.076	.697	.472	2.176
moraliti	.423	3.904	.525	2.422
inisiatif	.394	3.632	.218	1.004
Multivariate			74.011	45.591

Pada peringkat univariat, nilai normal bagi *skewness* dan *kurtosis* seharusnya antara +2 hingga -2 (Anderson & Gerbing, 1988). Jadual 26 memaparkan kebanyakan pemboleh ubah berada dalam lingkungan taburan normal. Kebanyakan pemboleh ubah adalah pencong negatif melainkan pemboleh ubah Resiliensi umum, moraliti, inisiatif dan kepercayaan amalan agama

Sementara nilai *kurtosis* kebanyakan item adalah mempunyai nilai positif. Analisis multinormaliti terhadap data menggunakan anggaran normal koefisien Mardia's (1974) yang terdapat dalam perisian AMOS turut dilaksanakan. Statistik Mardia adalah berdasarkan fungsi *skewness* dan *kurtosis* pemboleh ubah dalam kajian ini.

Jadual 26 juga menunjukkan nilai *kurtosis* bagi multivariat, iaitu 74.011 merupakan nilai koefisien Mardia. Nilai ini perlu dibandingkan dengan nilai kritikal (c.r), iaitu 45.591. Jika nilai koefisien Mardia rendah daripada nilai kritikal (c.r) maka data dikategorikan sebagai multivariat yang normal. Dalam hal ini, nilai koefisien Mardia, 74.011 adalah lebih besar daripada nilai kritikal (c.r), 45.591. Dalam hal ini taburan data bagi sampel ini adalah kurang normal, ini perlu dijalankan langkah-langkah bootstrapping bagi memastikan normaliti data, model cadangan kajian ini dinilai bagi menentukan kesepadanan model (*model fit*).

Analisis *model fit* Model Cadangan

Analisis taburan normaliti jelas menunjukkan bahawa sampel data ini adalah berada dalam taburan tidak normal bagi peringkat multivariat. Keadaan ini memungkinkan statistik khai kuasa dua untuk keseluruhan *fit* model akan bertambah dan *standard error* yang digunakan untuk menguji signifikan daripada anggaran setiap parameter akan menuntun (Anderson & Gebing, 1988). Bagi menangani masalah ini, penyelidik menggunakan perisian Amos untuk menganalisis (ACITS, 2000):

- i. menggunakan *Boostrapping* bagi menentukan kaedah anggaran yang sesuai digunakan;
- ii. melakukan triangulasi lebih daripada satu kaedah bagi memilih kaedah yang terbaik;
- iii. menilai *fit* model keseluruhan dengan menggunakan pembetulan nilai – p Bollen-Stine; dan

- iv. menggunakan *Bootstrapping* untuk menghasilkan anggaran parameter yang terbaik, *standard error* daripada anggaran parameter dan ujian yang signifikan bagi setiap parameter.

Membandingkan Kaedah Anggaran Menggunakan *Bootstrapping*

Hasil daripada *Bootstrapping* dengan mengambil kira kaedah yang berbeza amat memberikan kelebihan jika dapat dibandingkan kerana jurang antara momen populasi dan *implied momen* daripada model juga bergantung kepada *Bootstrapping* (Arbuckel, 2007). Sampel *Bootstrap* yang sama digunakan bagi membanding semua penganggar yang berbeza bagi melihat perbezaan yang wujud.

Bagi melihat perbezaan tersebut, empat penganggar yang sesuai dalam analisis ini digunakan iaitu *Asymptotically Distribution Free* (ADF), *Maximum Likelihood Estimation* (ML) dan *Generalized Least Squares* (GLS) dan *unweighted Least Square* (ULS). Dengan itu, analisis akan dijalankan sebanyak empat kali bagi setiap pusingan dengan menggunakan kaedah yang berlainan. Jadual 14 menunjukkan perbezaan menggunakan penganggar yang berbeza.

Jadual 27: Model Cadangan Menggunakan Penganggar *Boostrapping*

Kaedah Anggaran	Purata Diskripsi Populasi			
	ADF	ML	GLS	ULS
ADF	246.86 (0.546)	684.73 (9.97)	278.86 (1.59)	541403.294 (17980.140)
ML	372.291 (1.199)	253.316 (1.498)	272.768 (1.603)	155161.805 (2348.290)
GLS	260.192 (.572)	381.353 (2.794)	210.430 (1.061)	203178.459 (2627.610)
ULS	448.846 (1.743)	311.266 (2.718)	320.538 (1.772)	137727.930 (2318.712)

Berdasarkan Jadual 27 di atas, lajur pertama dilabelkan sebagai ADF menunjukkan pencapaian secara relatif daripada empat kaedah anggaran mengikut jurang perbezaan (*discrepancy*) populasi ADF. Oleh kerana 246.86 adalah purata jurang perbezaan terkecil dalam lajur ADF, maka ADF adalah kaedah penganggar terbaik mengikut kriteria ADF. Begitu juga bagi penganggar ML dan GLS yang menjadi kaedah terbaik bagi kriteria masing-masing. Ini berbeza bagi ULS yang tidak menunjukkan perkara yang sama.

Dalam hal ini, ADF, ML dan GLS menunjukkan purata jurang perbezaan terendah yang menggambarkan bahawa ketiga-tiga penganggar ini adalah penganggar yang sesuai untuk digunakan bagi analisis seterusnya. Bagi mengesahkan lagi pilihan terbaik antara ketiga-tiga penganggar berkenaan,

langkah triangulasi yang melibatkan ADF, ML dan GLS dijalankan menggunakan *Boostrapping Bollen-Stine*.

Triangulasi

Triangulasi dilakukan dengan melibatkan lebih daripada satu kaedah anggaran bagi memastikan dapatan yang diperolehi adalah lebih menyeluruh. Jadual 28 menunjukkan nilai *fit* bagi model cadangan.

Jadual 28: *Goodness of Fit* Model Cadangan

	χ^2	df	p	GFI	TLI	RMSEA	CMIN/DF
ML	177.778	48	0.000	0.944	0.895	0.073	3.704
GLS	147.778	48	0.000	0.952	0.684	0.064	3.079
ADF	188.781	48	0.000	0.908	0.595	0.076	3.933

Bollen-Stine Bootstrapping

Sebagai pengesahan penolakan model oleh sampel, *Bollen-Stine Bootstrapping* telah dijalankan sebanyak 1000 kali bagi taburan data multivariat yang tidak normal. Hasil daripada analisis *Bollen-Stine Bootstrapping* terdiri daripada tiga bahagian. Antaranya mengandungi maklumat diagnostik. Jadual 29 menunjukkan maklumat analisis tersebut.

Jadual 29 : *Bollen-Stine Bootstrapping* Model Cadangan

	χ^2	df	p	Mean	S.E
ML	177.778	48	0.001	57.156	0.423
GLS	147.778	48	0.001	55.949	0.413
ADF	188.781	48	0.001	59.500	0.459

Modifikasi model

SEM memberikan peluang kepada penyelidik dengan analisis yang lengkap untuk menilai serta mengubahsuai model teoritikal (Anderson & Gerbing, 1988) khususnya dalam menguji dan membangunkan teori. AMOS akan mencadangkan pengubahsuaian dalam analisis tunggal menerusi kemudahan *modification indices* (MI) seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 30.

MODEL STRUKTURAL : SIKAP RESILIENSI REMAJA SEKOLAH

Chi squares=139.886

Probability=.000

GFI=.957


AGFI=.929

TLI=.923

CFI=.945

RMSEA=.062

CMIN/DF=2.976



Rajah 14: Model modifikasi

Jadual 30: *Modification Indices Terhadap Model Cadangan*

Hubungan	MI	<i>Par chanrge</i>
<i>Regression weight</i> e17<--> e24	33.856	3.054

Indek modifikasi boleh digunakan bagi mengubah sturuktur model untuk meningkatkan ukuran *fit* model. Dalam hal ini, nilai χ^2 dapat dikurangkan bagi menjadikan model lebih *fit*. Jadual 17 menunjukkan cadangan MI bagi ujian asal dan ujian yang diubah suai dengan menambah spesifikasi jalur e17<--> e24. Jika penambahan jalur terhadap spesifikasi model, nilai χ^2 akan akan menurun sekurang-kurangnya pada 33.856. Pengubahsuaian spesifikasi model dijalankan kerana ia adalah berasaskan teoritikal yang logik. Pengubahsuaian tidak hanya berasaskan kepada pertimbangan statistik semata-mata tetapi mengambil kira pertimbangan teori (Anderson & Gerbing, 1988).

Hasil pengubahsuaian terhadap model yang dicadangkan dengan menambahkan jalur e17<--> e24, maka pengujian semula terhadap modifikasi model perlu dijalankan semula bagi memastikan model adalah *fit*.

Analisis modifikasi model

Analisis *model fit* modifikasi model

Model yang telah diubah suai (modifikasi) telah diuji semula untuk memastikan model *fit* menggunakan kaedah anggaran *maximum likelihood* (ML). Jadual 31 di bawah menunjukkan ringkasan analisis terhadap model ubah suai.

Jadual 31: Model Ubahsuai Menggunakan Penganggar *Boostrapping*

Kaedah Anggaran	Purata Diskripsi Populasi			
	ADF	ML	GLS	ULS
ADF	216.923 (.560)	498.526 (6.402)	245.407 (1.406)	323414.579 (6295.032)
ML	310.486 (1.103)	216.594 (1.494)	232.096 (1.496)	143218.367 (2372.408)
GLS	229.357 (.571)	312.028 (2.746)	194.290 (1.080)	180563.998 (2499.750)
ULS	391.316 (1.597)	275.471 (2.706)	277.066 (1.661)	131450.666 (2318.936)

Trianggulasi

Trianggulasi dilakukan dengan melibatkan lebih daripada satu kaedah anggaran bagi memastikan dapatan yang diperolehi adalah lebih menyeluruh. Jadual 32 menunjukkan nilai *fit* bagi model ubahsuai.

Jadual 32 : *Goodness of Fit Model ubahsuai*

	χ^2	df	p	GFI	TLI	RMSEA	CMIN/DF
ML	139.886	47	0.000	0.957	0.923	0.062	2.976
GLS	130.238	47	0.000	0.957	0.730	0.059	2.771
ADF	158.011	47	0.000	0.923	0.674	0.068	3.362

Bollen-Stine Bootstrapping

Sebagai pengesahan penolakkan model oleh sampel, *Bollen-Stine Bootstrapping* telah dijalankan sebanyak 1000 kali bagi taburan data multivariat yang tidak normal. Hasil daripada analisis *Bollen-Stine Bootstrapping* terdiri daripada tiga bahagian. Antaranya mengandungi maklumat diagnostik. Jadual 33 menunjukkan maklumat analisis tersebut.

Jadual 33 : *Bollen-Stine Bootstrapping Model Cadangan*

	χ^2	df	p	Mean	S.E
ML	139.886	47	0.000	56.228	0.449
GLS	130.238	47	0.000	54.891	0.428
ADF	158.011	47	0.000	58.110	0.459

Model Parsimoni

Model parsimoni merujuk kepada anggaran sejumlah parameter yang diperlukan bagi menentukan model yang *fit* (Schumacker & Lomax, 2004). Dalam hal ini, jalur yang dihubungkan dalam model parsimoni ini hanya mengambil kira jalur yang mempunyai hubungan yang signifikan berdasarkan model yang telah diubah suai. Sementara jalur yang tidak memiliki nilai yang signifikan digugurkan.

Analisis Model Fit Model Parsimoni

Model yang telah diubah suai (modifikasi) telah diuji semula untuk memastikan model *fit* menggunakan kaedah anggaran *maximum likelihood* (ML). Jadual 34 di bawah menunjukkan ringkasan analisis terhadap model parsimoni.

Jadual 34: *Goodness of Fit* Model Parsimoni

Maksimum Likelihood (ML)						Bollen-Stine Bootstrap		
χ^2	df	P	GFI	TLI	RMSEA	Min	S.E	P
110.671	47	0.000	0.965	0.943	0.054	53.760	0.444	0.001

Jadual 34 di atas menunjukkan nilai χ^2 bagi model ubah suai. model asal, $\chi^2 = 177.778$ dengan $df = 48$ dan nilai $p = 0.076$ hasil dan ubah suai $\chi^2 = 110.671$ dengan $df = 47$ dan $p = 0.000$. Nilai χ^2 menunjukkan bahawa model kedua-dua ujian ini adalah adalah *fit*. Ukuran dalam menentukan model ini *fit* juga menunjukkan nilai $GFI = 0.965$, $TLI = 0.943$ yang memenuhi kriteria *fit* iaitu lebih daripada 0.9 dan nilai $RMSEA = 0.054$ di bawah nilai 0.08 (Schumacker & Lomax, 2004).

Pengujian soalan soalan kajian

Setelah model keseluruhan telah diuji bagi menentukan *model fit* dengan data utama, model ini juga diuji bagi memastikan sama ada model ini *fit* data berdasarkan kumpulan sampel lokasi sekolah luar bandar dan sekolah bandar. Sampel pelajar terdiri daripada masing-masing 305 orang responden dari sekolah

luar bandar dan 205 dari sekolah bandar. Analisis serentak juga dijalankan bagi menguji kumpulan pelajar mengikut jantina, tempat tinggal dan jenis sekolah. Analisis secara serentak bagi kedua-dua kumpulan telah dijalankan dengan menggunakan perisian Amos yang mampu untuk menentukan model *fit* dengan data daripada pelbagai kumpulan dalam satu masa. Kelebihan menggunakan analisis *SEM* bagi tujuan analisis dua sampel data secara serentak ialah dapat:

1. menghasilkan parameter yang lebih tepat berbanding dengan analisis secara terpisah untuk setiap kumpulan, dan
2. menghasilkan ujian yang lebih signifikan seandainya terdapat perbezaan antara kumpulan pelajar luar bandar dan pelajar bandar.

(Arbuckel & Wothke, 1999)

Analisis Menyeluruh Model Fit Mengikut Kumpulan Pelajar dari sekolah Lokasi Luar Bandar Dan Bandar

Analisis secara serentak bagi kedua-dua kumpulan responden luar bandar dan bandar ini bertujuan memastikan sama ada model yang diubah suai adalah secocok dengan kedua-dua kumpulan. Jadual 35 menunjukkan dapatan daripada analisis yang dijalankan oleh AMOS.

Jadual 35: *Goodness of Fit* Model ubahsuai

Maksimum Likelihood (ML)						Bollen-Stine Bootstrap		
χ^2	df	P	GFI	TLI	RMSEA	Min	S.E	P
215.106	94	0.000	0.935	0.902	0.050	112.82	0.653	0.001

Berdasarkan jadual 35 nilai statistik *likelihood ratio chi-square* (model Asal, $\chi^2=256.397$, $df=96$, $p=0.000$ dan Ujian Ubah suai, $\chi^2=215.106$ $df=94$, $p=0.000$) menunjukkan bahawa kedua – dua model ini adalah *fit* bagi kedua-dua data kumpulan responden luar bandar dan bandar. Nilai *RMSEA* ialah 0.057 (model asal) dan 0.050 (model ubah suai) turut menunjukkan model ubah suai ini *fit* bagi kedua-dua kumpulan dengan nilai *TLI* 0.873 (model asal) dan 0.902 (model ubah suai) melepasi nilai marginal (0.9) yang jelas memberikan gambaran bahawa model ubah suai ini dapat diterima bagi menjelaskan kedua-dua kumpulan responden ini dengan baik.

Jadual 36: *Goodness of Fit* Model Cadangan

	χ^2	df	p	GFI	TLI	RMSEA
Model Asal	256.397	96	0.000	0.922	0.873	0.057
Model Ubah suai	215.106	94	0.000	0.935	0.902	0.050

Berdasarkan Jadual 36 menunjukkan bahawa keputusan anggaran menggunakan *Maximum Likelihood* setelah menambahkan jalur DT6 $\leftrightarrow$ PA2 menunjukkan ukuran model lebih *fit* berbanding sebelum dibuat penambahan jalur. Walaupun begitu nilai bagi model ubahsuai lebih *fit* dengan data berbanding dengan model asal.

Daripada ujian serentak yang menunjukkan model adalah *fit* ini menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan antara kumpulan pelajar luar bandar dan bandar.

Oleh itu soalan kajian yang dibuat bahawa adakah terdapat perbezaan antara kedua-dua kumpulan pelajar mengikut lokasi luar bandar dan bandar adalah ditolak. Ini menunjukkan terdapat faktor yang berbeza dalam menerangkan sikap resiliensi bagi pelajar lokasi luar bandar dan bandar

Analisis Menyeluruh Model *Fit* Jantina Lelaki Dan Perempuan

Analisis ini bertujuan untuk memastikan sama ada model yang diubah suai adalah *fit* mengikut kumpulan jantina. Memandangkan jantina adalah pemboleh ubah diskret, ia adalah sesuai bagi SEM untuk membandingkan kumpulan pelajar lelaki (N = 217) dan kumpulan pelajar perempuan (N = 293).

Jadual 37 menunjukkan keputusan hasil anggaran menggunakan *Maximum Likelihood*. Statistik *Maximum Likelihood* menunjukkan model *fit* dengan data bagi kedua-dua kumpulan lelaki dan perempuan bagi model Asal ($\chi^2 = 233.94$, df= 96, p = 0.000) dan Ujian Ubah suai ($\chi^2 = 198.315$, df= 94, p = 0.000). Nilai RMSEA kedua-dua jantina bagi kedua-dua ujian adalah kurang daripada 0.05 yang menunjukkan model adalah *fit*. Begitu juga nilai TLI yang melebihi daripada 0.90

Jadual 37: *Goodness of Fit* Model mengikut jantina

Maksimum Likelihood (ML)						Bollen-Stine Bootstrap		
χ^2	df	P	GFI	TLI	RMSEA	Min	S.E	P
198.315	94	0.00	0.940	0.916	0.047	113.89	0.667	0.001

Keadaan ini menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan antara kumpulan pelajar mengikut jantina. Oleh sebab data kedua-dua kumpulan adalah *fit* dengan model, maka dapat disimpulkan bahawa kedua-dua kumpulan data adalah daripada populasi yang sama. Dengan itu, soalan kajian yang dibina yakni, tidak terdapat perbezaan antara kedua-dua kumpulan jantina dianggap benar. Dalam hal ini, model ini dapat menerangkan sikap resiliensi dalam kalangan pelajar lelaki dan pelajar perempuan.

Analisis Menyeluruh Model Fit Mengikut Kumpulan Pelajar dari Tempat Tinggal dari kawasan Bandar Dan Luar Bandar

Analisis secara serentak bagi kedua-dua kumpulan responden luar bandar dan bandar ini bertujuan memastikan sama ada model yang diubah suai adalah secocok dengan kedua-dua kumpulan. Jadual 38 menunjukkan dapatan daripada analisis yang dijalankan oleh AMOS.

Jadual 38: *Goodness of Fit Model ubahsui*

Maksimum Likelihood (ML)						Bollen-Stine Bootstrap		
χ^2	df	P	GFI	TLI	RMSEA	Min	S.E	P
230.45	94	0.000	0.931	0.893	0.053	110.95	0.645	0.001

Berdasarkan jadual 38, nilai statistik *likelihood ratio chi-square* (model Asal, $\chi^2=273.009$, $df=96$, $p=0.000$ dan model Ubah suai, $\chi^2=230.45$ $df=94$, $p=0.000$) menunjukkan bahawa kedua-dua model ini adalah *fit* bagi kedua-dua data kumpulan responden luar bandar dan bandar. Nilai *RMSEA* ialah 0.060 (model asal) dan 0.053 (model ubah suai) turut menunjukkan model ubah suai ini *fit* bagi kedua-dua kumpulan dengan nilai *TLI* 0.865 (model asal) dan 0.893 (model ubah suai) tidak melepasi nilai kritikal (0.95) yang jelas memberikan gambaran bahawa model ubah suai ini dapat diterima bagi menjelaskan kedua-dua kumpulan responden ini dengan baik.

Analisis Menyeluruh Model Fit Mengikut Kumpulan Pelajar Sekolah Elit, Premier dan Agama.

Jadual 39 menunjukkan keputusan hasil anggaran menggunakan *Maximum Likelihood*. Statistik *Maximum Likelihood* menunjukkan model *fit* dengan data bagi ketiga-tiga kumpulan pelajar mengikut kategori sekolah bagi model asal ($\chi^2 = 357.870$, $df = 147$, $p = 0.000$) dan model ubah suai ($\chi^2 = 305.474$, $df = 144$, $p = 0.000$). Nilai RMSEA adalah kurang daripada 0.05 yang menunjukkan model adalah *fit*. Begitu juga nilai GFI yang melebihi daripada 0.90.

Jadual 39: *Goodness of Fit Model*


Maksimum Likelihood (ML)						Bollen-Stine Bootstrap		
χ^2	df	P	GFI	TLI	RMSEA	Min	S.E	P
305.47	144	0.000	0.914	0.877	0.047	166.77	0.870	0.001

SEM dengan hubungan moderasi

Soalan kajian adalah ingin melihat hubungan moderasi yang mana faktor protektif adalah sebagai variabel moderator, manakala daya tindak dan akulturasi sebagai variabel prediktor. Program Smart PLS digunakan untuk menjawab dan menjelaskan soalan-soalan kajian berikut:

1. Adakah pengaruh daya tindak remaja terhadap sikap resilien akan tinggi jika Faktor Protektif (keagamaan, teras kepercayaan dan spiritual) tinggi, dan akan rendah jika faktor protektifnya rendah.
2. Adakah pengaruh akulturasi remaja terhadap sikap resilien akan tinggi jika faktor protektif (keagamaan, teras kepercayaan dan spiritual) tinggi, dan akan rendah jika faktor protektifnya rendah.
3. Adakah pengaruh akulturasi remaja terhadap daya tindak akan tinggi jika faktor protektif (keagamaan, teras kepercayaan dan spiritual) tinggi, dan akan rendah jika faktor protektifnya rendah.

Program SmartPLS telah digunakan untuk menentukan pengaruh moderasi dan seterusnya bagi mendapatkan nilai faktor muatan (*Loading factor*), *Composite Reliability* dan *R Square* antara variabel yang di kaji secara menyeluruh. Penjelasan hubungan antara konstruk konstruk moderasi ini dapat dirujuk pada rajah 9 di bawah :



Rajah15 : Model Moderasi

Dalam SEM terdapat beberapa metod yang dapat digunakan untuk menilai pengaruh moderasi. Salah satu metod termudah dan dapat mengestimasi pengaruh moderating pada SEM yang kompleks adalah metod Ping (1995), Ping menyatakan bahwa indikator tunggal seharusnya digunakan sebagai indikator dari suatu

variable moderating. Indikator tunggal tersebut merupakan perkalian antara indikator variabel laten exogen dengan indikator variable moderatornya. Output Secara grafiknya boleh di lihat dalam rajah 15 di atas.

Variabel moderasi adalah variabel independen yang akan memperkuat atau melemahkan hubungan antara variabel independen lainnya terhadap variabel dependen . Dalam rajah 15, variabel faktor protektif merupakan variabel moderating oleh kerana dapat memperlemah atau memperkuat hubungan antara daya tindak , akulturasi dengan sikap resilien serta akulturasi dengan daya tindak.

Merujuk kepada rajah 9, soalan kajian adalah terjawab, dimana:

1. Pengaruh Daya Tindak (predictor) terhadap Sikap resilien akan tinggi jika Faktor Protektif (keagamaan,teras kepercayaan dan spiritual) iaitu moderator tinggi, dan akan rendah jika faktor protektifnya adalah rendah. ini bermakna hubungan antara Daya Tindak (prediktor) dengan sikap Resiliensi dipengaruhi oleh Faktor protektif (moderator) iaitu sebanyak 0.940 faktor muatannya (*loading factor*).
2. Pengaruh Akulturasi (predictor) terhadap Sikap resilien adalah negatif jika Faktor Protektif iaitu moderator adalah tinggi, dan akan rendah jika factor protektifnya adalah rendah. ini bermakna hubungan antara akulturasi (predictor) dengan sikap Resiliensi dipengaruhi oleh Faktor protektif (moderasi) iaitu sebanyak -0.070 faktor muatannya.

3. Pengaruh Akulturasi (predictor) terhadap Daya tindak adalah negatif jika Faktor Protektif sebagai moderatornya, ini bermakna hubungan antara akulturasi (predictor) dengan daya tindak dipengaruhi oleh Faktor protektif (moderasi) yaitu sebanyak -0.234 faktor muatannya

Jadi, dapatan dari analisis yang dijalankan dengan Program SmartPLS (*Partial Least Square*) menunjukkan Faktor Protektif berasaskan keagamaan adalah moderasi penting perhubungan antara Daya Tindak dengan Sikap Resiliensi, seperti yang ditunjukkan dalam rajah 9. Ini membuktikan bahawa semakin tinggi faktor protektif maka semakin meningkat hubungan Daya Tindak dengan Sikap resiliensi.

Menilai outer model

Outer model dinilai dengan cara melihat nilai convergent validity (besarnya loading factor untuk masing-masing konstruk. Loading factor di atas 0.7 sangat direkomendasikan, namun demikian loading factor 0.5-0.6 masih dapat ditoleransikan sepanjang model masih dalam tahap pengembangan dan penerokaan. Loading untuk masing-masing indikator cukup reliabel tidak ada *factor loading* yang nilainya di bawah 0.50. disamping itu dapat juga dilihat dari *discriminant validity* yaitu dengan cara melihat *cross loading factor*. Korelasi indikator dengan konstraknya lebih besar dibandingkan korelasi antara indikator lainnya. Terbukti bahawa cross loading memberikan *discriminant validity* yang baik. Berikut ini adalah paparan output yang sudah disusun untuk interpretasikan.

Masing-masing loading faktor ini signifikan secara statistik pada 0.05. hal ini dapat dilihat dari nilai *T statistic obtained* masing-masing indikator jauh di atas nilai *T table* 1.96.

Outer model juga dilihat dari segi *composite reliability* dari konstruk. Hasil untuk masing-masing konstruk dipaparkan pada jadual 40 di bawah:

Jadual 40: Composite Reliability

	<i>Composite Reliability</i>
Akulturasi	0.815025
Akulturasi * Faktor protektif	0.950273
Akulturasi * Faktor protektif	0.949412
Daya tindak	0.779769
Daya tindak * Faktor protektif	0.933226
Faktor protektif	0.698050
Sikap Resiliensi	0.835168

Konstruk-konstruk dalam model moderasi sangat reliabel kerana memiliki composite reliabiliti yang tinggi, kebanyakan melebihi 0.70. Ini dapat menguatkan lagi kesahan dan kebolehpercayaan hasil hubungan moderasi diantara konstruk-konstruk yang dikaji.

Menilai inner model atau model strukturalnya

Inner model ingin melihat hubungan antara konstruk dan nilai signifikan serta R-square seperti didalam jadual 41 di bawah:

Jadual 41: R Square

	R Square
Akulturas	0.165101
Akulturas * Faktor protektif	
Akulturas * Faktor protektif	
Daya tindak	0.442177
Daya tindak * Faktor protektif	
Faktor protektif	
Sikap Resiliensi	0.581401

Nilai R-Square sebesar 0.165 bererti variabel konstruk akulturas dapat dijelaskan oleh konstruk faktor protektif sebesar 16.5%. Nilai R-Square sebesar 0.442 bererti variable konstruk daya tindak dapat dijelaskan oleh konstruk akulturas dan faktor protektif sebesar 44.2%, begitu juga nilai R-Square sebesar 0.581 bererti variabel konstruk Sikap Resiliensi dapat dijelaskan oleh konstruk akulturas, faktor protektif, daya tindak dan moderasi sebesar 58.1%

Uji hubungan antara konstruk menunjukkan hanya Faktor protektif -> Akulturas iaitu signifikan pada 0.05 (T lebih besar dari 1.96) sedangkan konstruk yang lain tidak mempengaruhi sikap resilien ($T < 1.96$).

SEM dengan anggaran (estimasi) Bayesian


Pada analisis terdahulu estimasi SEM menggunakan estimasi *maximum likelihood*. Pengujian hipotesis dengan estimasi *maximum likelihood* mengasumsikan bahawa nilai sesungguhnya dari model parameter adalah tetap (*fixed*) dan tidak diketahui (*unknown*). Sedangkan estimasi atau anggaran parameter dari sampel bersifat rawak dan diketahui nilainya. Pendekatan alternatif dengan model statistik Bayesian memandang bahawa setiap kuantiti yang tidak diketahui nilainya sebagai variabel rawak dan diberikan distribusi probabilitinya.

Berdasarkan pandangan Bayesian, model parameter yang sesungguhnya tidak diketahui dan dianggap rawak oleh hal yang demikian perlu diberi *joint probability distribution*. Distribusi probability ini dimaksudkan sebagai ringkasan dari keadaan pengetahuan kita (*state of knowledge*) atau dalam hal ini adalah nilai parameter. Distribusi dari parameter yang datanya belum diketahui disebut *prior distribution*. Setelah data diketahui dan bukti yang disediakan oleh data digabungkan dengan *prior distribution* dikenal dengan nama Bayes' Theorem. Hasilnya adalah distribusi parameter yang telah di kemaskini dan disebut dengan posterior distribusi yang menggambarkan gabungan antara kepercayaan awal (*prior belief*) dan bukti empiris (*empirical evidence*) (Bolstad, 2004)

Dalam kajian, data-data yang diperolehi diuji hipotesis nolnya iaitu tidak ada kovarian antara variabel kemahiran berdaya tindak dan variabel sikap resilien.

Berdasarkan hasil estimasi *maximum likelihood* besarnya nilai parameter unstandardized kovarian antara daya tindak dan sikap resilien adalah 9.514 (lihat jadual 42) sedangkan nilai standardized parameter 0.53 dengan nilai probabiliti 0.004 atau signifikan pada 5% yang bererti hipotesis nol ditolak dan ada terdapat hubungan antara daya tindak dan sikap resilien (rujuk rajah 16).

Pengujian kovarian
 Chi squares=22.302
 Probability=.004
 TLI=.970
 RMSEA=.059
 CMIN/DF=2.788



Rajah 16 : Pengujian Kovarian

Jadual 42 : Kovarian Daya Tindak dengan sikap Resiliensi dengan estimasi maximum likelihood


	Estimate	S.E.	C.R.	P	Label
Daya_Tindak <--> Sikap_Resilien	9.514	1.221	7.789	***	par_1

*** Signifikan pada aras 0.01

Pada Bayesian, setiap baris adalah menggambarkan nilai model parameter marginal posterior distribution. Kolum pertama dengan label mean merupakan posterior mean yang merupakan purata nilai distribusi posterior dan nilai ini dapat digunakan sebagai estimasi parameter Bayesian dengan jumlah data yang besar posterior mean akan cenderung mendekati nilai estimasi menurut maximum likelihood. Bandingkan nilai parameter kovarian menurut estimasi maximum likelihood sebesar 9.514 sedangkan menurut estimasi Bayesian sebesar 9.463 kedua-dua hasil ini tidak begitu jauh berbeza (rujuk jadual 43).

Jadual 43: Kovarian Daya Tindak dengan sikap Resiliensi dengan estimasi Bayesian


Covariances	Mean	S.E.	S.D.	C.S.	95%	95%	Skewness	Kurtosis	Min	Max
					Lower bound	Upper bound				
Daya_Tindak<>Sikap_Resilien	9.463	0.050	1.216	1.001	7.254	12.013	0.246	0.076	5.419	14.338



Rajah 17: Posterior Distribusi Kovarian Daya Tindak dengan Sikap Resiliensi

Berdasarkan rajah 17 plot di atas, distribusi sepertiga pertama dan terakhir dari sampel hampir dikenal pasti yang bererti telah berhasil mengidentifikasi pentingnya distribusi posterior dari kovarian daya tindak dan sikap resilien. Nilai posterior distribusi ada ditengah kira-kira bernilai 9.0 yang sesuai dengan nilai mean parameter 9.463. perlu dicatat bahawa sebahagian besar nilai sampel ada disebelah kanan 0. Hal ini menandakan bahawa nilai yang sebenar dari parameter kovarian adalah positif, dan hasilnya adalah signifikan pada 5% kerana proposi nilai sampel yang ada disebelah kiri nilai 0 sangat kecil. Maka hipotesis nol dapat ditolak kerana signifikan pada aras 5% .

Grafik lain yang dapat digunakan untuk melihat apakah telah terjadi konvergensi adalah *trace plot* atau kadangkala disebut juga *time-serie plot* rujuk rajah 18 yang menunjukkan nilai parameter sampel sepanjang waktu. Rajah plot ini juga menunjukkan gambar yang ideal yang memberikan gambaran variasi naik dan turun dan tidak terdapat grafik yang melonjak (*drift*) atau trend jangka panjang. Hal ini bererti telah terjadi konvergensi seperti juga terlihat pada plot sebelumnya.



Rajah 18: Bayesian Plot Trace Kovarian Daya Tindak dengan Sikap Resiliensi

Kesimpulan

Secara keseluruhannya Bab 4 ini telah memaparkan dapatan analisis kajian terhadap sikap resiliensi remaja. Umumnya, model telah diubah suai adalah lebih baik daripada model asal. Keadaan ini memberikan petunjuk bahawa terdapat item-item yang kurang sesuai dengan budaya, kepercayaan masyarakat tempatan. Item-item negatif yang digunakan adalah sebagai penerokaan .

Sementara analisis SEM pula menjelaskan bahawa sikap resiliensi memberikan kesan yang signifikan terhadap daya tindak, faktor protektif dan akulturasi, dapatan juga menunjukkan bahawa model yang diubah suai dalam kajian ini adalah *fit* bagi kedua-dua jantina, lokasi tempat tinggal, lokasi sekolah dan jenis sekolah.

BAB 5 : RUMUSAN DAN KESIMPULAN

Pengenalan

Tujuan utama penyelidikan ini adalah (1) untuk menentukan hubungan diantara sikap resilien dan daya tindak di kalangan pelajar remaja sekolah, (2) untuk meneliti faktor protektif yang dipercayai berperanan sebagai moderasi, dan (3) untuk mengenalpasti hubungan diantara akulturasi, daya tindak, sikap resilien dan faktor protektif (keagamaan, spiritualiti dan teras kepercayaan). Setiap perhubungan ini di interpretasikan dalam satu model yang dibina secara menyeluruh dan bersepadu.

Penyelidikan terdahulu mengukur hubungan diantara resilien dan daya tindak (*coping*) telah menghasilkan keputusan yang tidak pasti. Contohnya, Jew, Green and Koger (1999) menghasilkan hipotesis mengenai sifat semulajadi perhubungan ini, menggambarkan daripada “*Cognitive Appraisal*” “*Theory of Stress and Coping*” (Lazarus, & Folkman, 1984), Jew et al. mendefinisikan resilien sebagai satu sistem kepercayaan dan membuat hipotesis bahawa daya tindak (*coping*) muncul daripada sistem kepercayaan ini.

Mereka boleh membuat kesimpulan bahawa resilien sebenarnya dikaitkan secara kausal dengan daya tindak yang bangkit dari resilien. Jew et al. telah berupaya untuk mengenal pasti perbezaan mengenai resilien diantara orang dewasa yang dilaporkan terdedah kepada faktor risiko yang tinggi, dan orang dewasa yang mempunyai beberapa atau tiada faktor risiko, namun begitu, mereka tidak dapat mengenalpasti sebarang perbezaan dalam daya tindak yang boleh dihubungkan dengan tahap resilien yang tinggi atau rendah. Mereka

telah membuat kesimpulan bahawa adalah perlu kepada penyelidikan tambahan terhadap perhubungan diantara daya tindak (*coping*) dan resilien.

Kajian ini telah mencuba untuk meneruskan "*further advance*" pemahaman kepada hubungan diantara resilien, *coping*, akulturasi dan faktor protektif dengan menentukan sikap yang menunjukkan resilien dikalangan pelajar sekolah terkawal. Kajian ini adalah berbeza daripada kajian yang terdahulu dimana ia lebih menitik beratkan sikap yang menunjukkan resilien, berbanding yang terdahulu hanya berusaha untuk mengukur resilien secara langsung.

Sampel untuk kajian ini terdiri daripada 510 orang pelajar sekolah terkawal di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Tiga kumpulan pelajar telah diambil sampel dari jenis sekolah yang berbeza. Mereka termasuklah Sekolah Elit, Premier, dan Agama. Kebanyakan mereka adalah datang dari keluarga yang tahap sosioekonomi rendah dan mempunyai pelbagai tekanan dan kesusahan dalam kehidupan seperti penceraian, kematian ibubapa, persekitaran yang serba kekurangan tetapi mereka ini telah menunjukkan kecemerlangan dalam akademik dan kokurikulum yang amat membanggakan.

Tujuh instrumen telah digunakan untuk mengumpul data maklumat yang diperlukan. instrumen tersebut adalah: (1) COPE (Carver, Scheier & Weintraub, 1989), (2) Skala Aktiviti Coping Keagamaan (RCAS; pargament, Ensing Falgout, Olsen, Reilly, Van Haitsma & Warren, 1990), (3) Skala Keagamaan Multidimensional (MRS; Levin, Taylor. & Chatters, 1995), (4) Skala Teras Kepercayaan (CCS, dikembangkan khas untuk kajian ini), (5) Skala Akulturasi (Klonof & Landrine, 2000), (6) Skala Sikap Resiliensi Remaja (ARAS; Biscoe & Harris, 1994), serta (7) Soal selidik demografik yang dikembangkan khusus untuk kajian ini.

Semua instrumen (kecuali Skala Teras Kepercayaan serta Soal selidik Demografi) telah dipilih jika ia menepati kriteria berikut; (1) ia adalah empirikal, teoritikal, atau secara konsepnya diambil dengan beberapa bukti bagi kesahan dan kebolehppercayaan, (2) mereka mengukur kepercayaan, sikap, atau tingkah laku yang mungkin dapat membantu menjelaskan kelakuan kognitif serta dapat mengkonsepkan resilien dan daya tindak di kalangan pelajar remaja sekolah , (3) tindak balas patut diukur untuk digunakan di dalam analisis perhubungan dan model persamaan struktural (SEM); dan (4) arahan nya adalah mudah untuk di patuhi.

Bagi mengumpul maklumat demografi, 11-item soalan penilaian demografik telah diperkembangkan dan digunakan. Maklumat yang telah diminta adalah termasuk umur, jantina, lokasi tempat tinggal, bangsa, jenis sekolah dan lokasi, keputusan peperiksaan,

Instrumen kedua yang telah digunakan ialah COPE (Carver, Scheier & Weintraub, 1989). 60 item instrumen yang asal telah di adaptasikan untuk kajian ini bagi mengenalpasti konsep tindak balas *coping* yang berbeza. Item daripada skala ini telah digabungkan dengan item daripada Skala Aktiviti Coping Keagamaan (RCAS) dan faktor telah dianalisa untuk mempermudah analisis, dan juga untuk mewujudkan indikator untuk mewakili daya tindak bagi responden di dalam kajian ini. Tindak balas *Coping* dan Sikap yang Menunjukkan Resilien berfungsi sebagai (1) meramalkan variabel dan (2) hasil keputusan variabel dalam model-model yang telah dihasilkan dalam kajian ini.

Instrumen ketiga yang telah digunakan adalah Skala Aktiviti Coping Keagamaan (RCAS; Pargament, Ensing, Falgout, Olsen, Reilly, Van Haitisma & Warren, 1990). Skala 29 item yang asal telah diadaptasikan untuk kajian ini bagi mengenal pasti tiga konseptual yang

berhubung kait tetapi bergabung dengan adaptasi COPE untuk mempermudah analisis, dan untuk membentuk wakil ukuran untuk coping bagi sampel di dalam kajian ini.

Instrumen yang keempat yang telah digunakan adalah Skala Sikap Resiliensi Remaja (*Adolescent Resiliency Attitude Scale (ARAS)*; Biscoe & Harris, 1994). 67 item instrumen yang asal telah diadaptasikan untuk kajian ini bagi mengenalpasti sikap yang menunjukkan resilien. Instrumen itu telah diukur dengan membahagikan kepada 7 indikator utama seperti celikakal, berdikari, hubungan, inisiatif, kreatif dan humor, moraliti dan resiliensi umum.

Instrumen kelima yang telah digunakan ialah Skala Teras kepercayaan (CCS). Skala ini telah direka khas untuk kajian ini, dan terdiri daripada sepuluh item yang mencerminkan kepercayaan yang telah dipegang oleh masyarakat kita berkenaan tentang ketuhanan, kepercayaan, dan kehidupan.

Instrumen keenam yang telah digunakan dalam kajian ini ialah Skala Multi dimensi Keagamaan (MRS; Levin, Taylor, & Chatters, 1995). Tiga soalan yang telah ditapis keluar daripada instrumen 16 item yang asal dan telah digabungkan dengan sepuluh item dari Skala Teras kepercayaan untuk mewujudkan variabel yang dipanggil “Faktor Protektif Keagamaan (PA)”.

Instrumen yang ketujuh yang telah digunakan untuk kajian ini adalah Skala Akulturasi (Klonof & Landrine, 2000). Adalah penilaian 47 item mengenai betapa rapat atau hampir identiti seseorang individu dengan budaya bangsa mereka sendiri. Sembilan item daripada subskala Kepercayaan Keagamaan dan Pengamalan bagi instrumen ini telah digunakan untuk mewakili Kebudayaan Kepercayaan Keagamaan dan Pengamalannya dalam kajian ini.

Kaedah statistik yang telah digunakan dalam kajian ini termasuklah (1) analisis faktor pengesahan (*confirmatory factor analysis*) dan penerokaan untuk skala instrumen bagi menentukan konstruk laten dan (2) permodelan persamaan struktural dan laluan analisis untuk mendapatkan model yang *fit* dengan data kajian. Nilai signifikan.05 telah digunakan sebagai panduan untuk menjawab semua soalan kajian yang dikemukakan tetapi kesan saiz juga telah digunakan untuk mentafsir perhubungan dari segi kepentingannya.

Kesimpulan

Sikap resilien telah dikenal pasti sebagai kepercayaan bahawa seseorang itu boleh bertahan dan menjadikan sesuatu perkara itu lebih baik untuk dirinya dan orang lain. Kajian ini telah menemui suatu hubungan diantara sikap ini dengan tindak balas daya tindak (*coping*) bagi Adaptif, Spiritual dan Aplikasi Kepercayaan. Walau bagaimanapun, terdapat perhubungan negatif sikap resilien ini dengan akulturasi, dan ada perhubungan secara langsung diantara Sikap Resilien dan faktor protektif. Sebagai tambahan, kepercayaan protektif keagamaan didapati adalah penyelaras atau moderasi yang penting untuk perhubungan diantara Sikap Resilien dan daya tindak. Kepercayaan protektif keagamaan mungkin boleh menggalakkan penggunaan daya tindak spiritual dan aplikasi diantara pelajar yang mempunyai sikap resilien yang tinggi, serta kepercayaan protektif keagamaan yang tinggi mungkin boleh melindungi pelajar daripada kesan negatif yang menggunakan daya tindak (*coping*) tidak adaptif.

Merujuk kepada Model Persamaan Struktural yang dihasilkan, Secara keseluruhannya hasil dapatan kajian dirumuskan untuk menjawab soalan-soalan kajian seperti berikut:

1. Model ubahsuai yang telah dibina menunjukkan *fit* dengan data . Sikap resilien dan tindak balas daya tindak (*Coping*) mempunyai hubungan statistik yang bermakna. Hasil analisis AMOS yang ditunjukkan pada rajah 14 menunjukkan bahwa daya tindak (DT) berpengaruh positif dan signifikan terhadap sikap resiliensi (SR). Hal ini terlihat dari koefisien jalur yang bertanda positif sebesar 0,51 dengan nilai CR sebesar 4.24. Diperoleh probabiliti signifikansi (p) sebesar 0,000. Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0,05. Dengan demikian menjawab soalan kajian bahwa daya tindak (*coping*) berpengaruh signifikan terhadap sikap resiliensi terbukti. Besarnya pengaruh langsung dari PA terhadap SR sebesar 0,51, bererti setiap kenaikan Daya tindak (DT) maka akan meningkatkan Sikap Resiliensi (SR) sebesar 0,51.

2. Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara faktor protektif dengan sikap Resilien (0.62)

Hasil analisis AMOS yang ditunjukkan pada rajah 5 menunjukkan bahwa faktor protektif (PA) berpengaruh positif dan signifikan terhadap sikap resiliensi (SR). Hal ini terlihat dari koefisien jalur yang bertanda positif sebesar 0,62 dengan nilai CR sebesar 4.157. Diperoleh probabiliti signifikansi (p) sebesar 0,000. Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0,05. Dengan demikian menjawab soalan kajian bahwa faktor protektif berpengaruh signifikan terhadap

sikap resiliensi terbukti. Besarnya pengaruh langsung dari PA terhadap SR sebesar 0,62, berarti setiap kenaikan faktor protektif (PA) maka akan meningkatkan Sikap Resiliensi (SR) sebesar 0,62.

3. Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara Faktor Protektif dengan Daya Tindak (0.47)

Hasil analisis yang ditunjukkan pada rajah 11 menunjukkan bahwa faktor protektif (PA) berpengaruh positif dan signifikan terhadap daya tindak (DT). Hal ini dapat dilihat dari koefisien jalur yang menunjukkan nilai sebesar 0,47 dengan nilai CR sebesar 4.88. Diperoleh probabilitas signifikansi (p) sebesar 0,000. Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan yaitu 0,05. Dengan demikian menjawab soal kaji bahwa faktor protektif berpengaruh signifikan terhadap daya tindak terbukti. Besarnya pengaruh langsung dari PA terhadap SR sebesar 0,47, berarti setiap kenaikan faktor protektif (PA) maka akan meningkatkan daya tindak (DT) sebesar 0,62.

4. Terdapat hubungan yang negatif antara akulturasi dengan Sikap resilien (-0.62)

Hasil analisis ini ditunjukkan pada rajah 5 menunjukkan bahwa akulturasi (AK) berpengaruh negatif dan signifikan terhadap sikap resiliensi (SR). Hal ini dapat dilihat dari koefisien jalur yang menunjukkan nilai sebesar -0.62 dengan nilai CR sebesar -5.48. Diperoleh probabilitas signifikansi (p) sebesar 0,000. Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan yaitu 0,05. Dengan demikian menjawab soal kaji bahwa akulturasi berpengaruh negatif signifikan terhadap

sikap resilien terbukti. Besarnya pengaruh langsung dari AK terhadap SR sebesar - 0.62, bererti setiap kenaikan akulturasi (AK) maka akan menurunkan sikap resiliensi (SR) sebesar 0.62.

5. Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara akulturasi dengan Daya tindak (0.37)

Hasil analisis ini ditunjukkan pada rajah 11 menunjukkan bahwa akulturasi (AK) berpengaruh positif dan signifikan terhadap daya tindak (DT) Hal ini dapat dilihat dari koefisien jalur yang menunjukkan nilai sebesar 0.37 dengan nilai CR sebesar - 4.82. Diperoleh probabiliti signifikansi (p) sebesar 0,000. Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0,05. Dengan demikian menjawab soalan kajian bahwa akulturasi berpengaruh positif dan signifikan terhadap daya tindak terbukti. Besarnya pengaruh langsung dari AK terhadap DT sebesar 0.37, bererti setiap kenaikan akulturasi (AK) maka akan meningkatkan daya tindak (DT) sebesar 0.37.

6. Tahap Akulturasi telah di konsepkan semula sebagai “Budaya Pengamalan dan Kepercayaan Keagamaan” telah mempunyai kesan positif secara langsung keatas faktor protektif keagamaan. Terdapat hubungan yang positif dan signifikan antara Faktor Protektif dengan akulturasi (0.54).

Ini dapat dijelaskan daripada hasil analisis ini ditunjukkan pada rajah 11 menunjukkan bahwa factor protektif (PA) berpengaruh positif dan signifikan terhadap sikap akulturasi (AK). Hal ini dapat dilihat dari koefisien jalur yang

menunjukkan nilai sebesar 0.54 dengan nilai CR sebesar 5.88. Diperoleh probabiliti signifikansi (p) sebesar 0,000. Nilai ini lebih kecil dari tahap signifikansi (α) yang ditentukan iaitu 0,05. Dengan demikian menjawab soalan kajian bahwa factor protektif berpengaruh positif dan signifikan terhadap akulturasi terbukti. Besarnya pengaruh langsung dari PA terhadap AK sebesar 0.54, bererti setiap kenaikan factor protektif (PA) maka akan meningkatkan akulturasi (AK) sebesar 0.54.

7. Teras Kepercayaan, Keagamaan, dan Kerohanian telah digabungkan dan diubah suai semula konsepnya sebagai “Faktor protektif keagamaan” dan adalah moderasi yang bermakna dari segi statistik kepada perhubungan diantara Sikap Resilien dan Tindak balas daya tindak yang terpilih. Secara khususnya, Kepercayaan Protektif Keagamaan boleh menggalakkan penggunaan Kerohanian dan Tindak balas Coping yang mengaplikasikan kepercayaan di kalangan pelajar yang mempunyai Sikap Resilien yang tinggi, dan Kepercayaan Protektif Keagamaan yang tinggi boleh juga dikaitkan dengan kurang atau tiada penggunaan Tindak balas daya tindak (*Coping*) yang tidak adaptif (*none adaptive*). Terdapat perhubungan yang positif diantara sikap resilien dan daya tindak dengan faktor protektif (teras kepercayaan, keagamaan dan spiritualiti) sebagai moderator dimana nilainya adalah 0.940. Semakin meningkatnya faktor Protektif, semakin meningkatnya hubungan antara DT dan SR (rujuk rajah 15, muka surat 197)

8. Model ubahsuai yang telah dibina adalah *fit* dengan data dikalangan pelajar lelaki dan perempuan. ($\chi^2 = 198,315$ N= 510, $P < 0.05$, GFI= 0.940, AGFI= 0.900, TLI= 0.916, CFI= 0.940, RMSEA= 0.047, CMIN/DF= 2.110).
9. Model ubahsuai yang telah dibina adalah *fit* dikalangan pelajar sekolah bandar dan luar bandar($\chi^2 = 215.106$, N= 510, $P < 0.05$, GFI= 0.935, AGFI= 0.893, TLI= 0.902, CFI= 0.930, RMSEA= 0.050, CMIN/DF= 2.288).
10. Model ubahsuai yang telah dibina adalah *fit* dikalangan pelajar yang berasal dari bandar dan luar bandar($\chi^2 = 230.450$, N= 510, $P < 0.05$, GFI= 0.931, AGFI= 0.886, TLI= 0.893, CFI= 0.924, RMSEA= 0.053, CMIN/DF= 2.452).
11. Model ubahsuai yang telah dibina adalah *fit* dikalangan pelajar dari sekolah premier, elit dan SMK Agama($\chi^2 = 305.474$, N= 510, $P < 0.05$, GFI= 0.914, AGFI= 0.860, TLI= 0.877, CFI= 0.911, RMSEA= 0.047, CMIN/DF= 2.121).

Perbincangan Keputusan

Kajian ini telah berusaha memberikan sumbangan yang bermakna dalam bidang resilien melalui beberapa cara. Pertama, kajian ini telah memberikan maklumat lanjut dalam bidang ini terhadap beberapa ukuran penting instrumen yang dianggap berguna dalam penyelidikan ke atas resilien. Kedua, ia telah membekalkan bukti tambahan merujuk kepada hubungan diantara sikap resilien dan daya tindak terutamanya kedua-duanya dikaitkan dengan kejayaan pelajar. Ketiga, ia menyediakan sokongan untuk Teori Tekanan Penilaian Kognitif, Coping dan Resilien. Akhirnya, ia telah menambahkan bukti empirikal untuk pengaruh protektif terhadap kepercayaan keagamaan. Setiap daripada diatas akan dibincangkan seperti berikut.

Pengukuran Instrumen

Analisis laluan memerlukan penggunaan pengukuran dengan kualiti psikometrik yang mantap secara relatif, jelas dan rasional untuk menerangkan hala tuju perhubungan yang telah ditunjukkan dalam model (Kline, 1998). Penggunaan instrumen yang ada kesahan dan boleh diharap meningkatkan interpretasi semua model. Peralatan yang telah digunakan dalam kajian ini telah diteliti terhadap kesahan dan kebolehpercayaannya dan maklumat daripada setiap instrumen telah di masukkan dan di kodkan dengan berhati-hati bagi tujuan interpretasi. Secara keseluruhannya, setiap instrumen boleh diharap dan mempunyai indeks kesahan yang baik. Skala Sikap Resilien Remaja, COPE yang telah digabungkan dengan Skala Aktiviti Coping Keagamaan, dan Skala Teras kepercayaan telah dipandu dalam kajian ini.

Kebimbangan mengenai kemantapan kaedah penskalaan yang telah digunakan penyelidik terdahulu, lima daripada tujuh peralatan yang telah digunakan dalam kajian ini ditumpukan terhadap komponen penjelasan faktor analisis: COPE (Carver, Scheier & Weintraub, 1989), Skala Aktiviti Coping Keagamaan (RCAS; Pargament, Ensing, Falgout, Olsen, Reilly, Van Haitsma & Warren, 1990), Skala Sikap Resilien (RAS; Biscoe & Harris, 1994), Skala Akulturasi (Klonof & Landrine, 2000), serta Skala Teras Kepercayaan (CCS, dikembangkan khusus untuk kajian ini). Pemeriksaan demografi tidak memerlukan EFA, dan memandangkan Cuma tiga soalan daripada Skala Keagamaan Multi dimensional (MRS; Levin, Taylor, & Chatters, 1995) telah digunakan, ia tidak memerlukan EFA.

Mengejutkan juga apabila selepas Analisis Faktor Penjelasan (EFA), bilangan faktor untuk setiap peralatan berkurangan daripada bilangan jangkaan faktor dengan pengecualian kepada Skala teras kepercayaan. Pengurangan dalam faktor ini mungkin adalah disebabkan oleh penggunaan “*rule-of-thumb*” untuk menentukan bilangan faktor apabila semua ini diwujudkan, tetapi kajian ini lebih banyak menggunakan peraturan *thumb* yang semasa dimana ia lebih kurang terdedah kepada kesalahan rambang variasi. Pengurangan dalam faktor ini memberikan jaminan bahawa dalam modeling, tiada interpretasi maklumat yang keterlaluan oleh kerana tidak ada skala empirikal diwakili yang tidak disokong sebagai keputusan atau ramalan.

Bagi menyelaraskan dengan teori yang telah sedia wujud dan untuk memperbetulkan kebimbangan kebolehan mengukur resilien secara langsung, instrumen direka untuk menjadi pengukur resilien secara langsung telah ditolak, dan satu pembinaan yang lebih sesuai telah dikenal pasti yang masih lagi membolehkan penyelidik untuk menyiasat perhubungan yang

diminati. Maka, satu pengukuran sikap resilien (ARAS) telah dikenalpasti dan digunakan dalam kajian ini.

Terdapat beberapa kebimbangan mengenai keboleh bergantungan bagi enam subskala dalam Skala Sikap Resilien (RAS; Biscoe & Harris, 1994) serta konsep yang diwakili oleh mereka. Keboleh bergantungan terhadap tiga subskala (celikakal, berdikari, dan Perhubungan) adalah lemah, dan tiga daripada empat baki subskala (Inisiatif, Kreativiti/Humor, dan Moraliti), adalah sampingan. Sukar untuk menjelaskan secara relatif reliabiliti yang rendah keatas semua subskala ini berbanding yang lain dan adalah dicadangkan bahawa ia mungkin boleh dipengaruhi oleh perbezaan yang tidak bermakna diantara sampel keatas skala yang biasa dan sampel di dalam kajian ini.

Satu lagi kebimbangan yang utama dengan enam subskala ini ialah mereka nampaknya tidak dapat masuk dengan baik dengan subskala resilien yang umum. Resilien yang umum telah didefinisikan sebagai kepercayaan bahawa seseorang boleh hidup dan membuat sesuatu benda itu lebih baik untuk diri sendiri dan orang lain (Biscoe dan Harris, 1994). Item yang membina subskala ini memang sesuai dengan definisi ini – “Tidak kisah biar apa pun yang berlaku, jika saya terus mencuba saya akan berjaya menempuhinya”, dan “Walaupun perkara buruk terjadi, Saya boleh menghadapinya”.

Item daripada baki enam subskala yang tinggal adalah bertujuan untuk mengukur kaitan dengan “resiliencies”. Walaupun dengan skor terbalik, kebanyakan item ini tidak sesuai secara konsep dengan definisi resilien yang telah diberikan oleh Biscoe dan Harris (1994).

Pengukuran semula peralatan ini telah dicuba, tetapi tiada penyelesaian konseptual logik yang ditemui. Ia telah ditentukan bahawa hanya subskala resilien umum yang telah di

ujikaji adalah berguna untuk kajian ini. Kebolehbegantungan yang rendah di dalam subskala Skala Sikap Resilien, dan konsepsual yang tidak tetap bagi sebarang kemungkinan keputusan pengukuran mencadangkan bahawa keperluan untuk memeriksa adakah “resiliencies” yang lain wujud sama sekali, dan jika wujud, pengukuran item mungkin perlu untuk direka semula secara keseluruhannya.

Semenjak *coping* menjadi variabel yang penting dalam kajian ini, dua skala telah dipilih untuk mengukurnya. Setiap skala adalah sah dan sukat yang boleh diharap bagi coping untuk sample. Setiap peralatan adalah analisis faktor, dan hasil keputusan mempunyai faktor yang semakin kurang.

Walaupun bilangan faktor dalam peralatan telah berkurangan, peralatan masih lagi mengekalkan konsep integriti dan sendiri mereka. Contohnya item Coping Adaptif telah dimuatkan keatas faktor yang betul dalam sample ini. Kemudahan untuk menerangkan perhubungan diantara subskala dalam COPE yang telah dibina semula, contohnya, menyediakan beberapa pembinaan bukti kesahihan yang kuat untuk subskala seperti yang digunakan di dalam sampel ini, dan mensahkan semua akuan pada pengarang bahawa peralatan itu mengukur secara konsepsual sub-pembinaan coping yang berbeza.

Bagi menjadikan laluan analisis lebih menyenangkan, item daripada dua peralatan telah digabungkan dan faktor telah dianalisa. Kedua-dua peralatan ini telah berjaya digabungkan tanpa mengubah maksud faktor-faktor, serta menyediakan bukti yang seterusnya untuk kesahihannya. Gabungan skala tersebut memberi sumbangan kepada penulisan suatu peralatan yang boleh diharap dan sah yang membenarkan untuk kajian tingkah laku coping yang lebih spesifik berbanding kemungkinan dengan peralatan yang telah digunakan dalam kajian sebelumnya mengenai resilien dan coping. Hasil gabungan

peralatan ini mungkin boleh digunakan dengan populasi yang mempunyai persamaan dalam karektor yang di gunakan dalam kajian ini.

Bukti Perhubungan kausal diantara Daya Tindak (*Coping*) dan Sikap Resilien?

Penerokaan dalam kajian ini memberikan keputusan perkembangan model dimana menggambarkan perhubungan diantara daya tindak dan sikap yang menunjukkan resilien. Merujuk kepada interpretasi keputusan dari analisis jalur (*path anaylisis*), Kline (1998) memberikan peringatan bahawa, kesan langsung dalam laluan model yang tidak ditolak mesti memberikan tindak balas kepada perhubungan kausal di dalam dunia sebenar adalah biasanya tidak dijamin. Biasanya hanya dengan pengumpulan beberapa jenis bukti yang berikut, membolehkan penyelidik mula memikirkan bahawa keputusan laluan analisis mungkin menunjukkan kausaliti: (1) Replikasi model merintangi sampel yang independen; (2) bukti yang menyokong daripada kajian eksperimental bagi beberapa variabel dalam model yang boleh dimanipulasi; dan (3) ramalan yang tepat mengenai kesan intervensi. Tanpa bukti tersebut, model struktur, samada diperhatikan atau pun variable yang tidak aktif, dapat dilihat dengan terbaik sebagai model *causality*.

Sementara itu corak perhubungan yang penting telah ditunjukkan dalam hasilan model perbandingan, kajian ini tidak dapat memberikan kepastian sepenuhnya hala tuju bagi perhubungan ataupun mengesahkan perhubungan kausal. Maka oleh itu adalah imperatif untuk penyelidik terus menyiasat perhubungan diantara sikap yang menunjukkan resilien dan *respon coping*. Kajian tambahan boleh juga merangkumi sampel responden yang lebih besar, meneruskan untuk mengumpul maklumat psikometrik menggunakan Skala Sikap Resiliensi (Biscoe & Harris, 1994), dan patut juga mengenalpasti pengukuran risiko yang

lain (cth., status sosioekonomi, sukatan bagi kedua-dua stress keadaan dan stress semulajadi, dlln.).

Walau bagaimanapun beberapa kesimpulan mengenai sampel boleh dibuat daripada setiap model. Model menunjukkan bahawa sikap yang mencerminkan resilien dan respon coping adalah berhubung kait tetapi pembinaan yang berasingan. Penemuan ini adalah penting memandangkan ia telah dicadangkan dalam literatur bahawa kita memang menghilangkan dengan terma resilien dan sebagai ganti, menggunakan terma “coping with” (Kumpfer, 1999). Sebagai tambahan, hasil dari model dengan pengukuran *standardized regression weights* terdapat perbezaan berdasarkan jantina dalam daya tindak dan kecenderungan untuk pelajar perempuan menggunakan lebih banyak gerak balas daya tindak (cth., Amalan kepercayaan, adaptif dan spritual) berbanding dengan pelajar lelaki dalam kajian ini.

Model ubahsuai menunjukkan bahawa Kepercayaan Perlindungan Keagamaan menggalakkan perhubungan diantara Daya Tindak dan Sikap Resilien. Kepercayaan Perlindungan Keagamaan (Kepercayaan Dasar, Keagamaan, dan Spiritualiti) mempunyai pengaruh positif yang secara langsung dan tidak langsung keatas perangai *coping* dan Sikap Resilien. Kepentingan perhubungan ini adalah lebih terserlah dalam model, dimana Kepercayaan Perlindungan Keagamaan sebagai moderasi menyeimbangkan perhubungan diantara Respon Coping dan Sikap yang Menunjukkan Resilien. Dan akhir sekali, model model yang dihasilkan menunjukkan bahawa Kepercayaan dan Pengamalan Kebudayaan Keagamaan mempunyai perhubungan secara langsung yang bermakna dengan Kepercayaan Perlindungan Keagamaan dan beberapa gerakbalas Daya Tindak.

Kekurangan dalam perhubungan diantara Sikap Resilien dan Respon Humor dalam setiap model boleh dijangkakan sebagai respon coping yang humorous sering melibatkan pengasingan dalam bentuk perangai dan mental, dan dalam bentuk penyingkiran, atau tidak endah terhadap kesungguhan untuk masalah yang sebenar. Subskala ini mencerminkan struktur faktor yang agak serupa seperti di dalam COPE yang asal (Carver, Scheier & Wientraub, 1989) dan terdiri daripada item-item yang berikut: “Saya ketawa mengenai situasi itu”, “Saya membuat lawak jenaka mengenainya”. “Saya mempermain-mainkan mengenainya”, dan “Saya membuat lucu dengan situasi tersebut”. Adalah munasabah bahawa semua item ini tidak berkait dengan kepercayaan iaitu seseorang dapat tahan berdikari dan membuatkan perkara itu lebih baik untuk diri sendiri dan orang lain.

Di dalam model dimana sikap meramalkan respon coping (DT → SR), perhubungan diantara Sikap Resilien dan Daya Tindak adalah bermakna untuk tiga daripada tujuh respon coping yang mungkin. Semua perhubungan lain yang secara langsung atau tidak langsung di dalam model ini adalah bermakna dengan pengecualian bagi perhubungan akulturasi → sikap resilien (-0.62). Disini dapat dilihat faktor faktor penyumbang yang dapat memberikan peningkatan kepada pemupukan sikap resilien pelajar remaja.

Nilai *standardized regression weights* untuk subskala coping telah juga mencadangkan bahawa sampel dalam kajian ini cenderung untuk menggunakan Spiritual, Adaptif, dan Aplikasi Kepercayaan Respon Coping dalam masa stress dan kesukaran. Satu penemuan bahawa sampel kajian ini menggunakan Coping Spiritual lebih banyak berbanding dengan respon coping yang lain (Lampiran C). Penemuan ini mendukung lagi penemuan bagi Oler (1997) dan Logan (1980) merujuk kepada peranan daya tindak(*coping*) terhadap keagamaan adalah tinggi bagi orang-orang mendekati diri dengan rumah ibadat,

dan ia selanjutnya memberikan pengesahan kepada idea bahawa keagamaan dan spiritualiti adalah penting dalam setiap aspek kehidupan di kalangan pelajar atau individu.

Tiga variabel telah dikenalpasti sebagai moderator yang mungkin bagi perhubungan diantara daya tindak dan sikap resilien. Semua ini termasuklah teras kepercayaan, keagamaan dan spiritualiti, Faktor analisis untuk Skala Kepastian Dasar menunjukkan bahawa ukuran itu adalah sah dan boleh diharap. Tiga soalan telah diekstrak keluar daripada Skala Keagamaan Multidimensi dan telah digunakan sebagai petunjuk untuk kedalaman keagamaan dan kepercayaan spiritual seseorang tersebut. Untuk meneruskan bagi mempermudah model dan analisis tersebut, semua item tersebut telah digabungkan dengan Skala teras kepercayaan untuk mewujudkan satu pengukuran yang telah dinamakan semula sebagai Skala Kepercayaan Perlindungan Keagamaan. Apabila item daripada CCS telah digabungkan dengan item daripada skala MRS, dan faktor dianalisa, keputusan skala ialah baik dari segi kesahan dan kebolehpercayaan. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan sumbangan kepada hasil penulisan dengan menawarkan skala yang boleh diharap dan sah untuk ukuran bagi Kepercayaan Perlindungan Keagamaan. Skala yang telah diadaptasi ini telah dikembangkan untuk penggunaan dengan populasi tempatan. Keputusan yang terhasil menunjukkan bahawa kepercayaan yang telah dikenalpasti dalam skala ini adalah sangat melindungi. Penemuan ini mewakili satu lagi sumbangan yang besar kepada hasil penulisan.

Tahap akulturasi telah dimasukkan bersama dalam kajian ini sebagai usaha untuk menerangkan varian yang tidak diambil kira oleh variabel yang lain dalam model ini. Namun begitu, CFA bagi skala akulturasi memberikan keputusan dengan mengugurkan 4 daripada 8 faktor. Subskala ini telah difaktor analisa dan ia menghasilkan skala yang ada

kesahan dan kebolehpercayaan. Oleh kerana semua item dalam skala telah ditulis untuk mewakili kepercayaan dan amalan yang penting buat kebudayaan masyarakat kita, ia telah mengambilkira beberapa perkara yang melibatkan agama, adat budaya, norma, kepercayaan dan sebagainya. Adaptasi ini mewakili satu lagi sumbangan kepada hasil penulisan seperti yang ditunjukkan dalam keputusan bahawa ia mempunyai kesan secara langsung dan tidak langsung yang penting keatas daya tindak, faktor protektif, dan sikap resilien untuk populasi ini.

Sokongan untuk Teori Penilaian Kognitif

Kajian ini menawarkan sokongan untuk Teori Penilaian Kognitif Stress, Coping dan Resilien (Jew, Green & Kroger, 1999). Model ubahsuai dalam kajian ini boleh dijelaskan menggunakan Teori Penilaian Kognitif Stress dan coping. Dalam model asal DT→SR, Sikap Resilien meramalkan terdapat tujuh *Respon Coping* sedangkan di dalam model ubahsuai, hanya tiga Respon Coping yang mempunyai pengaruh besar terhadap Sikap Resilien. Dalam setiap kes, Respon Coping yang Tidak Adaptif, humor, emosi dan ragu dan putusasa mempunyai perhubungan yang kurang dengan Sikap Resilien.

Data model fit menunjukkan bahawa setiap model mempunyai kebarangkalian yang sama rata. Ianya kemungkinan boleh dan berpatutan pada masa itu, bahawa proses penilaian primer dan sekunder (1) pertama ialah menuruti laluan di dalam model ubahsuai, dan (2) apabila respon coping telah ditentukan, semasa peringkat penilaian semula coping, Respon Coping Emosional, ragu dan putusasa, humor dan emosi digugurkan, dan respon coping individual mengikut laluan di dalam model asal – Spiritual, Adaptif, dan amalan kepercayaan membentuk atau mempengaruhi Sikap yang Mencerminkan Resilien.

Konsepsualisasi Semula Risiko

Oleh kerana tidak ada terdapat perhubungan secara langsung atau tidak langsung diantara status risiko dan Sikap yang Mencerminkan Resilien, adalah tidak mustahil untuk menyatakan bahawa satu kumpulan adalah lebih atau kurang resilien berbanding dengan yang lain. Walau bagaimanapun, data tidak menunjukkan yang purata respon keatas Skala Sikap Resilien (mengandungi lapan item daripada subskala Resiliensi Umum di dalam RAS asal) adalah “setuju” atau “sangat setuju”. Ini mencadangkan bahawa pelajar yang berisiko dan tidak berisiko mungkin lebih banyak serupa daripada apa yang kita fikirkan. Pemerhatian ini mungkin mempunyai kesan yang penting untuk bagaimana mendefinisikan risiko dan anggapan telah dibuat mengenai pelajar yang hadir dengan profil akademik yang mendefinisikan mereka sebagai berisiko.

Keahlian sebagai pelajar yang “berisiko” kadang kala di tafsirkan sebagai maksud seseorang yang mempunyai kekurangan dalam persediaan akademik mereka untuk mengejar cabaran di sekolah atau pendidikan. Ini selalunya akan membawa kepada anggapan bahawa pelajar yang “berisiko” tiada kesungguhan untuk bertahan mengejar cabaran ini. Namun begitu, hasil keputusan daripada kajian ini ialah tidak ada perhubungan secara langsung atau tidak langsung diantara status risiko dan sikap resilien. Majoriti pelajar (n=510) sampel di dalam kajian ini cenderung untuk memegang kepercayaan bahawa mereka boleh bertahan dan menjadikan perkara lebih baik untuk diri sendiri dan orang lain.

Dengan keputusan yang diberikan, merujuk kepada pelajar yang dianggap sebagai berada dalam berisiko, dan fakta bahawa terdapat stigma yang berkaitan dengan gelaran tersebut, perhatian yang lebih besar patut diberikan dengan konsep yang diambil kira dan

bagaimana ia boleh memberikan kesan terhadap pencapaian pelajar. Hasil kerja Steele (1997) mungkin boleh membantu dalam bidang ini. Steele (1997) mencadangkan bahawa pelajar yang telah digelar sebagai “berisiko” mungkin boleh terlibat dalam suatu fenomena yang beliau panggil sebagai “ugutan stereotaip”. Ugaran jenis ini meletakkan pelajar pada risiko kerana mengikuti kepada stereotaip yang negatif.

Bukti untuk Pengaruh Perlindungan Kepercayaan Keagamaan

Hasil model yang telah dikembangkan dalam kajian ini jelasnya mencadangkan bahawa Kepercayaan Perlindungan Keagamaan (PA) mungkin benar-benar “melindungi”. Kepercayaan ini telah difikirkan menjadi perlindungan dalam erti kata ia mampu memberikan sesuatu ketenangan atau jaminan yang dimana walaupun di dalam keadaan kesukaran atau masalah masih ada harapan. Jenkins (1995) mencadangkan bahawa individu yang mempunyai beberapa karektor atau cara untuk menghadapi masalah ataupun pengalaman hidup yang negatif yang mencerminkan ethos, nilai, kepercayaan dan amalan mereka. Kedudukan ini menyokong hasil kerja Aldwin (1994) yang memberikan usul bahawa setiap individu berdaya tindak dalam cara adab budaya. Cara coping ini mencerminkan etos, dan kepercayaan yang unik kepada kebudayaan atau etnik serta kumpulan sosial yang tertentu. Kepercayaan dan etos ini mungkin boleh digunakan sebagai rangka kerja untuk membuat keputusan bagaimana untuk memberikan respon terbaik kepada keadaan yang memberikan tekanan atau menyukarkan.

Mode yang telah dikembangkan daripada data yang dihasilkan dalam kajian ini dengan jelasnya menunjukkan bahawa Kepercayaan Perlindungan Keagamaan telah terlibat

dalam respon coping berkaitan dengan kejadian negatif yang telah mereka kenal pasti, serta timbul dalam sikap pelajar sebagai respon kepada situasi ini.

Di dalam model yang menunjukkan Respon Daya Tindak sebagai peramal atau prediktor kepada Sikap Resilien, Kepercayaan Perlindungan Keagamaan lebih kearah untuk melaraskan perhubungan atau moderator diantara Respon Daya Tindak dan Sikap yang Resilien. Kesan saiz untuk moderasi bagi perhubungan ini adalah lebih besar berbanding kesan saiz bagi perhubungan secara langsung diantara Respon Coping bukan Adaptif dan Sikap yang Mencerminkan Resilien. Ini mencadangkan bahawa walaupun pelajar menggunakan Respon Coping Tidak Adaptif, Kepercayaan Perlindungan Keagamaan membatalkan kesan negatif bagi Respon Coping Tidak Adaptif.

Implikasi Kajian

Kajian ini berupaya untuk mengesahkan perhubungan *causal* diantara resilien dan data tindak seperti yang telah dihipotesiskan di dalam kerja Jew, Green dan Kroger (1999). Namun begitu, ia juga menawarkan data preliminari yang mungkin boleh digunakan untuk memberitahu, memperihai dan mengembangkan kajian di masa hadapan mengenai coping dan resilien di kalangan pelajar. Mungkin yang paling penting ialah implikasi keatas kajian bagi para penyelidik untuk terus meneroka perhubungan diantara daya tindak dan resilien kerana masih banyak lagi persoalan yang tidak terjawab berkenaan dengan sifat semulajadi perhubungan ini. Dalam kajian ini ada terdapat penyelidikan, teoritikal, dan implikasi praktikal lain yang penting, dimana akan dibincangkan selepas ini.


Implikasi Penyelidikan

Seperti yang telah dinyatakan sebelum ini, terdapat keperluan untuk meneruskan penyelidikan keatas perhubungan “causal” diantara Sikap Resilien dan daya tindak. Ini termasuklah laluan analisis bagi model reciprocal serta satu hala. Bagi membantu usaha kearah itu, kerja tambahan adalah diperlukan untuk memperbaiki kebergantungan dan kesahihan bagi ukuran resilien yang langsung dan tidak langsung, seiring juga dengan instrumen yang digunakan untuk mengukur pembinaan yang berkaitan. Paling penting sekali ialah, penyelidik mesti mengamalkan lebih berhati-hati dalam memastikan resilien telah dilaksanakan dengan teratur, dan juga perlaksanaannya sesuai dengan rekaan untuk kajian. Jika tidak, seperti Glantz & Johnson (1999) telah menunjukkan, kita akan terus mengalami kesukaran dalam menyoal siasat penyelidikan disepanjang kajian. Usaha penyelidikan di masa hadapan mengambilkira causality sepatutnya longitudinal, dan patut memasukkan sekurang-kurangnya tiga kumpulan pelajar-merka yang telah dilatih untuk memberikan respon coping, mereka yang telah dilatih untuk Sikap yang Mencerminkan Resilien, dan mereka yang tidak menerima sebarang latihan (kumpulan kawalan).

Kajian ini telah menjawab sikap resilien adalah variasi melalui jenis sekolah, jantina, SES, lokasi tempat tinggal, dan status risiko. Untuk mempermudah analisa, satu keputusan telah dibuat diawal kajian untuk mengkategorikan secara meluas pelajar yang berisiko dan pelajar yang tidak berisiko. Ia kemudian disedari bahawa terdapat bilangan peserta yang tidak cukup dan tidak genap daripada beberapa program yang berlainan untuk membuat analisis sikap yang mencerminkan resilien atau respon coping diantara program. Dengan cara ini, saiz sampel program bertindak seperti penghad dalam kajian ini. Oleh itu, penyelidikan di masa hadapan harus memuatkan saiz sampel yang lebih besar,

konsepsualisasi risiko semula memandangkan konsepsualisasi risiko yang telah digunakan didalam kajian ini tidak memberikan kesan keatas perhubungan diantara respon coping dan sikap yang mencerminkan resilien, dan penekanan dibuat keatas perbezaan mengikut tahap kelas. Ini termasuklah lebih banyak sukatan yang boleh diharap di dalam SES, dan Sapel peserta yang lebih besar daripada setiap program. Sebagai tambahan, kajian ini melihat pada kedua-dua sifat respon coping (the COPE) dan kepada keadaan respon coping (RCAS), namun di dalam analisis kedua-duanya tidak diasingkan: kedua-duanya digabungkan ke dalam rangka kerja umum untuk respon coping am. Kedua-dua ini dapat berfungsi dengan baik melalui kaedah ini kerana terdapat bukti empirical yang mencukupi, tetapi kemungkinan adalah penting untuk membuat pembahagian perbezaan ini.

Kajian ini hanya menyiasat mengenai perbezaan sikap yang mencerminkan resilien. Ia mungkin juga penting untuk membuat pengasingan diantara perbezaan dan sikap yang mencerminkan resilien mengikut keadaan. Ini mungkin kerana perhubungan diantara respon coping dan sikap yang mencerminkan resilien bergantung kepada kombinasi diantara keadaan berlawanan dengan perbezaan respon coping dan sikap yang mencerminkan resilien. Akhir sekali, ia mungkin tidak penting untuk membuat perbezaan ini sama sekali samada untuk sikap yang mencerminkan resilien atau untuk kemahiran coping. Rajah 19. dengan garisan penuh menunjukkan apa yang telah dilakukan di dalam kajian ini, dan dengan garisan putus-putus apa yang tinggal untuk disiasat.



Rajah 19 : Skema bagi perhubungan yang diasas (garisan penuh) dan tidak diasas (garisan putus-putus) di dalam kajian ini.

Akhir sekali, satu ulasan yang ringkas perlu dibuat berkenaan tentang penggunaan Skala Sikap Resiliensi Remaja (ARAS; Biscoe & Harris, 1994) lebih daripada Skala Resilien (Jew, Green & Kroger, 1999). ARAS telah digunakan berbanding dengan skala yang telah dikembangkan oleh Jew, Green dan Kroger (1999) kerana ia lebih jimat jika berbuat demikian, dan kerana ia berpotensi untuk memberikan maklumat kepada gangguan yang sedang digunakan bersama dengan sekumpulan pelajar “berisiko” yang ada pada masa itu. Hasil keputusan daripada kajian ini mencadangkan sesuatu pengalihan dari mengambil tujuh resilien yang digambarkan dalam Wolin dan Wolin (1993) menuju kearah mengambil resilien umum yang telah dikenalpasti oleh Biscoe dan Harris (1994).

Teori Implikasi

Walaupun diambil kira sebagai sesuatu sikap personaliti yang kekal atau dimensi, pemikiran kontemporari dalam sains sosial menggambarkan resilien sebagai proses multidimensional dan boleh ubah (Kumpfer, 1999; Glantz & Johnson, 1999; Rutter, 1987). Selepas melihat kepada hasil penulisan serta membuat perlaksanaan keatas kajian ini, saya ingin mencadangkan bahawa resilien menonjolkan diri di dalam personaliti seseorang dan ia adalah suatu proses. Oleh itu saya ingin mendefinisikannya sebagai suatu proses dimana ia di dalam diri seseorang atau seseorang yang mempergunakan kemahiran dan kemampuan yang tertentu agar dapat mengambil semula dan mengekalkan kebolehan psikologikal yang normal atau hampir-normal, emosional, sosial, dan fungsi fizikal semasa atau selepas terdedah kepada kesukaran atau ketegangan yang kronik atau segera.

Pembinaan Sikap Resilien terdiri daripada lapan item daripada subskala Resilien Umum di dalam Skala Sikap Resilien yang asal (Biscoe & Harris, 1994). Baki item yang tinggal telah digugurkan daripada skala kerana ia tidak dapat masuk dengan sesuai secara konseptual dalam subskala ini dan kemasukan faktor untuk penyelesaian dihasilkan daripada analisis faktor RAS yang tidak tetap dengan kemasukan yang telah diterangkan di dalam manual. Hasil keputusan daripada analisis faktor ini adalah sangat sukar untuk dijelaskan. Satu kemungkinan penjelasan ialah RAS yang asal telah diwujudkan untuk kebiasaan keatas kajian populasi di penjara. Ia telah dipandu keatas *non-substance abusing*, populasi bukan penjara adalah kali pertama untuk kajian ini. Hasil keputusan dalam kajian ini tidak semestinya bermakna bahawa teori Wolin dan Wolin (1993) bagi Tujuh Resilien mempunyai kesilapan, tetapi ia boleh juga bermaksud bahawa semua item di dalam skala

diwujudkan oleh Biscoe dan Harris (1994) mungkin memerlukan rombakan semula agar dapat diaplikasikan keatas populasi umum. Kemungkinan juga teori ini resilien ini adalah kurang sesuai di luar populasi dimana instrumentasi adalah menjadi kebiasaan.

Subskala Resilien Umum telah ditambah kepada RAS sebagai resiliensi yang kelapan oleh Biscoe dan Harris (1994). Hasil keputusan daripada analisis bagi subskala Resilien Umum dalam kajian ini mencadangkan bahawa ia mempunyai keesahan dan kebolehpercayaan yang baik. Kumpulan pelajar terkawal ini memuatkan juga spiritualiti sebagai tambahan kepada senarai bagi Resilien yang telah dikenal pasti dalam Wolin dan Wolin (1993). Hasil keputusan daripada kajian ini tidak dapat memastikan bahawa spiritualiti patut diambil kira sebagai sesuatu yang mencerminkan resiliensi, tetapi ia juga mencadangkan bahawa kepercayaan keagamaan yang tertentu boleh mempunyai kesan perlindungan atau kesan yang menggalakkan keatas sikap yang mencerminkan resilien. Kesan perlindungan atau penggalak ini menyediakan suatu rasionaliti untuk pembelajaran, walaupun bukan suatu bukti kepada, ia adalah spiritualiti sebagai mencerminkan bagi resiliensi.

Implikasi Praktikal

Feagin, Vera dan Imani (1996) mengenal pasti beberapa faktor yang bertindak sebagai cabaran yang serius untuk pelajar di sekolah. Cabaran-cabaran ini dipercayai mempunyai kesan secara langsung keatas kadar hakisan di kalangan populasi ini. Oleh itu penyelidikan diperlukan untuk mengenalpasti selanjutnya faktor yang menawarkan kadar perlindungan yang paling besar daripada kesan stress yang membahayakan di kalangan pelajar .

Richardson dan June (1997) menunjukkan bahawa pelajar menghadiri sekolah yang predominkan cenderung untuk mencari tempat ibadat untuk pengajaran spiritual, sokongan sosial dan emosional, panduan, dan keperluan penting yang lain. Mereka menunjukkan bahawa dengan mendekati rumah ibadat boleh menguatkan moral dan sistem kepercayaan etika seseorang. Kajian ini menemui bahawa pelajar yang dikenali lebih banyak berfokus kepada keagamaan atau spiritualiti juga cenderung untuk menggunakan respon coping yang lebih adaptif dan juga cenderung untuk mempunyai sikap resilien yang lebih tinggi. Bersama-sama dengan semua penemuan daripada kajian ini adalah merujuk kepada pengaruh protektif keagamaan, spiritualiti dan teras kepercayaan, semua penemuan ini mencadangkan bahawa peluang untuk perkongsian dengan institusi keagamaan dapat membekalkan jenis keperluan untuk sosial, emosional, dan sokongan spiritual kepada pelajar.

Sebagai tambahan kepada mengambil sikap resilien sebagai strategi untuk mencegah kegagalan di sekolah, hasil penemuan daripada kajian ini mencadangkan bahawa dengan menggunakan sokongan program akademik untuk mengajar kemahiran *coping* mungkin menjadi seimbang atau pun lebih berkesan. Dalam hal ini hasil keputusan adalah perlu diambilkira untuk pertumbuhan dan perkembangan pelajar yang lebih dinamik. Usaha tambahan patut dilakukan kearah menyiasat sebarang perhubungan diantara respon coping (seperti *self-agency*, *self-efficacy*, kesungguhan, dan lain-lain) dan sikap yang mencerminkan resilien. Penggunaan kajian longitudinal boleh membantu dalam menilai kesan keatas pengajaran respon coping keatas resilien begitu juga dengan kesan keatas pengajaran sikap yang mencerminkan resilien dalam respon coping.

Kajian ini menemui bahawa pelajar secara operasi yang didefinisikan berisiko lebih cenderung untuk menggunakan perangai negatif coping (cth. Respon Coping yang Tidak Adaptif dan Kekecewaan/Was-was) berbanding pelajar lain. Penggunaan alkohol dan penafian wujudnya masalah adalah termasuk dalam kesemua perangai tersebut. Penemuan ini menyediakan maklumat yang berharga bagi kaunselor dan pendidik dengan mencadangkan bahawa komitmen mereka dengan populasi ini patut juga termasuk pendidikan pencegahan yang besar terhadap dadah dan penggunaan alkohol sama juga seperti latihan dalam keyakinan diri.

Sementara ia tidak dinyatakan secara spesifik di dalam kajian ini, beberapa anggapan yang pasti adalah mengenalpasti pelajar sebagai “berisiko”. Kebiasaannya, apabila kita memikirkan tentang seseorang sebagai “berisiko”, kita cenderung untuk memikirkan mereka sebagai sehingga ke suatu tahap, seperti menjadi kurang upaya, atau tercabar. Dalam kajian ini, penamaan sebagai “berisiko” telah diberikan kepada mereka yang kurang berupaya dari segi akademik, atau berpendapatan rendah. Data menunjukkan bahawa lebih daripada sembilan puluh peratus pelajar di dalam kajian ini bersetuju untuk sangat bersetuju dengan kebanyakan sikap yang mencerminkan resilien. Dengan rumusan, ini mencadangkan bahawa tidak terdapat banyak perbezaan diantara pelajar yang berisiko dan pelajar yang tidak berisiko dalam terma sikap yang mencerminkan resilien. Ini membuatkan timbulnya persoalan mengenai bagaimana kita berfikir mengenai pelajar yang berisiko. Ia mungkin juga kerana pelajar yang berisiko akan lebih sesuai diukur dengan sikap yang mencerminkan resilien, dengan menggunakan respon coping yang tipikal, atau faktor yang meramalkan seperti kegagalan atau berhenti sekolah.

Akhirnya, terdapat banyak perkara yang harus dilakukan dalam percubaan untuk berusaha membina satu hubungan diantara pengamalan dan penyelidikan. Hasil keputusan daripada kajian ini mencadangkan keperluan untuk kerja tambahan terhadap pemahaman bagaimana menyiasat dan meneroka psikologi dan agama. Penemuan ini mencadangkan bahawa program yang mendidik dan melatih kaunselor dan ahli psikologi memberikan perhatian dan pengamalan kepekaan yang lebih kearah peranan agama, spiritualiti, dan teras kepercayaan dalam kerja yang telah dilakukan dengan pelajar di sekolah-sekolah terkawal.

Batasan Kajian

Beberapa skala dalam kajian ini telah dipandukan untuk pertama kalinya kearah populasi pelajar sekolah terkawal. Sepertinya, penemuan daripada kajian ini mungkin tidak umum kepada populasi yang lain. Maka oleh yang demikian satu keperluan bagi penyelidik untuk menggunakan semua skala ini pada populasi yang lain agar kita boleh menambahkan keesahan, keboleh percayaan, dan kebolehgunaan untuk generalisasi bagi penemuan dari skala dalam populasi ini.

Skala Teras Kepercayaan dan Skala Tahap Akulturasi telah diwujudkan untuk digunakan secara khusus keatas populasi ini. Seperti mana, ia mungkin tidak dapat digunakan untuk populasi yang lain. Versi baru atau semakan semula perlu bagi semua skala untuk diperkembangkan bagi membenarkan untuk kelangsungan kajian seterusnya tetapi dengan populasi yang berbeza dari pelbagai silang budaya.

Kajian resilien yang bersilang-pembahagian telah dikritik di dalam hasil penulisan; terutamanya ia telah dihipotesiskan bahawa mungkin resilien boleh menjadi multi dimensional, suatu proses longitudinal yang hanya mempunyai makna dalam konteks situasi

yang mempunyai tekanan atau keadaan yang sukar. Kajian ini telah berusaha untuk memulihkan keseimbangan ini dengan menggunakan ukuran resilien yang secara tidak langsung dimana telah direka untuk menilai sikap resilien. Proses resilien hanya boleh dianalisa dalam konteks yang longitudinal.

Seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 13, sifat semulajadi perhubungan diantara gerakbalas daya tindak dan sikap resilien mungkin boleh berubah bergantung kepada kombinasi bagi pengasingan melawan respon keadaan dan sikap yang sedang diasasat. Kajian ini memberitahu hanya ada tiga bahagian dilema (garisan penuh dalam Rajah 13), tetapi beberapa baki bahagian penting yang tinggal belum diteliti (garisan putus-putus di dalam Rajah 13). Sebagai tambahan, ia masih lagi belum jelas samada memerlukan pengasingan diantara sikap resilien dan daya tindak ke dalam keadaan melawan jenis pengasingan.

Implikasi lain kajian ini adalah kepentingan bagi penyelidik untuk mengamalkan penjagaan dalam pembinaan bagi etika dan kebudayaan yang berkaitan dengan instrumen psikometrik. Ini adalah perhatian yang amat penting dalam penilaian penyelidikan. Kebolehan terjemahan dalam semua respon ini mungkin boleh dikurangkan ataupun mungkin juga boleh dibuat menjadi mustahil apabila etos, nilai dan kepercayaan bagi seseorang untuk memberi respon kepada soalan *survey* adalah tidak diwakili dalam semua respon. Semua ini biasanya akan menghasilkan pemilihan keputusan yang terpaksa dan mungkin data yang tidak bernilai.

Akhirnya, oleh kerana pencemaran (*violations*) dalam anggapan bagi kebiasaan yang pelbagai variasi dalam data, nilai-p untuk perhubungan dalam model mungkin boleh jadi berat sebelah. Membuang semua *outliers* yang salah dimana boleh berat sebelah terlalu

banyak terhadap data bagi menjadikan keputusan itu berguna. Oleh yang demikian, kesan saiz telah digunakan untuk menterjemahkan semua model tanpa pemahaman yang jitu dimana perhubungan adalah sebenarnya bermakna dari segi statistik.

Cadangan Untuk Kajian Masa Hadapan

Berikut ini diberikan beberapa cadangan untuk memperluaskan dan mendalami lagi penyelidikan mengenai resiliensi dalam bidang pendidikan.

Oleh kerana kajian ini melibatkan responden pelajar-pelajar di sekolah terkawal, adalah dicadangkan penyelidikan pada masa hadapan dilakukan dalam konteks yang lebih luas kepada sekolah biasa. Tujuannya ialah untuk melihat (i) perbezaan faktor sikap resiliensi pelajar antara sekolah kawalan dengan biasa (ii) untuk menentukan pelajar di sekolah manakah yang lebih mempunyai sikap resilien yang membawa kepada kecemerlangan akademik. (iii) Begitu juga kajian juga perlu melihat kepada silang budaya, untuk pelajar pelbagai bangsa, ras dan etnik dan berlainan kepercayaan.

Penyelidik pada masa hadapan juga perlu mengambil responden melewati batas negeri dan kaedah longitudinal patut dilakukan. Tujuan kajian kaedah ini untuk melihat sama ada pengubahan sikap resilien mempengaruhi kecemerlangan akademik. Selain itu, kajian mengenai sikap resilien perlu juga dikaitkan dengan faktor-faktor lain seperti lokus kawalan, motivasi, bentuk asuhan keluarga serta faktor-faktor lain yang dijangka perlu secara internal dan eksternal untuk melihat dan meneroka secara menyeluruh dan bersepadu dalam usaha memperbanyakkan literatur mengenai resilien.

Rumusan dan Penutup

Penyelidikan ini telah berusaha meneroka dan menemukan satu model sikap resiliensi pelajar bagi melahirkan kualiti insan yang berpotensi untuk menjayakan cita-cita dan harapan. Keputusan kajian ini memberi makna dimana kita dapat melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pembinaan sikap resiliensi di sokong oleh data-data empirikal yang jelas dapat dilihat menerusi model yang di hasilkan. Pemupukan sikap resilien remaja pelajar secara langsung boleh memberi impak kepada kecemerlangan pelajar.

Pelajar yang resilien adalah seorang pelajar yang dapat bangun atau bangkit semula daripada segala kesusahan dan menjadi berjaya dan cemerlang daripada sebelumnya seterusnya menjadi seorang dewasa yang sejahtera. Kajian ini dapat mengenalpasti daya tindak spiritual, adaptif dan pengamalan kepercayaan mempengaruhi resiliensi pelajar yang didokong oleh tiga indikator utama iaitu inisiatif, moral dan resiliensi umum. Tambahan pula, faktor portektif dapat berlaku dan terbentuk di sekolah, keluarga dan komuniti yang berfokus kepada kerohanian dan keagamaan.

.

Dapatan ini dapat membantu pelbagai pihak untuk merancang dan mempraktikkan apakah hubungan strategik antara guru, sekolah dan komuniti untuk meningkatkan pembelajaran yang berkesan untuk pelajar seterusnya melahirkan pelajar yang resilien. Institusi masyarakat seperti persatuan belia, badan-badan kebajikan penduduk, dan juga institusi tempat ibadat boleh menjana dan menjalankan aktiviti kemasyarakatan.khasnya dalam hubungan dengan sekolah, institusi yang terkenal adalah Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG).

Persatuan atau institusi belia juga boleh memastikan para pelajar mendapat riadah yang sempurna diluar waktu persekolahan, disamping meningkatkan semangat bersosial, boleh juga mengelakkan pelajar remaja daripada terjebak dalam gejala sosial seperti penyalahgunaan dadah, merempit, perlumbaan motosikal haram, samseng, buli dan sebagainya.

Sekolah adalah sebuah institusi kerajaan, maka hubungan yang baik antara institusi kerajaan yang lain amat perlu seperti agensi belia di bawah Kementerian Belia dan Sukan, Polis, Bomba, Tentera, Pertahanan Awam dan sebagainya yang secara langsung membantu pelajar dalam kokurikulum iaitu badan beruniform yang menerapkan nilai disiplin dan kepimpinan. Begitu juga agensi-agensi lain seperti dibawah Kementerian Sains dan Teknologi, Pertanian yang boleh membantu dalam persatuan kurikulum yang menanamkan sikap menyelidik, berpersatuan yang membantu meningkatkan minat dalam proses pembelajaran.

Begitu juga organisasi bukan kerajaan (NGO) merupakan institusi masyarakat yang amat penting seperti gabungan pelajar melayu semenanjung (GPMS), MAYC, GAMIS dan sebagainya. Institusi ini boleh memainkan peranan mengadakan aktiviti-aktiviti kebeliaan seperti program rekreasi, motivasi, kepimpinan, kem ibadat berbentuk kerohanian, teknik bimbingan belajar dan juga menganjurkan kegiatan sukan dan sosial yang berbentuk kesedaran di kalangan pelajar.

Pada hakikatnya, samada pihak sekolah atau masyarakat, memang merasakan perlu wujud permuafakatan yang baik antara sekolah dan komuniti. Tetapi usaha-usaha kearah mewujudkan permuafakatan ini adalah tidak mudah. Ia memerlukan iltizam semua pihak

yang ingin melihat kesinambungan pendidikan untuk menjustifikasikan pembangunan masyarakat dan negara untuk masa hadapan.

Keluarga, sekolah, masyarakat dan kumpulan rakan sebaya adalah faktor protektif terpenting dalam konteks lokus kawalan luaran pelajar yang dapat meningkatkan sikap resilien mereka. Kelangsungan faktor luaran ini dapat memberi impak berikut:

- Menghargai dan menggalakkan pendidikan
- Menggalakkan hubungan yang lebih erat
- Meningkatkan hubungan mesra dan mengurangkan kritikan dalam berinteraksi
- Membuat dan menekankan sempadan atau batasan yang jelas
- Menggalakkan hubungan sokongan dengan ramai orang dewasa yang prihatin
- Menggalakkan khidmat kepada orang lain
- Menyediakan saluran kepada sumber untuk memenuhi keperluan asas perumahan, pekerjaan, perkhidmatan kesihatan, dan rekreasi.
- Melahirkan harapan yang tinggi dan realistik untuk berjaya
- Menggalakkan halatuju dan kecekapan
- Menggalakkan pembangunan nilai dan kemahiran kehidupan dalam hubungan sosial
- Menyediakan peluang-peluang mengetuai sesuatu aktiviti, membuat keputusan dan lain-lain penglibatan yang bermakna.
- Menghargai bakat unik dalam setiap individu.

(Millstein and Henry 2000).

Melalui model yang dihasilkan, dapatlah pihak-pihak yang berkenaan merancang dan melaksanakan program, bengkel, kursus, seminar, kurikulum yang bersesuaian menepati kumpulan sasaran. Pelaksanaan tersebut harus dapat membina secara mendalam kualiti-kualiti sikap resiliensi yang telah dikenal pasti dalam penyelidikan ini, iaitu: celiakal, berdikari, perhubungan, inisiatif, kreatif atau humor, moraliti dan resiliensi umum. Disamping itu di sokong oleh faktor protektif, daya tindak dan akulturasi. Walaupun program seperti ini berfaedah untuk semua orang, tetapi usaha bagi menyuburkan kecemerlangan pelajar perlu diberikan keutamaan jika kita berhasrat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai sifat keperibadian perkasa. Jika dilihat, sistem meritokrasi adalah agenda untuk membina daya saing (*competitiveness*) dan daya tahan (*resilient*). Pendidikan akan melahirkan lebih ramai masyarakat terpelajar, seterusnya memastikan penglibatan masyarakat kita di dalam pelbagai sektor, baik didalam dan luar negara. Pendidikan akan dapat terus memecahkan '*poverty cycle*' yang menghantui masyarakat kita. Antara usaha untuk mencapai kejayaan adalah memperkasakan agenda negara untuk memastikan penghasilan modal insan abad 21 yang amanah, kreatif, kompetitif, *resilient* dan *motivated*.

Keputusan kajian ini telah membuktikan bahawa pelajar-pelajar remaja yang mempunyai daya tahan dan daya juang atau dikenali sebagai waja diri yang tinggi yakni mempunyai sikap resilien telah menunjukkan kemampuan dan keupayaan untuk mendapatkan kecemerlangan dalam bidang akademik maupun dalam bidang kokurikulum selari dengan falsafah pendidikan kebangsaan. Model resilien yang dihasilkan, cuba memberikan pendekatan yang holistik kepada pihak tertentu untuk meningkatkan mutu pendidikan negara secara menyeluruh dan bersepadu. Kajian ini juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang positif di antara sikap resilien dengan daya tindak.